contohnya : dia ni seorang doktor , tapi seorang doktor kerja nya sepatut menolong org yang sakit serta mempunyai ilmu pengetahuan yang boleh memberi manfaat kepada org lain . Yang timbul masalah bodohnya bila seorang doktor lebih mementing kan duit dari pengalaman dia bekerja . dan kadangkala mereka ni menganggap gelaran doktor itu besar sangat darjatnya...hehe . lepas tu suka pandang rendah pada org pulak tu . macam gaji doktor besar sangat....hehe.
itu lah yang dikatakan bodoh pada pandangan saya , mereka mempunyai ilmu tapi ilmu mereka tak dapat dipertingkat kan lagi , kerana masalah yang ada dalam diri mereka sendiri. keseluruhannya ilmu mereka tak berguna utk org lain pun . sehinggalah mereka mati . yang berjaya hanya rumah besar mereka , kereta besar mereka (dari pandangan mata je lah)......
sebab dulu mereka penat belajar hehe......, dan cuba tok det pikirkan , kalau semua org bersikap begitu tak kira apa bidang pun mereka kuasai , apa yang akan terjadi pada wawasan 2020 tok det pada satu hari nanti .Bukankah itu dizaman pemerintahan BN . jadi sapa kita nak salah kan . tuhan ke hehe..........tapi tak semua lah doktor bersikap begitu .

Contoh nya ada seorang doktor dihospital kerajaan . Saya membawa anak saya kehospital kerana dia sering demam dan sakit perut. Saya pun menerangkan kepada doktor , apa masalah anak saya . Lalu doktor itu menjawab secara teorinya , doktor itu megatakan anak saya perlu diambil ujian air kencing , darah dan najis dia utk diperiksa , sebab anak saya dah demam nak dekat lebih dari sebulan sudah ,

Setelah dibuat pemeriksaan , Doktor mengatakan anak saya kena jangkitan kuman . dan perlu mengambil air tulang belakang utk diperiksa , kerana mereka tak pasti penyakit nya lagi.

Saya pun tak bagi lah , kenapa pulak sampai nak ambil air tulang belakang . isteri saya kata anak saya selalu kembung perut dan kentut terlalu busuk serta tahi dia selalu berwarna hitam , kemungkinan besar

anak saya ada cacing. saya pun beli ubat cacing kasi anak saya makan walaupun anak saya berusia tak sampai dua tahun pun lagi . selepas bagi makan ubat cacing . sampai sekarang anak saya sihat walfihat . sejak itu saya tak percaya lagi apa yang doktor cakap . nampak sangat doktor ni takde pegalaman . bercakap mcm org pandai......
tapi semua tak betul rupanya.

itu lah yang dimaksud kan org melayu kampung bodoh pada pandangan saya . Cuba Tok det tengok perkembangan bolasepak Malaysia dengan Negara Jepun , kenapa kita tertinggal begitu jauh sekali . bukankah itu zaman pemerintahan BN . Kenapa jadi begitu , nak dibandingkan dengan era moktar dahari memang jauh sekali . Siapa kita nak salah kan , Tuhan ke............Kenapa anak bangsa melayu kita begitu teruk sekali . siapa yang mendidik mereka .....Bukan BN ke.........
Inilah akibatnya kalau setakat boleh main bola sepak je tapi takde ilmu pengetahuan yang seiring dengan pegalaman. Apa bezanya saiz org jepun dengan org kita .

Itulah pandangan saya . semoga BN mengambil ikitibar mengapa rakyat malaysia berkata dibawah pemerintahan BN kita jadi makin bodoh .

Kita boleh bekerja keras untuk maju , kita boleh belajar sampai peringkat paling tinggi untuk maju tapi kita tak boleh mengubah nasib kita kalau kita tak berusaha setiap hari untuk mengubah pemikiran kita dan cara kita berfikir sebenarnya .

Dan jangan pendidikan negara kita , lahirkan satu bangsa tin kosong sudahlah he he.....
Ibarat diluar nampak baik , isi didalam langsung tak berguna pun untuk org lain

By johanniAuthor Profile Page on February 11, 2009 7:07 PM

Y.A.Bhg Tun & Bloggers,

Ini adalah reality sebenar,

Saya percaya ramai orang2 melayu yang telah berjaya keperingkat antarabangsa dalam pelbagai bidang yang mereka ceburi...saya teringat pada tahun 1970'an, kerajaan Malaysia telah mula berbelanja berjuta2 ringgit untuk rakyat, terutamanya anak2 orang melayu termasuk diri saya, untuk melanjutkan pelajaran mereka ke luar negara...grant dari kerajaan, biasiswa dari MARA & banyak lagi...

Banyak yang kembali dengan kelulusan yang membanggakan..dan ada juga yang kembali langsung tak sedarkan diri, dengan perangai kononnya berfikiran terbuka seperti orang putih...hinggakan tukar cara hidup seperti orang putih...yang tak lulus pun banyak...dah lupa diri...ini semua terpulang pada diri masing2...mereka ini yang dulunya anak2 orang susah dari kampung2...dulu nama dikampung jaffar bin abu bakar (anak tok mudim) sekarang dah tukar nama
JEFF ASHLEY BURN... bukan nak kata!... cerita betul Tun...

Yang dah sampai keperingkat professional pun ada...(Yang dok ada sekarang) dah melawan kerajaan pulak...tubuh party lain...ada juga Melayu yang ingat asal usual mereka...saya nak ucapkan tahniah!...depa tolong orang2 melayu lain yang baru nak merasa hidup...jadilah melayu sejati...

Yang tak sedar2 diri ini pun banyak...suka buat kecoh jalanan...menghasut melayu lain merusuh, melawan kerajaan, kurang ajar kepada sultan2...melayu yang dulunya tinggi budi pekerti... sekarang sudah hilang pedoman hingga sanggup menjatuhkan maruah bangsa...

INI LAH ORANG ULU MODERN...TINGGI PELAJARAN TAPI RENDAH AKHLAK...LAGI TINGGI PELAJARAN LAGI TINGGI KEBODOHAN...KALAU ORANG ULU PADA ZAMAN TUN MENJADI MANUSIA...ORANG ULU SEKARANG DAH MENJADI BEROK...
HAI LAH NASIB!

By Teik ChunAuthor Profile Page on February 11, 2009 7:12 PM

TUN,

Memanglah anak orang bandar, makanan lebih berkhasiat, ikan dan sayur lebih segar, gizi makanan pun lebih seimbang. Pendedahan pun lebih banyak maka pencapaian akademik di sekolah pun lebih baik berbanding anak orang "ulu". Mereka mengambil makanan tidak seimbang, protein kurang tambahan pula fikiran mereka kurang terbuka, maka pencapaian akademik pun kurang lah sedikit. Bila di Universiti barulah seimbang. Orang ulu tak orang ulu...peluang dalam pendidikan yang kerajaan bagi sama sahaja.

Berapa ramai anak orang "ulu" ini telah berjaya di Universiti dan kerjaya tanpa guna "cable" seperti yang dianggap sesetengah golongan. Mereka berjaya kerana polisi2 kerajaan dalam pendidikan, pemberian biasiswa, perjawatan dan lain2. Mereka dilatih dan diberi peluang kedua supaya boleh bersaing sama dengan orang lain dalam bidang2 pengkhususan masing2. Akhirnya ramai antar mereka menjadi orang2 yg boleh menyumbang balik kepada agama, bangsa dan negara. Ada yg menjadi Doktor, Jurutera, Akauntan, Arkitek, Juruukur Bangunan, Pensyarah dan Usahawan berjaya. Sebahagian pula menjadi pemimpin masyarakat a.k.a YB @YAB.

Sebahagian mereka bersyukur dan insaf dengan peluang yg mereka kecapi sehingga mereka berjaya. Sebahagian yg lain melihat dari sudut yg lain. Mereka beranggapan peluang yg mereka perolehi sepenuhnya atas usaha mereka (nauzubillahiminzalik). Setelah menjadi orang berjaya sebagai Jurutera (boleh jadi Menteri Besar juga) atau Ahli Korporat (kalau kecewa boleh masuk parti pembangkang dan boleh jadi MB juga) mereka lupa atau tidak lansung sedar tentang keistimewaan2 yg mereka nikmati selama ini. Mereka lupa golongan miskin dan orang ulu yg masih strugle utk keluar dari kemiskinan. Mereka mahu generasi baru berkongsi samarata, tanpa megira latar belakang keluarga. Mereka kata "ketuanan Melayu" itu bull shit. mengenaya bangsa lain kononnya. mereka sangka orang lain sudah kaya dan senang macam mereka, jadi boleh bersaing secara terbuka. Mereka mempermain-mainkan agama dengan menjual "ketuanan Islam" kononnya supaya orang Melayu yg rata-rata Islam supaya menyokong mereka supaya boleh jadi wakil rakyat.

Orang seperti ini pentingkan diri (Mereka harus bertaubat - pinjam Karpal) mereka tidak layak jadi pemimpin. Mereka boleh jadi peniaga dan bersaing dengan peniaga2 bangsa asing secara terbuka. DEngan cara pemikiran itu, mereka pasti boeh berjaya...

Kecerdikan atau Kebodohan tidak memilih dari mana asal kita tetapi bagai mana kita berfikir (Melayu masih lemah ini). Calon PhD (yg kononnya pandai) tajaan kerajaan ke luar negara pun tidak sedar, peluang yg mereka dapat bukan hak tetapi keistimewaan. Bila pulang ketanah air, hasut orang kampung membenci kerajaan (orang kampung kena percaya sebab yg cakap berkelulusan PhD).

UMNO pun kena lihat benda2 manacam ini secara serius. Hargai sesiapa sahaja yg ingin bersama berjuang. Beri tempat sewajarnya untuk mereka berbakti (bukan mencari untung) kepada Agama dan Bangsa mereka tanpa ragu. Rugi juga kalau bijak pandai memilih pembangkang sebagai wadah perjuangan...

Ini pun kena fikir....fikir....(bukan kah berfikir sejenak itu lebih baik dari solat sunat seribu rakaat)

Besyukur kepada Allah
Salawat keatas Nabi (S.A.W)
Berterima kasih kepada Ibu Bapa, Guru2
Pemimpin2 Negara Kita

Semoga TUN sekeluarga dilindungi Allah

By Raden TzukoAuthor Profile Page on February 11, 2009 7:12 PM

Assalamualaikum

Ayahnda Tun dan para pembaca

Perkataan 'ULU' dan 'PEKAN' amat menarik minat saya pada topik coretan ayahnda Tun kali ni...

Ayahnda .. saya ni... kategori orang Ulu.. tapi pikiaq cara orang pekan sebab pendedahan awal dari mak dan ayah serta keluarga... didedahkan kepada kehidupan orang pekan..

Saya juga teringat pada ramai antara pakcik dan makcik.. saya dari belah mak dan ayah... dan mereka boleh dikatakan semuanya berjaya ... terutamanya yang tinggal di Singapura... walau asal saya dari Batu Pahat, Johor... Satu yang saya respect sampai sekarang kepada mereka... Mereka Tidak Lupa.... mereka Melayu.. dan berprinsip... serta lebih berteloq... berbanding .... erm.. boleh dikatakan masyarakat Melayu sekarang ni .... di Malaysia

Saya rasa MasaElah Melayu sekarang.... kebanyakannya teloq tak berapa ada...

Contoh:-

a) Suka tikam belakang dalam apa juga bentuk... depan kawan tepi kanan kawin tepi kiri kenen... belakang... nah.... tikam sampai mati .... atau 'tikam' ikut suka antara Melayu sendiri...

b) Nak kaya cara paling mudah... tu yang jadi ramai MUDAH LUPA..... depa ni tak kira orang Ulu ke Orang Pekan ... sama... Cuma saya rasa orang pekan kurang sikit kut... sebab depa dah biasa... terdedah... kepada suasana atau kehidupan kalangan berada... MAKA wujud amanah dianggap sebagai salah satu 'paradise gate' .. pantang dapat pegang terus panggang untuk keluarga dan kroni...

c) Pendidikan sekarang tidak syumul... kerana peranan mendidik telah di KERJAYA kan sepenuhnya. Hilang kemanisan mendidik dan dididik ... HASILNYA ... memang mungkin bole dapat kelulusan Oxford.. tapi...

Pendek kata MasaElah rakyat Melayu Malaysia sekarang... sudah berada pada satu tahap 'zon selesa' hasil dari perjuangan serta penat lelah serta pengorbanan orang terdahulu...

Dua patah perkataan yang pasti dapat memberikan satu anjakan keseluruhan pada Melayu sekarang iaitu BERMUAFAKAT dan BERWAWASAN secara total

Sebenarnya banyak nak kata .... cuma masa tak mengizinkan... Ada sapi baka Brangus... baru lahirkan babynya ... saya kena pastikan... semua ok.... Hai belalang ... napelah pandai-pandai kata ayah ahli nujum... Belalang ... ooo belalang.. alahai...

Anyway... kami sayang Ayahnda Tun... moga Allah berikan segala yang terbaik buat Tun dan Family

By lizaAuthor Profile Page on February 11, 2009 7:17 PM

orng melayu ni bila dah pegang pangkat besar sikit mula lah lupa daratan dan tak kenang susah senang masa dia kecik dulu. org lain semua tak pandai dan bodoh . dia saja yg pandai
By OrangBaruLahirAuthor Profile Page on February 11, 2009 7:18 PM

Dear Yang Berbahgia Tun, semuga Tun sehat walaafiat dan dikurniakan keimanan keakhir hayat.

Maaf sekali lagi kerana memberi komen yang mungkin tak sebanding dengan apa yang Tun nukilkan, kerana ilmu tak seberapa dan hikmah pun mungkin belum ada.

Diwaktu pelbagai pehak memperjuangkan pengunaan bahasa Malaysia dalam pembelajaran Matematik

dan Sains, saya telah melahirkan kekecewaan saya terhadap YB Menteri Pelajaran, jika dasar pengunaan bahasa Inggeris tidak diteruskan, malahan saya turut mencoretkan agar pengunaan bahasa Inggeris ini diperluaskan kepada kesemua mata pelajaran.

Tulisan saya diwaktu itu hanya ingin menyanggah perjuangan orang Cina, melalui persatuan DONG ZIAO untuk mengekalkan pengunaan bahasa ibunda mereka sebagai alat perpecahan perpaduan dan tidak membentuk kerukunan hidup bermasyarakat walaupun mengaku menjadi rakyat Malaysia dibumi Melayu.

Tapi coretan saya hanya satu suara dari alam maya yang berbahasa dalam seribu bahasa, baru kelmarin saya mengucapkan ucapan selamat tinggal saya kepada Pak Lah supaya cepat-cepat meninggalkan pentas politik tanah air dalam beberapa bahasa - SAYONARA, ADIOS, AU REVOIR, HASTA LA VISTA, GOOD BYE dan SELAMAT JALAN. Tapi itu cerita untuk satu hari lain ...

Hari ini saya meminta izin YBhg Tun untuk memberikan pandangan saya mengapa kita harus meneruskan pembelajaran bahasa Inggeris, bukan lah pulak bermakna saya tidak mencintai bahasa ibunda saya atau tidak berasa saya harus berhenti menyelamatkan bahasa melayu, yang kian pupus dengan kemasukan istilah RAP, HIP HOP dalam penyerangan budaya melalui lagu-lagu bukan dari nusantara melayu atau menyelamatkan bahasa melayu kerana terlalu banyak drama asing dikaca TV, tapi hanya kerana berasa malu dan kecewa pada tahap pengunaan bahasa Inggeris di kalangan pemimpin Melayu dan pegawai-pegawai tinggi dalam kerajaan pada masa ini.

Aruah ayah saya, juga, Tun tidak boleh berbahasa Inggeris dan menjadi salah satu sebab dia tidak dapat diberikan jawatan menteri dalam kabinet aruah Tun Razak, tapi saya masih menyimpan perasaan bangga kerana aruah ayah saya adalah Melayu pertama yang berucap di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dengan mengunakan Bahasa Melayu.

Kalau dahulu sewaktu kecil, sewaktu ditadika sekolah mubaligh kristian, saya menghadapi kesukaran untuk meminjam kayu pembaris dari kawan sekelas kerana ketika hendak meminjam tidak tahu menyebut "ruler" tapi menyebut kayu rol ... habis diketawakan satu kelas.. tapi dengan "broken english" dapat juga saya belajar menyanyi pelbagai lagu kanak-kanak kecil yang dapat saya ajarkan kepada anak sendiri.

Tapi sekarang dikalangan pegawai kerajaan berjawatan tinggi dan ahli-ahli yang berhormat bukan lagi "broken english", asah hentam bunyi sama aje okay le, bayangkan Ketua Pengarah yang harus mempengerusikan mesyuarat diperingkat anatarabangsa kalau jadi utusan damai, boleh terbalik jadi utusan perang.

Kelemahan berbahasa Inggeris ini tidak membolehkan pegawai-pegawai kerajaan ini mencakup pelbagai ilmu yang terkandung dalam pelbagai buku dan tidak membolehkan mereka menyampaikan pendapat mereka untuk menerangkan sesuatu situasi dengan baik, sehingga dapat difahami oleh mereka yang mendengar dan ini tidak membolehkan mereka menyampaikan suara Malaysia di pelbagai platform antarabangsa.

Contoh paling ketara... maaf kerana mengunakan insiden ini memperkuatkan pendapat, adalah temuramah bekas Menteri Penerangan sewaktu ditemuramah oleh al Jazerra selepas kejadian rusuhan oleh kumpulan BEBAS di kawasan Masjid Jamek, Kuala Lumpur. Kata beliau dalam ingat-ingat lupa saya " Malaysia have erection every five years ... we have erection ...", sampai sekarang pun saya terbahak-bahak ketawa mengingatkan "isteri-isteri yang frust menonggeng, kerana terpaksa menunggu lima tahun sekali baru dapat kepuasan".. dan satu lagi juga melibatkan seorang lagi pemimpin Melayu yang dibicarakan di Australia yang apabila ditanya apakah dia tahu tentang aturan jumlah wang yang boleh dibawa masuk yang memberi jawapan " nooo speeake the english..."

Pada saya, mereka ini saya anggap sebagai sebahagian dari "THE LOST GENERATION of MALAYS who dont't speak any other languange except their mother tounge and yet they are entrusted to be the

leaders of a nation, who now have the whole world as their audience" satu generasi orang Melayu yang hanya mendapat pelajaran dalam bahasa kebangsaan dan tidak mampu berbahasa lain dan hanya mampu berbahasa Melayu.

Bahasa Inggeris ini juga penting buat golongan Melayu yang harus menjadi Internet savvy, kalau tidak mereka akan lebih jauh ketinggalan, buat penat aje Tun membuat MSC tapi orang Melayu tak mampu nak buka dan menelusuri beratus-ratus juta laman web yang ada sekarang ni. macam mana nak mengatasi sesuatu masalah kalau error messages semuanya dalam bahasa Inggeris.

Hari ini kalau para pembaca blog, membaca surat-surat khabar harian utama dalam bahasa Inggeris, kita akan dapat mengesan kesalahan bahasa dan istilah, dan kalau kita melihat sub title sebahagian filem Inggeris yang bersubtitle Melayu pasti akan ada kesalahan penterjemahan.

Untuk itu Tun, sebagai jalan keluar kemelut yang bakal menghantui generasai anak Melayu dimasa depan saya masih memperkuatkan semangat saya, untuk meminta pertimbangan Kerajaan untuk mengatasi kelemahan orang Melayu yang akan pasti berlaku, kerana tidak ada pendekatan pengajaran bahasa Inggeris diperingkat umur yang masih rendah .... kepada pejuang-pejuang bahasa lihatlah kembali bahawa amat penting sekali bagi sebuah negara kecil, seperi Malaysia memberikan keutamaan pembelajaran bahasa Inggeris...kalau kita negara besar seperti Indonesia atau India atau Cina, mmemang harus wujud mekanisme membentuk kerukunan bangsa melalui bahasa, tapi untuk kita sebuah negera kecil rakyat kita, harus dipersiapkan "to live in the global world", and we must find mechanism to retain our identity not only through our language, by influencing the need to be identified as Malays through promoting our culture, the way we dress, through the food that we eat, through the rigour and pratice of our culture "buka kasut sebelum masuk rumah", looking to prevent the influx of social change element like songs and literature that are not part of our way of life. We are not malay just because of our language, we must make in roads to retain our culture, our Sultan, the way we build our houses, the way we clothe ourselves and the way we interact as Malays.

Sebagai ujian berat untuk mengetahui kewujudan "THE LOST GENERATION OF MALAYS" saya telah menyarankan supaya setiap proses kenaikkan pangkat bagi jawatan penting, ujian bertulis dan ujian lisan dikendalikan bagi kesemua para calon yang layak, kepada Ketua Setiausaha Negara, setiap bakal calon harus mampu menulis dan mengembangkan ideanya dalam bahasa Inggeris dalam bentuk karangan diantara 4000 hingga 10000 patah perkataan " How the candidate once appointed can improve the performance of the ministry and what are the major challenges which he would like to resolve during his tenure in the new position" - karangan-karangan in wajib di post di web site kementerian untuk dilihat dan dikomentar oleh semua pehak... tulisan ini tidak boleh dibuat dirumah malah harus disiapkan di ruangan ujian .... cuba dan uji dan lihat lah samada jelas ada melayu yang tidak mampu berbahasa Inggeris.

Sayang sekali perbahasaan di Dewan Negara dan Dewan Rakyat pada satu masa dulu tidak lagi dibolehkan dalam bahasa Inggeris .... tapi kalau tidak ramai juga kita tidak akan dapat mendengar penyampaian perbahasan dengan pantun seloka yang mengoda, menyerang dan memberi pandangan, sekarang bahasa Inggeris para YB hanya "bloody foool" ... "you basxxxd" ... hai entah ya Tun

Maaf Ybhg Tun dan para bloggers, harapan saya setingggi gunung tapi hanya mampu dalam bentuk sebuah penulisan, itulah kalau kail panjang sejengkal .... saya kail juga walaupun sejengkal.

Wassalam

By HouseWife™Author Profile Page on February 11, 2009 7:19 PM

Assalamualaikum Tun,

Hai la nasib...lucu la Tun ni.

Ala hai nasib orang Melayu la ni kan Tun. Saya pun dah naik keliru apa sebenarnya yang orang Melayu nak. Saya setuju semua Melayu di bandar ke di kampong ke belajar bahasa orang putih, tapi ada depa ni

dok kata tok sah tok sah, sampai saya jadi keliru.
Kadangkala saya pun dok pikiaq kesian juga budak-budak kampong ni belajaq bahasa orang putih (terpengaruh dengan ala pikiran yang bangkang ni la) dan di samping juga tu saya bangga bila depa ni jadi lebih pandai dari budak-budak pekan.

Ya Tun betul peluang jangan di sekat dan di beri sama rata. Yang kaya dan mampu tentu boleh hantar anak mereka ke sekolah orang putih atau ke luar negara belajar bahasa orang putih, tetapi orang kampong dan miskin hanya boleh belajar di sekolah di kampong saja.
Jadi Tun sudah buka peluang pada semua...English for all.
Awat Tun tak beri penjelasan pada yang bangkang macam ni. Penjelasan macam budak sekolah ala ala kampong baru depa paham kot.

Saya rasa la Tun tak payah lagi dok debat pasal bahasa orang putih ni, tequih la saja...tok sah gostan lagi. Tapi patut emphasis lagi spoken English selain daripada written English baru la budak-budak kampong syok belajar bahasa orang putih ni.
Macam dalam drama "Good Morning Teacher", cikgu bahasa Inggeris ajar anak murid dia bahasa Inggeris melalui lagu orang putih.

Tun buat sesuatu semuanya bersebab dan tak pernah gostan balik. Tun memang berpendirian teguh.

Take care Tun and May Allah Look Upon You Always.
By Nasha Bin EdwinAuthor Profile Page on February 11, 2009 7:20 PM

INI MESTI SINDIR PASAL PPSMI NIE.?TAK APALAH TUN...BAIK KITA ORANG MALAYSIA JADI ORANG ULU AJE...TAK PAYAH LAGI JADI ORANG MELAYU ATAU MALAYSIA....GUNA BAHASA INGGERIS PASTI PANDAI SAINS DAN MATEMATIK SECARA AUTOMATIK TAK PAYAH NAK FAHAM ILMU SAINS KALAU PAKAR DALAM BAHASA INGGERIS PASTI DAPAT MENGUASAI SAINS PUNYA...KALAU TAK PERCAYA TENGOK ORANG INGGERIS DIA PANDAI BAHASA INGGERIS SEBAB TU LAH PANDAI MATEMATIK DAN SAINS..HE HE HE
By penang78Author Profile Page on February 11, 2009 7:22 PM

Salam Tun,
Yay...Im the first to give comments :)
Tun, lani baru saya tau yg di Kedah pun ada Orang Ulu...

Pada pendapat sayalah, tak kisahlah orang Ulu ka atau orang Pekan yang penting diri sendiri tu sama ada mereka nak buat atau tak!
Kalau tak cuba tak tau apa hasilnya nanti tapi kalau tak cuba langsung memang akan jadi bodohlah untuk selama-lamanya...
Sekian, terima kasih..

Taka care Tun!
By sangpujanggaAuthor Profile Page on February 11, 2009 7:24 PM

Assalamualaikum Tun

kita mmemabg boleh kalau diberi peluang yang sewajarnya..
semoga tun terus berjuang demi nasib anak cucu cicit bangsa...
By khairi aliAuthor Profile Page on February 11, 2009 7:27 PM

Assalamualaikum Tun, Apa yang tun cakap tu semuanya boleh terima, melainkan... hai la nasib.

Dalam laman tajdid dot com, ada disiarkan artikel saya tentang 50 tahun yang tak bererti dan 50 tahun di tipu. Walau pun tulisan ini adalah sebagai suatu outburst akibat PAS kahwin dengan DAP, namun, saya sudah pun mempunyai idea bagaimana Melayu boleh bangkit. Saya telah pun paparkan dan astora telah pun siarkan. Cuma orang besar saja yang tak layan.

Masalahnya bila saya tanya tak siapa yang jawab. Nik Aziz (MB Kelantan) hanya komen setakat 'berani' aje, tapi memo saya langsung tak dipedulikan. Alih-alih disuruhnya saya berjumpa dengan exco dakwah, ust. hassan mahmood dan dia persoal memo saya, tapi bila saya katakan : jangan lah tanya tentang jumlah ahli keluarga saja, tanyalah juga apa masalah dalam keluarga (bila nak kutip zakat). Lantas, dia pun bangun, dan berikan sokongan pada memo saya. Tu aje. Sokongan yang tak bergerak ke mana-mana.

Dek memo zakat saya tu, nama saya bising di MAIK. Tapi setelah diterangkan kenapa ada kritikan tentang cara memungut zakat, adalah sebahagian dari komponen memo, maka mereka pun senyap. Itu pun perlu melalui kawan di Balai Besar.

Sekiranya agama Islam anutan orang Melayu tidak bergerak pada paksinya yang sebenar, maka Tun pasti akan terus berkata : hai la nasib!!!

Kita mesti cuba, dan terus mencuba. Lagi pun, apa sangat lah dengan 50 tahun. Masih muda dan sepatutnya diteruskan lagi dengan lebih gigih. Lebih-lebih lagi la ada cendikiawan Islam dan ulamak. Semua perlu diajak berbincxang, tak kira sama ada kaki bodek, kaki ampu, ulamak terompah, ulamak sempit atau sebagainya. Ummah perlu berbincang!!!
By pakbelalangAuthor Profile Page on February 11, 2009 7:28 PM

Dear Tun,

Jins Samsudin nak di calunkan di Bukit Gantang. Apa pendapat Tun.
By hasbiAuthor Profile Page on February 11, 2009 7:30 PM

salam,

semoga kisah hidup Tun akan minggalkan kesan yg bermakna dalam masyarakat Malaysia melayu Amnya.
By rlAuthor Profile Page on February 11, 2009 7:33 PM

Dear Tun,
Just exactly what are you trying to tell us?
Do not look down on others?
May Tun stay healthy always.
By chemAuthor Profile Page on February 11, 2009 7:34 PM

Assalamualaikum Tun,

Saya bersetuju 100% dengan pendapat Tun. Manusia ini Tuhan jadikan sama sahaja di sisiNya. Jika insan diberi peluang insyaallah dengan sikap ketekunan. kesabaran dan ketabahan mereka mampu mencapainya.
Saya bersyukur kerana melalui dasar yang Tun perkenalkan iaitu Dasar Pandang Ke Timur saya mampu bersaing rapat dengan bangsa Korea dan Jepun. Malah kita lebih hebat dari mereka jika mengamalkan SIKAP yang betul.Terima kasih Tun.
By mm111Author Profile Page on February 11, 2009 7:42 PM

salam tun, begitulah sifat semulajadi manusia tanpa kira bangsa,agama dan negara.Demi mengejar cita cita dunia, fitnah dan mengata menjadi budaya .Tanpa memeriksa,maruah diperkosa .Tanpa hati yg ikhlas,matilah jiwa.

wasssalam
By redazunAuthor Profile Page on February 11, 2009 7:43 PM

sekarang melayu suka anggap melayu lain bodoh Tun..tgk je lah gaya anak2 muda tak kira pekan ke ulu

ke tgh bandar ke dalam gua ke,semua kalau bercakap mesti,"kau ni bodoh la","weh bodoh dengar sini","hahaha,bodoh gila kau ni"..kalau Tun x percaya boleh pasang je telinga anak2 muda melayu suka guna perkataan bodoh..dah la guna perkataan bodoh perkataan "gila dan sial" pun mesti ada sertai punya,baru meriah..inilah budaya melayu skang,(dulu pun ada kot) suka melabel orang lain bodoh,padahal diri sendiri bukan saja bodoh,malah bebal dan dungu dan setaraf dengan nya..

-saya bercakap benar kerana saya sendiri pelajar ipt dan dah naik muak dengar perkataan yang sama ulang kali "bodoh la.."
By aeminAuthor Profile Page on February 11, 2009 7:43 PM

salam ayahanda Tun dan semua forumer

itulah lumrahnya kebanyakan orang melayu especially orang melayu suka menghukum bangsanya sendiri tengok lah sekarang ini apa yang dah jadi kepada bangsa melayu ..../// 
By Mohamed InmranAuthor Profile Page on February 11, 2009 7:46 PM

Salam Tun, semoga sihat.

1. Rasanya anakanda faham isi yang tersirat, bak kata pepatah 'siapa makan cili dia rasa pedasnya'. Pembangunan sesuatu bangsa itu bukanlah terletak sepenuhnya pada bahasa Ibundanya, apa salah jika kita mempunyai ibu angkat ( bahasa Inggeris).

2. Bagaimana orang Melayu hendak maju jika tidak berani mengubah, ubah bukannya bermaksud anda melupakan sesuatu. Sebagai contoh, pelajar Melayu yang belajar di sekolah Cina sejak tahun satu tidak pernah pun saya lihat lupa akan bahasa Melayu. Malah markah mereka di dalam subjek itu adalah lebih baik.

3. PPSMI mempunyai objektifnya sendiri didalam membantu bangsa Melayu dan bukannya bermaksud untuk melemahkan mereka. Sebagai seorang mahasiswa di jurusan Kewangan Antarabangsa saya adalah saksi terbaik di dalam bukti kejayaan PPSMI. Pelajar yang lahir pada 1986 belum lagi merasai PPSMI, manakala pelajar yang lahir pada 1988 sudah merasainya. Pelajar 1986 bagi saya tidak dapat menandingi pelajar 1988 di dalam subjek yang di ajar. Bahkan, prestasi pelajar bukan Melayu adalah lebih baik dari pelajar Melayu.

4. Pelajar Melayu di IPTA hanya tahu 'copy and paste' manakala bukan Melayu tahu 'read and discuss'. Tetapi ingat, itu adalah bagi pelajar Melayu tahun 1986 kerana pelajar Melayu tahun 1988 sudah tahu 'read and discuss'. Semuanya masih lagi bertutur dialek 'Kelate, Utara, Nogori, Sabah ba, Sarawakh, Gannu, dan Selatan'.

5. Kita tidak akan menjadi bijaksana dengan kebijaksanaan orang lain, tapi kita akan berpengetahuan dengan pengetahuan orang lain. - Michel De Montaign.

Rasanya yang makan cili sudah sedar yang perkataan 'cili' itu pun berasal dari bahasa asing. Jadi makanlah 'lada' yang manis selepas ini.
By tampoiAuthor Profile Page on February 11, 2009 7:49 PM

masuk la http://meetampoi.blogspot.com/.pengakuan bekas pengikut anwar dan cerita tentang peniaga melayu
By cik naAuthor Profile Page on February 11, 2009 7:55 PM

salam bahagia buat Tun sekeluarga :)
saya setuju dengan pendapat Tun, jika ramai kaum Melayu diberi peluang sudah pasti ramai yang akan berjaya. Tapi boleh Tun komen sket pasal golongan yang berfikiran "ahhh takpa...kalau aku x berjaya sekarang pun, nnti bapak aku bley tolong. bapak aku ader kabel besar ngan si polan si polan"
hehehe geli hati saya :D

trimas :D
-cik na

*p/s: buat mak som & abah usop, adik rindu sangat kat mak abah...nnti keje adik da siap adik amek cuti panjang n balik kg yer... :D semoga sejahtera slalu hendaknya :)
By putraAuthor Profile Page on February 11, 2009 8:09 PM

Asmkm Tun,

Memang benar sekali pandangan Tun. Lo ni orang melayulah yang dok perlekehkan melayu. Orang melayulah yang nak jatuhkan melayu dan orang melayulah yang dok bergaduh sama melayu. Hai....nasib, nasib....!!! Teringat pesan Tok Angtuah "Tak kan melayu hilang di dunia", tapi untuk apa????
By azimAuthor Profile Page on February 11, 2009 8:19 PM

Salam Tun,

Apa kabar? Ini pertama kali saya beri comment dalam blog Tun. Saya setuju dengan Tun pasal keadaan orang dulu dan sekarang. Dan saya juga mengaku dengan kelemahan orang melayu kita sendiri termasuk diri saya sendiri.

Sekiranya peluang disekat pada kita semua tidak kiralah bangsa apa sekali pun, semestinya kita susah hendak capai kejayaan. Pada saya, orang2 dahulu jauh lebih bijak dari orang sekarang kerana pada masa itu bahan2 rujukan, facilities terlalu kurang. Walau bagaimana susah pun keadaan dahulu, tetap juga orang lama mampu capai kejayaan yg cemerlang. Zaman sekarang semuanya sudah lengkap dengan Internet dan macam2 lagi. Tetapi, tetap juga orang melayu gagal malah lebih teruk. Mungkin terlalu manja dan disalah guna semua facilities tu.

Kita malu dengan pencapaian kita yang tak kemana pun. Ambil contoh di India, institution seperti IIT, Hyderabad di India dimana ramai IT experts dari situ, dan bangsa mereka yang bekerja di Microsoft, Google, etc. Dan juga sudah launched its first rocket to the moon tahun lepas.

Mungkin di Malaysia, kena rujuk balik sistem pelajaran kita dan janganlah asyik focus kepada bangsa sahaja. Saya tidak tahu sangat perkembangan di M'sia sekarang sebab dari awal tahun 2008 saya sudah mula kerja di USA sini dengan H1-B visa saya. Cuma saya terbaca utusan online tahun lepas di mana pelajar2 melayu berarak tidak setuju ITM dibuka pada bangsa lain dan saya berasa sangat malu.

Untuk sistem pelajaran di M'sia, mungkin kita cuma exam-oriented sahaja yang mana pelajar2 akan bergantung pada kertas ijazah semata2. Dalam masa yang sama, orang sekarang cepat bangga dan berpuas hati dengan apa yang mereka capai. Padahal, sekiranya kita bandingkan dengan negara2 lain, terlalu banyak yang kita tertinggal dan pencapaian kita itu sebenarnya 'it's not a big deal at all'. Kita sepatutnya berasa malu.

Zaman sekarang sudah terlalu competitive, jadi kita kena bersaing kuat dan pada masa yang sama kita share the knowledge. Selama saya berkawan dengan software developer di sini, dari India, dan negara2 lain, inilah konsep yang mereka pakai. Dan masih banyak lagi yang kena explore. It's never ending. Apa yang saya tahu semasa saya bekerja di M'sia tahun2 dulu, orang kita cuma condemn dan tak puas hati expatriates bekerja di M'sia dengan gaji yang tinggi. Itu saja yg orang kita tau buat tiap2 hari. Diri sendiri kita tak kaji. Sekiranya bangsa2 american sini comdemn saya sebab saya expatriate di USA sini dgn high bill rate per hour, dah lama la saya balik cari kerja balik di M'sia.

Jadi, untuk kita berjaya dalam sesuatu bidang tu, kita kenalah berkawan dengan semua bangsa, sama2 bersaing, dan kena ikut perkembangan. Janganlah kita cuma jadi bangsa 'jaguh kampung' sahaja seperti bola sepak di M'sia. Cuba lihat pencapaian Nicol David tu.

Saya bangga dengan pencapaian Tun dan apa yg Tun sudah sumbangkan pada negara. Memang sedih dgn apa yang dah jadi semasa PakLah, Khairy, dan kuncu2 mereka selama ni. Yang senangnya orang2

politik juga, yang susahnya masih rakyat juga. Kebanyakannya cakap tak serupa bikin.

Harap2 tahun ni dengan prime minister yg baru akan jadi lebih bagus. We'll see.

Best of luck,

Azim
.Net Consultant
Wexford, PA USA
By aliriaruzAuthor Profile Page on February 11, 2009 8:20 PM

buah ulu..panas2 ade la
By malayprimaAuthor Profile Page on February 11, 2009 8:22 PM

Salam Tun,

Saya pun orang kampung yang diberi peluang belajar di luar negeri. Kalau dulu peluang untuk orang ulu atau orang kampung, memang diberi pada mereka. Tapi sekarang ni peluang ini telah diambil oleh anak-anak orang pekan yang ada KENALAN walaupun meraka ini jauh kurang cerdik dari orang ulu atau orang kampung.

Kalau tak percaya, cuba perhatikan calun-calun untuk kemasukan ke IPTA sekarang ini. Berapa ramai kouta VC, kouta menteri, dan macam-macam kouta lagi. Anak-anak orang kampung yang tak ada kenalan tak akan dapat memasuki IPTA sekiranya tak mendapat keputusan SPM yang benar-benar cemerlang............
By azma_6180Author Profile Page on February 11, 2009 8:24 PM

Salam TDM dan TDSH,

Saya tersenyum sendiri apabila membaca entry TDM yang ini...seronok sebenarnya apabila TDM berkongsi cerita dengan kami semua... memang betul kata TDM... kalau kita tak beri peluang macam mana kita nak tahu kemampuan kita.. tapi bagi saya...pada zaman sekarang peluang terlalu banyak, depan mata pun ada... dan salah satu masalah orang melayu ni, dia takut nak mencuba... takut pada kegagalan.... sedangkan daripada kegagalan itulah kita boleh belajar banyak perkara dan dalam masa yang sama, kita perbaiki kesilapan kita....
Semoga TDM sekeluarga sentiasa dilimpahi rahmat dan kasih sayang Allah S.W.T.. Amin...
By kilmerAuthor Profile Page on February 11, 2009 8:26 PM

With all the assistance that the government gives you malays if you can even get ATLEASTTTT a degree then you malays are more then ULU.

And by the way for all of you proud malays out there that think malaysia belongs to you, grow up cause this land called EARTH doesnt belong to anyone.

You just make up the majority, because you multiple like roaches.

For all that have a problem with my statement is because it is the truth.

Ask Mahathir he is disappointed with you all too.
By chaerulAuthor Profile Page on February 11, 2009 8:35 PM

Salam Nenda yang dihormati..semoga nenda berdua sentiasa sihat dan dirahmati Allah sentiasa,

Dalam maksud nukilan nenda kali ni, hmm.. hanya jauhari yang mengenal manikam..
By alamandaAuthor Profile Page on February 11, 2009 8:37 PM

Saya orang ulu gak Tun. Bapa saya orang Sik, Kedah (saya rasa Tun tahu betapa ulunya Sik dan dialek depa lain drpd yang lain). tapi disebabkan kebijaksaan pemimpin yang berjaya mencipta peluang pekerjaan dan berusaha menaikkan taraf ekonomi penduduk Malaysia, maka kami semua dapat keluar dari kepompong "ulu" and miskin dengan usaha ibu bapa kami juga. mereka tidak hanya berserah kepada takdir, toreh getah/ buat bendang. Dunia ni luas, macam2 ada. Malaysia ni peluang banyak tapi masih ada orang tak puas hati dan tak bersyukur, kata macam-macam dekat kerajaan. Kerajaan tak buat itu lah, tak tolong orang susahlah, abiskan duit rakyatlah (btw, yang dok komplen byk pasal abiskan duit rakyat (cukai) ini saya forecast 30% golongan berpendapatan rendah yang tidak membayar cukai - bising mcm tong kosong jer).

Sebenarnya semua kena usaha. Peluang tu ada, dan ingat rezeki Allah yang bagi, bukan UMNO, bukan BN, bukan YB. Saya sangat berbangga dengan ibu bapa saya yang berjaya sekolahkan kami adik beradik ke peringkat ijazah. Semua sudah berkerjaya hebat-hebat. Saya bukan nak puji keluarga sendiri, tapi itulah hakikatnya. Usaha Tangga Kejayaan. Terima kasih kepada kerajaan kerana memberi peluang untuk kami berusaha dan bersyukur kehadrat Allah s.w.t. ke atas rezeki yang dikurniakan kepada kami. Amin.
By fulusAuthor Profile Page on February 11, 2009 8:42 PM

salam tun
apa ni Tun.saya pun melayu tapi tak penah pun saya kata orang kampung bodoh.bukan apa,saya pun orang kampung jugak.hehe.semoga tun dan keluarga sihat selalu.
By kucauAuthor Profile Page on February 11, 2009 8:44 PM

Assalamualaikum,

Sungguh halus Tun menegur, ada makna yg dlm tapi lembut. Ikut andaian saya ini adalah berkenaan pengajaran bahasa Inggeris yg ada sesetengah pihak yg cuba utk hentikan dgn andaian bahawa org kg akan ketinggalan.

By shafinazAuthor Profile Page on February 11, 2009 8:46 PM

Tun, Saya bersetuju 100 peratus dengan Tun.Kalau kaum lain boleh menguasai lebih daripada dua bahasa, mengapa kaum Melayu juga tidak boleh berbuat demikian?Takkanlah sedikit istilah sains dan matematik dalam bahasa Inggeris pun pelajar Melayu tidak faham.Pada pendapat saya istilah sains dan matematik yang diambil daripada bahasa Inggeris, Latin dan Arab, lebih mengelirukan apabila ditukar ke bahasa Melayu.Seperti Tun, saya juga seorang pencinta bahasa Melayu tetapi pada masa yang sama tidak salah bagi kita menguasai lebih daripada satu bahasa pertuturan. Bayangkan apa akan jadi jika duta kita tidak tahu bertutur dalam bahasa Inggeris dan kurang maklumat di peringkat antarabangsa, bagaimanakah negara kita akan dapat berjuang di peringkat antarabangsa?
Pada masa sama, saya harap Tun jangan lupa menulis autobiografi Tun semasa jadi PM kerana setahu saya tidak ada seorang pun bekas PM kita sebelum Tun yang menulis biografi masing-masing.Jika bekas PM Singapura ada memoirnya, saya harap Tun juga berbuat demikian.Banyak kisah menarik terutama di belakang takbir yang perlu diketahui oleh orang ramai.Sekurang-kurangnya selain Lee Kuan Yew, kita juga ada versi lain daripada kaca mata Tun sendiri tentang hubungan Malaysia-Singapura dan pemimpin-pemimpin lain termasuk di tanah air sendiri.Salam Tun.
By lalok n tidorAuthor Profile Page on February 11, 2009 8:48 PM

YABhg Ayahnda Tun,

You are a man, a Malay and a leader with wisdom. Thank you.
You have succeed in creating a new breed of Malay. The Malay engineers of automotive, oil gas; the malay top surgeon with IJN, SJMC n etc; the Malay, however few of this forget their history and family root.

They care less on the kampung people...and see them as uncivilzed breed of Malay. Melayu tends to

foget and likes to forget.

But still the success is yours ayahanda Tun, you, Tun Razak, Tun Hussin, Tengku, Tun Dr Ismail, Ku Li was our (the malay) mastermind. TQ Ayahanda Tun
By azizahnsAuthor Profile Page on February 11, 2009 8:52 PM

selalu juga saya dengar ayat... "nak tipu orang kampung bolehlah..."

macamlah orang kampung ni bodoh-bodoh belaka. seingat saya orang bandarlah yang banyak ketinggalan sebab diorang takde masa lapang keje-keje-keje yang budak-budak muda main game.

berlainan orang kampung aktivitinya penuh dengan kemasyarakatan. surat khabar hari-hari baca. anak-anak muda dari kecil lagi sudah diajar pagi pergi sekolah, petang pergi balajar agama, malam pergi ngaji.
By KiaraAuthor Profile Page on February 11, 2009 8:53 PM

A'laikum Tun,

I really love this kind of story. Very humble topic and make me miss my country..MALAYSIA BOLEH!

Take care Tun...

W'salam.

Kiara,UAE.
By Suara MahasiswaAuthor Profile Page on February 11, 2009 8:57 PM

Assalamualaikum

Dalam sunnguh pengertian tulisan Tun kali ini. Buat saya terfikir sejenak. Untuk pengetahuan tun, ramai kenala saya asalnya dari bumi sabah/sarawak (pribumi) dan mereka semua amat cemerlang malah banyak kelebihan dari kami yang bumiputera melayu ni.

Terima kasih Tun
By Rantau730Author Profile Page on February 11, 2009 8:58 PM

Salam Tun,

Saya menyokong 100% apa yang tun kata kan. Zaman sudah berubah dan begitu juga dgn kemampuan kita orang melayu. Tiada beza antara melayu bandar atau luar bandar, yang penting keazaman dan kesugguhan untuk menjadi lebih baik dan maju seperti orang lain.
By vpresanthraoAuthor Profile Page on February 11, 2009 9:03 PM

Sir, I am a student, 17 this year, currently studying in Sekolah Sri Bestari (Bandar Sri Damansara). BAsically, I am not here to post any comments about what you've wriiten but I am here for a humble request. I did not had any medium to communicate with you, sir and that is why I chose this comment box to do so. If I am misusing the occurence of this tool, I am sorry.

Actually, sir, this is something personal. If you do not mind, really really do not mind, could you send me an email, sir ? I can tell what I wanted to say through that. Please sir, I will wait. By the way, this has got nothing to do with politics, I promise. I will also not affect your privacy by giving your email to anyone. If you do trust me, please help me sir, I am a young teen in need of your guidance (we need it!!!). Thank you for considering sir. My email is vpresanthrao@yahoo.com
By Ibrahim ladenAuthor Profile Page on February 11, 2009 9:10 PM

Salam Tun yg dihormati,orang yg mengatakan orang kampung tak boleh belajar B.I adalahlah manusia2 tamak kpd diri sendiri tetapi hantar anak2 mereka kesekolah atau kolej yg cermelang B.I utk anak2 mereka.Tetapi membantah anak2 kampung belajar B.I dgn alasan bahasa melayu akan hilang didunia kalau belajar sains dan matematik dlm B.I.Takut- takut anak2 kampung jadi pandai2,dengan biarkan anak2 kampung jadi bodoh selamanya...........
By leluconAuthor Profile Page on February 11, 2009 9:15 PM

nape tun, bernostalgia pulak. Teringat isu apa?

saya plak, generasi muda (bukan ulu, bukan pekan) mmg bersyukur sgt la, Allah kurniakan pemimpin-pemimpin berkaliber mcm Tun. senang sikit hidup la ni, terima kasih atas segala pengorbanan... :)
By kamal ahmadAuthor Profile Page on February 11, 2009 9:20 PM

Salam kasih dan hormat Ayahanda Tun.

“3. Bahasa mereka juga lain daripada bahasa kami orang pekan. Sesungguhnya mereka tak tahu apa. Bawak buah sikit, padi huma, beras pulut, sebagai buah tangan. Kadang-kadang mereka tidur di rumah tak perlu katil, hampar tikar sudah cukup.”

Ini semua tidak dapat saya kecapi dalam hidup saya anak beranak. Susah juga untuk saya nak ceritakan kepada anak-anak saya tentang semua ini. Saya amat sangat tersentuh dengan penulisan Tun kali ini. Semasa saya berumur 8 tahun, pada majlis hari lahir saya, saya masih ingat ada saudara mara sekeluarga saya yang datang dari “ulu” juga. Mereka naik bas dan kemudian naik beca ke rumah kami 2 KM dari pekan. Hadiah saya adalah satu “siaw” (mangkuk tingkat?) itik liar (geese) masak rendang. Hidangan yang teramat sedap sekali Tun, daging itik itu hancur tanpa perlu di kunyah. Tak pernah lagi saya merasakan masakan sebagus itu. Dan saya pun hairan kenapa, tetapi setelah mendirikan rumahtangga, baru lah saya faham. Isteri saya kata, sebenarnya apa yang telah saya jamah adalah merupakan keikhlasan dan santapan itu telah masuk kedalam jiwa saya. Biarlah saya jadi orang ulu pun tak apa, asal hati dan jiwa saya ikhlas, seistimewa dan sedarjat dengan mereka juga. Terima kasih Tun.
By MANZINAuthor Profile Page on February 11, 2009 9:21 PM

BY-PARTISAN THINK TANK,

YAB TUN, Can a country gather acadmeicians, technologist, financiers and great brains to act as a by-partisan think tank that can be the reference back bone for the government of the day. Other than a few, most portfolio holders are not trained and tested to helm the critical steering on behalf of more than 25 million Malaysians.

Politicians have a political agenda and priority - that is their profession.

Before I expand further, can you drop a reciprocation here?

MANZIN
By mamakAuthor Profile Page on February 11, 2009 9:22 PM

Salam Tun,

Semoga Tun sihat selalu,

Harap Tun dapat kongsi cara Tun dibesarkan oleh orang tua Tun dulu.

Semoga ia dapat membantu kami semua.

Terima kasih.
By FauziAuthor Profile Page on February 11, 2009 9:25 PM

Jika kita nak berada di atas kita perlu berkorban terlebih dahulu. Langgar syarat/hukum tak apa. Bila dah kat atas, dah ada kuasa, boleh kita ubah dan bawa mengikut kehendak dan cara kita.
By Tuah DerhakaAuthor Profile Page on February 11, 2009 9:29 PM

Salam,

betul ckp Tun, org Melayu yg pandang lekeh org Melayu sendiri ibarat "Nizar minghina Sultan"

Kat bandar pun ramai yg buta kayu, buta hati lagi ramai

kat kampung buta it yg banyak tp hati masih lagi celik
By OumonoAuthor Profile Page on February 11, 2009 9:29 PM

org melayu awal banyak yang berkualiti. orang melayu sekarang yang intermediate ni banyak yang ckp saja ada kualiti tp otak kosong.

haih nasib.
By calotAuthor Profile Page on February 11, 2009 9:32 PM

Salam Tun,

Pada pendapat saya, yg membezakan seseorang itu bukanlah dari mana dia berasal, ulu ke, pekan ke mahupun bandar.

Cuma sikap dan pendidikan yg diterima sahaja yg membezakan seseorang itu sama ada dia bagus atau tidak. Selebihnya banyak bergantung kepada persepsi masyarakat yang selalunya kurang tepat.

Take care Tun. I still simpan my family picture with you and Tun Dr Siti Hasmah... ;)
By MatGOJIAuthor Profile Page on February 11, 2009 9:32 PM

Salam,

Tun...saya setuju pandangan Tun.... saya pun mai dari Kola nerang... org kata Kola Nerang tu ulu jugak lah..now saya dah Jadi Engineer..kira oklah..Alhamdulillah....Semoga Tun Sihat selalu...
By safaraAuthor Profile Page on February 11, 2009 9:32 PM

salam...
saye setuju dgn pendapat Tun...
orang Melayu mmg hebat kalau diberi peluang...sejarah pun dh membuktikannya...oleh itu,masyarakat mesti saling mempercayai akan kebolehan org lain...x boleh la nk pandang rendah...
By pakbelalangAuthor Profile Page on February 11, 2009 9:38 PM

Dear Tun,

Below is an interesting article written by Halimah Mohd Said. I think she is a Datin and a daughter of former MB of Negeri Sembilan Tan Sri Mohd Said. This article appeared in the Sun paper yesterday.

Tough call for Umno

IT IS painful to see the party that fought for our country’s independence and established the sovereignty of the Rulers, the Malay language and Islam their religion being relentlessly pursued for its present incompetence.
Not only is Umno and its leadership being criticised, but what is even sadder is that many Malays are repulsed by the perceived wrongdoings and mismanagement within the party and in its dealings with the greater Malaysian society.

The Malay unity once represented by Umno is crumbling and will soon become obsolete.

The younger generation of Malays, equipped with knowledge about democracy, justice, legal and constitutional procedures and a more equitable approach to affirmative action, is questioning every move, every action taken by the party which their fathers and grandfathers pledged allegiance.

Even the old loyalists are beginning to doubt Umno’s ability to survive the next general elections. And the Perak political impasse has only served to exacerbate these sentiments.

It’s easy to be critical and condemning of Umno. The real challenge for the Malays – if they are worth their own salt and the "ketuanan" they valiantly defend – is to remain steadfast. Instead of deserting the Malay cause which Umno has fought so hard to establish, they must consolidate it with new insights.

I challenged some bright young Malays to suggest a few things that Umno must do immediately to show it is serious in eradicating the corruption and abuses within the party hierarchy and in its business undertakings. Chief among these is money politics and the wheeling and dealing in business.

They suggest that three announcements must be made immediately and implemented soon after:

» The quota system in the party elections will be abolished.

» Tenders and contracts will be awarded in an open cyclical system where the races will get equal opportunity to prove their efficiency and efficacy.

» The big fish who are corrupt will be caught and exposed.

Umno’s credibility is hard to reestablish but I believe it is not impossible if the Malays are serious about their honour and dignity.

Halimah Mohd Said

comment:

First thing first, Auntie Halimah.

Get rid of all the UMNO leaders who are really "deadwood" and have overstayed their welcome in the party.This coming UMNO election is the best opportunity for UMNO members to act responsibly by democratically using their precious voting rights to remove those deadwood and corrupt leaders.

If this is not happening to get rid of these haprak, HP6 and hopeless leaders, I think that's the end of UMNO.
By NIK SAuthor Profile Page on February 11, 2009 9:38 PM

Askum. Tun,

I'm really in favour of your comments. If you have trust and opportunities do grab it and excel in your future. Anything is possible. Rgds n Wassalam.

Nik S
By samcoAuthor Profile Page on February 11, 2009 9:38 PM

Salam Ayahanda Tun,

1.Saya pun org Kedah juga - lahir di Simpang Kuala.
2. Punya la lama tak balik, tak sangka Simpang Kola pun dah jadi "bandaraya" ...

3. Orang dulu, orang la,
orang Ulu, orang Simpang Kola,
pada saya tak patut ada beza...kita sama saja..
Salam rindu untuk Bonda Hasmah
By che wanAuthor Profile Page on February 11, 2009 9:41 PM

Assalamualaikum Ayahnda.

Banyak makna yang tersirat disebalik coretan ayahnda kali ni.

Teringat pula pepatah melayu lama... "kalau tak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.."

Usaha untuk memajukan bangsa telah banyak dilakukan pada zaman ayahnda tetapi kini ada banyak pihak cuba secara langsung atau tak langsung menyekatnya.

Hasil dari setiap usaha bukan datang sekelip mata, tetapi memerlukan kesinambungan perlaksanaannya. Contoh yang terbaik adalah Pembelajaran bahasa inggeris di dalam Sains dan Matematik.

Ntahlah ayahnda..., mungkin ramai yang belum buka mata dan minda untuk kemajuan bangsa sendiri.

Orang tua2 zaman dahulu menanam pokok buah-buahan untuk kesenangan serta kemudahan anak cucu di masa depan. Tetapi orang zaman sekarang lebih senang beli terus di kedai. Tak payah susah2 nak tanam.

Semoga Ayahnda sekeluarga sentiasa bahagia.

Salam dari pmtg pauh.

Che wan

http://pusakaayahnda.blogspot.com/
By limyingpioAuthor Profile Page on February 11, 2009 9:50 PM

Tun, I agreed with what you said, "if people stop us our opportunity", how can we know whether we can achieve higher performance?
So, I hope government Malaysia will remove any form quota system and let the people from all ethnics to contest on fair ground and do the best for this beloved country Malaysia.
By AK48Author Profile Page on February 11, 2009 9:56 PM

Tun,

Saya setuju dengan pendapat Tun org ulu bolehberjaya jika diberi peluang. Tetapi zaman ini zaman mengejar peluang dan jika terlambat peluang tu dikebas orang lain. Kita tak boleh lagi nak berangan sambil tunggu peluang tapi kena bersaing untuk mengejar peluang kerana kita kena bersaing dengan bangsa lain dan depa sekarang pun asyik pijak kepala kita.
Orang Bandar tak ada masalah kerana mereka telah didik untuk merebut peluang yang ada,bagaimana pulak dengan orang kampung? Sebenarnya mereka bukan bodoh tetapi mereka takut kerana mereka tidak biasa dengan budaya yang ada sekarang. Sekiranya mereka mendapat pendedahan sama seperti orang Bandar,rasanya orang bandar mungkin ketinggalan.

regards
By pak abuAuthor Profile Page on February 11, 2009 9:57 PM

YAB Tun ...
Bercakap pasal orang ulu teringat kisah tanda tanda nak kiamat; selain wujudnya bangunan mencakar langgit sebagai tanda hampir kiamat , ialah bila orang ulu turun bandar pakai kasut,hehehe...biasa

mereka tak pakai kasut..bila mereka sudah pandai pakai kasut bila pergi bandar itu tanda nak kiamat...
By emvilleAuthor Profile Page on February 11, 2009 10:05 PM

Pedas tu Tun. Ini mesti ada kena mengena dgn protes org2 kita yg menentang penggunaan Bahasa Inggeris dlm matapelajaran Sains dan Matematik.
Betul la tu. Klu kita sendiri tak bagi peluang utk org kita sendiri maju, siapa lagi yg bela nasib bangsa sendiri?
By virtual11Author Profile Page on February 11, 2009 10:06 PM

salam tun,

buat pengetahuan yg berbahgia tun,saya pun org ulu jugak,ulu s'wak..
mintak ampun tun,saya tak faham langsung pucuk pangkal cerita tun kali ni.. boleh tak terangkan..seterang2nya? maaflah saya ni tak faham kalau cakap berlapis2..maklumla bodo..belajarpun tak tinggi mana..

oklah tun,saya mohon diri dulu.. nanti gelap sangat tak jumpa pulak jalan balik..maklumlah.. ulu..darat pulak tu..manalah org kerajaan heran kat kami nih..(kecuali bila time undi)

HAI LA NASIB..
By SUNLEEAuthor Profile Page on February 11, 2009 10:10 PM

Dear Tun,

It is so nice for me to image you, a young boy sitting chair in a school with orang ulu. I have never actually sat down and imagine ... my beloved Tun was once a school boy like me... I guess everyone has to start somewhere.

I love this particular post because it touches on what I have always believe in. We are all made equal, regardless of our colour, race, religion. Every race in the world has it's share of good and bad apple. If the saying "a rotten apple spoils the whole barrel" is true then what hope do we all have.

I believe the one thing that distinguish the good apple from the bad apple is the attitude we have on life. Regardless of whatever obstacles in our way, if we have the right attitude we can make the difference.

We Malaysian have always had good leaders who ensures peace and prosperity in our country. We are not perfect, we have our pros and cons, we are not the best country in the world; we are less fortunate to some and we are very fortunate to other.

Regardless of our colour, race and religion, I dare say we are very pampered. I think most of us have forgotten our roots. We have forgotten the price our ancestors paid for the peace we enjoy today.

Maybe one day the truth will smack us on our face. Then we will realise we are no different from one another, we will stop treating each other differently. We will see each other as one race "Malaysian".

Hopefully then we will realise the cost of peace.

Good night Tun.
SUNLee
By Abdul Rahman Mohd IsaAuthor Profile Page on February 11, 2009 10:11 PM

Assalamualaikum Tun,

Saya juga anak kelahiran ulu juga walau pun arwah ayah saya berasal dari pekan (Setempat dengan Tun di Seberang Perak). Sebagai guru dia berkhidmat di tempat tempat ulu termasuklah di Hutan Kampung, Tunjang dan lain lain. Saya ada terbaca dalam diari arwah yang menyebut mengenai Tun semasa Tun

menjalankan Klinik MAHA di Pekan Melayu suatu ketika dulu dan arwah pernah mendapat rawatan dari Tun juga.

Namun saya dilahirkan di pendalaman ulu dan sangat berbangga juga dengan tempat kelahiran saya. Saya membesar dalam suasana ulu pendalaman. Sekarang tempat kelahiran saya dah tak berapa ulu lagi sebab perjalanan ke Alor Setar pun dah tak sampai satu jam dengan kenderaan.

Alhamdulillah anak anak orang ulu juga dapat belajar sempurna sehingga dapat berkerja di bandar bandar besar dan menjawat jawatan yang sesuai juga dengan tahap pengajian kami.

Saya mendoakan agar Tun terus panjang umur dan dapat menyiapkan buku sejarah kehidupan Tun dari kecil sehingga ke saat terkini. Mudah mudahan Allah melimpahkan rahmat kepada Tun dan keluarga.
By azroy Author Profile Page on February 11, 2009 10:11 PM

Tok det.
saya pun orang ulu jugak..

tp alhamdulillah,berkat kesabaran dan kesungguhan.
berjaya kami cipta Landskap terindah untuk Tok Det
di Putrajaya nuh..
masih teringat betapa perit jerih kami memeras otak
untuk merealisasikan impian Tok Det.
la ni kami bangga...Putrajaya dimata Dunia..Hasil orang ulu

Teringat zaman belajaq kat Aloq Staq,Tongkang Yard dulu,
rumah Tok Det belakang kilang ais tu...dok balik naik
bas ekspress tu..mesti lalu depan kilang tu dulu..
depan rumah Tok det..

Tok det,
masih saya simpan tandatangan istimewa Tok det dengan
Nek Asmah di buku Lanskap saya.....akan saya simpan
sampai bila-bila...
By ainAuthor Profile Page on February 11, 2009 10:12 PM

salam Tun..

I totally agree with u.
Setiap manusia ada potensi masing-masing, orang ulu atau orang pekan, semuanya sama. Cuma perbezaannya cuma peluang.
Untuk pengetahuan Tun, ayah saya dulu pun orang susah juga, tapi itulah yang amat saya banggakan pada dirinya.
He struggled, and he found himself a decent place in the society - because he never gave up.
And now, I'm his 17-year-old girl who lives in comfort - never known what it was like to lead a harsh life like he did. He made sure of that.
But I know my life has just started.
I wanna be a doctor, just like you.
I wanna be a prime minister, just like you.
I wanna make a change in this world, just like you did.
All I need is a few chances to prove myself. But like you said, some people just love to be discriminative.

Tun, I just wanna you to know that this blog gives me inspiration, and undoubtedly to many others as well. Keep it up.

I went to KLFCW's Forum of Palestine to listen to your speech, coming directly from perak by bus.
But it's all worth it, I felt a swelling pride being the next generation of Malaysian, and looking at you upon

the stage, I had a picture framed inside my mind of the leader i want to become.

Thank you Tun, for being an inspiration. May Allah bless you always.
By khosimAuthor Profile Page on February 11, 2009 10:21 PM

salam tun,

saya dapat tangkap apa yang tun cuba tulis (isu Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) ..tulisan tun kali ini amat dekat dengan saya kerana saya juga orang Alor Setar( kembali ke ejaan asal)yang kini mencari rezeki di kota Kuala Lumpur..seperti Tun sedia maklum, orang ulu ini selalunya dirujuk kepada orang melayu yang tinggal dikawasan pedalaman dan luar bandar..Saya sendiri sebenarnya adalah anak kampung(bukan orang ulu) yang dibesarkan oleh kakak saya di pekan Alor Staq..Tun, saya percaya manusia itu diciptakan sempurna dengan akal fikiran oleh Pencipta Yang Satu (tidak kira Orang Ulu atau orang pekan).. Ramai yang mengatakan anak-anak melayu dikawasan pedalaman ini tertindas oleh perlaksanaan PPSMI(ramai juga yang melanjutkan pelaran di SBP, MRSM dan sekolah berasrama),.. keputusan UPSR, PMR dan SPM baru-baru ini boleh dijadikan rujukan. Mungkin ada kebenarannya, tapi saya amat tidak setuju PPSMI dihapuskan dan matematik dan sains kembali diajar dalam bahasa Melayu..bukan saya tidak sayangkan anak-anak bangsa kita, tapi berilah masa untuk dasar PPSMI ini memberikan kesan yang kita semua harapkan..kaji dulu apa masalah-masalah yang menghalang anak-anak Melayu di pedalaman menerima PPSMI ini(terlalu banyak masalah dan kekangan)sebelum kita terus menolak PPSMI..betul tak tun??
By zafrulAuthor Profile Page on February 11, 2009 10:21 PM

yang melahirkan negarawan teramat ulung juga...

terima kasih tuhan.
By MALAYSIADREAMAuthor Profile Page on February 11, 2009 10:27 PM

*****************************************************************
KINI SELEPAS 50 TAHUN KEMERDEKAAN ....ORANG-ORANG KITA SEMUA DAH JADI ANAK-ANAK BANGSA MALAYSIA..YANG TERHORMAT..TERCINTA...TERPELAJAR.. HIDUP AMAN-DAMAI ,BANGGA DAN BAHAGIA...KERANAMU MALAYSIA...KERANAMU BAPA PEMODENAN MALAYSIA..TUN DR MAHATHIR MOHAMAD...!

THANK YOU VERY MUCH,SIR...!

AMAT YAKIN DAN BANGGA SEMASA TUN JADI PM MALAYSIA.....!

SEMOGA TUN SENANTIASA SIHAT-SEJAHTERA DIBERKATI TUHAN SELAMA-LAMANYA.

*****************************************************************
By oyyoyyoyy84Author Profile Page on February 11, 2009 10:28 PM

yeah!anak muda luar bandar juga boleh cemerlang! setuju seratus pereatus!!!
By pakbelalangAuthor Profile Page on February 11, 2009 10:28 PM

Dear Tun,

Melayu Mudah lupa
selalu kata tak pa
Semua Melayu serupa
Tanya pasal apa?
Kerana Melayu tak ada kepala
kurang baca
malas kerja
seronok suka-suka

dapat kontrak orang lain kerja
hanya pandai buat cerita
cerita semua karut belaka
Melayu bila dapat kuasa
terus rasuah merata-rata
sombongnya tak terhingga
tak takut dosa
maruah tergadai tak apa
asal hidup bahagia sentosa !!

Hai lah nasib Melayu, Tun kata.

Hai ya itu Melayu, orang lain kata !!

By PerakAuthor Profile Page on February 11, 2009 10:33 PM

Hehehehe... Orang ulu ke orang pekan ke, janji usaha kena lebih, baru boleh dapat apa yang kita usahakan, cepat atau lambat je yang membezakanya
By amieiedaAuthor Profile Page on February 11, 2009 10:36 PM

Tun,

ternyata orang dahulu bernasib baik kerana disebalik kemunduran ekonomi dan kepayahan hidup, jati diri anak melayu pekan atau ulu sentiasa diuji. Ujian demi ujian mematangkan anak melayu angkatan Tun, dan menyediakan generasi muda zaman TUN menjadi aset agama,bangsa dan tanah air.

saya mohon Tun dapat menulis kenapa MELAYU MODEN yang kini mudah lembik namun menjadi keras bilamana memenuhi tuntutan nikmat dan nafsu.

Saya juga ingin tahu bagaimana TUN mengasah minda TUN untuk menjadi seorang strategis yang kritis
By hang tuah malayaAuthor Profile Page on February 11, 2009 10:37 PM

salam tun,

semoga tun sekeluarga sihat sentiasa. Syukur Alhamdulilah sebab saya dapat peluang belajar di luar negara melalui biasiswa kerajaan. Memang diakui tidak semua mendapat "nikmat" biasiswa ini. Namun rezeki Allah yang beri dan dapat tak dapat, sudah tentu ada himahnya.

Terima kasih tidak terhinnga kepada Tun yang telah banyak berjasa kepada negara.

By 2nowAuthor Profile Page on February 11, 2009 10:38 PM

Hai lah nasib ya Tun, Salam Tun,
Memang itu la lumrahnya sejarah manusia, kemajuan bangsa sendiri sentiasa nak kita sekat. sebabnya dengki, takut akan hilang kuasa, generasi muda lebih pandai. tapi memanglah generasi muda mesti lebih pandai kalo tidak mana ada kemajuan. Pendidikan lah satu-satunya cara yang paling baik (jangan harap duit boleh beli kemajuan) Orang kita ini asyik ingat orang kampung yang bodoh ... Tapi orang yang ingat itu orang pekan... macam dia itu sedang berbudi kat orang kampung.. mungkin cuba untuk kekalkan kemunduran orang kampung supaya dia itu boleh lah cari alasan untuk hujah sendiri. orang kampung masih mundur.. hai kita dah merdeka lama ... dah banyak buang duit kat kampung tiap tiap RJP dibuat... Hai nasib la orang kampung ini adakah mereka dibela atau dibelah???
By zoffAuthor Profile Page on February 11, 2009 10:43 PM

Salam Tun,

Yang kuat menolak PPSMI tu ibubapa yang lemah bahasa Inggeris dan tidak mahu berusaha lebih untuk membantu anak mereka menguasai bahasa Inggeris.

Pelbagai alasan diberikan untuk menolak PPSMI, antaranya ianya mewujudkan persekitaran pembelajaran yang berat sebelah kepada murid-murid luar bandar kerana infrastruktur dan kemudahan pembelajaran jauh ketinggalan berbanding dengan di bandar.

Tidakkah mereka sedar dengan menguasai bahasa asing, pelbagai pintu pengetahuan terbuka untuk diterokai.
By Muhammad Firdaus bin AbasAuthor Profile Page on February 11, 2009 10:52 PM

Salam Tun,

Saya cucu orang ulu jugak Tun. Tok wan saya dok di Kampung Gandai, Ayaq Hitam Kedah.. Laa nie tok wakil parlimen area tue anak Tun. Bapak saya kali pertama pi pekan aloq setaq masa dia umur 7 tahun. Pi dengan perahu..(mcm cerita tun jugak) Kalau pi memang kena tidoq di pekan pasai tak dan dah nak balik pi ayaq hitam balik pada hari yang sama. Laa nie pi aloq staq cuma 20 minit saja.Bapak saya belajaq sampai darjah 7, dia perabih darjah tujuh di Jitra, pi jitra dengan gerek tok wan saya kayuh, lepas tue tumpang adik beradik di Jitra. Jadilah dia cikgu.. Bila pak saya jadi cikgu dia aktif jugaklah politik tapi dia tak berani jadi calon sebab area kampung saya ayaq hitam tu memang sejak zaman berzaman kawasan 50-50. (Laa nie orang berebut nak jadi calon sebab kalau kalah pun UMNO bagi itu dan ini). Pak saya memang cenge! Sbb dia cenge dan banyak pupuk semangat nak berjaya dalam diri kami, dapatla kami adik beradik keturunan orang ulu nie jadi doktor, cikgu dan pegawai kastam. Memang betui kata Tun sekarang nie orang melayu dah tak dak faith dalam jiwa depa macam orang - orang lama seperti pak saya.. Depa orang lama macam Tun, pejuang Melayu tulen!
By fadzil mohd talibAuthor Profile Page on February 11, 2009 11:03 PM

YAB Tun Mahathir & Tun Siti Hasmah serta para pembaca Blog ini.
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Tajuk Tun hari ni memang menarik. Ia ada kena mengena dengan keyakinan diri, ketahanan diri dan semangat juang seperti yang Tun warwarkan semasa Tun menjadi perdana menteri selama 22 tahun. Kalau tidak masakan ada slogan 'MALAYSIA BOLEH'. Slogan ni makin kita lupakan sekarang.

Memang betul, orang Melayu khasnya dan rakyat Malaysia amnya memang boleh berjaya jika di beri peluang dan peluang itu di ambil dan di menafaatkan dengan sepenuhnya. Memang banyak dah terbukti dan contoh Tun di atas adalah salah satu dari beribu-ribu.

Sejarahnya orang Melayu ni adalah pedagang dan pelayar yang menyeberang lautan dan benua untuk berdagang, malangnya sekarang ini kita telah lupa kebolehan kita itu. Kita telah berdagang ke negara Cina, Timur Tengah, Eropah, Amerika, Australia dan sebagainya untuk berdagang, berniaga.

Kita sekarang ini mempunyai keyakinan diri yang sangat lemah dan bergantung harap kepada pertolongan/bantuan dari pada kerajaan dan keluarga, kawan-kawan. Semangat juang dan ketahanan diri juga tidak kurang lemah kerana bila menghadapi kesusahan dan kesukaran beberapa kali kita mudah mengaku kalah. Bayangkanlah jika Kolonel Saunders(Kentucky Fried Chicken)mengaku kalah, mungkin hari ini kita tidak akan dengar produk KFC. Beliau telah mencuba menjual resepinya sebanyak 99kali dan kali yang ke 100 beliau berjaya juga akhirnya.

Kita mesti ambil contoh semangat juang dan ketabahan ini walaupun Kolonel Saunders ini bukan dari bangsa Melayu dan bukan dari agama Islam. Kita mesti bergaul dengan semua bangsa tidak mengira agama, rupa, warna kulit. Cuba kita renungkan, Barak Obama, rakyat Amerika yang datang dari warna kulit hitam menjadi Presiden Amerika. Siapa sangka rakyat Amerika Kulit Hitam boleh menjadi Presiden Amerika. Ini adalah satu kejayaan pada bangsa mereka, yang mana mereka telah di tindas, menjadi hamba, di bunuh, dan dilarikan dari negara asal mereka dan di bawa ke Amerika.

Lebih luas kita bergaul dan belajar dari kehidupan mereka semua ini, mengambil yang baik dan membuang yang buruk lebih banyak pengalaman kita. Kita mesti mengunakan kebijaksanaan kita dan agama kita sebagai garis panduan untuk menilai yang baik dan yang buruk. Contoh yang dekat dengan kita ialah seperti Tun sendiri yang bekerja 8-11 jam sehari untuk membangunkan bangsa Malaysia dan negara Malaysia. Membangunkan modal insan dengan meniup semangat, dorongan, keyakinan dan sesekali marah bangsa sendiri.

Akhir sekali untuk berjaya bukanlah senang dan paling sukar sekali untuk mengekalkan kejayaan itu memerlukan usaha dan ketekunan. Tulisan ini bukanlah untuk pemilihan UMNO, saya bukan ahli UMNO, saya menulis untuk mengingatkan diri saya dan bangsa saya yang masih jauh lagi perjalanan kita.

We have lost alot of ground and we need to double our effort and work hard to achive where we are before. We can not take things for granted any more. We need to earn our respect and we need to work to get the respect that we deserve. We can do this and we have did it before. Lets unite and build a united Malays, Bangsa Melayu yang di segani, di hormati dan bangsa contoh untuk dunia, Duduk sama rendah berdiri sama tinggi.

محمد طالب فاضل
ال رياض
المملكة العربية السعودية
By poziabbAuthor Profile Page on February 11, 2009 11:04 PM

Assalamu'alaikum TUN... orang ulu dulu & la ni ada beza dak darihal tumbuk rusuk? maksud saya, orang ulu dulu langsung tak pandai tumbuk belakang, dan orang ulu la depa tu terlebih makan bawah meja!! apa kata TUN?
By subraAuthor Profile Page on February 11, 2009 11:05 PM

Tun,
Saya budak estet, dapat pendidikan tinggi di UTM, sekarang jadi Pengurus Projek di Damascus, Syria. semua boleh.
By oliAuthor Profile Page on February 11, 2009 11:15 PM

a'kum tun,

ini pertama kali saya komen blog tun. tapi saya tak jemu2 baca blog tun, pendapat dan pandangan tun. saya paham benar mesej tun dan pada siapa tun tujukan mesej ini. saya sedih bila ada orang melayu yang semacam nak orang2 melayu sentiasa di belakang kaum lain. kenapa begini tuhan jadikan orang melayu agaknya ek. tapi bukan salah tuhan, tapi orang melayu sendiri yang pikir selamanya hanya nak berpaut pada kuasa politik yang ada. dalam banyak2 hal yang amat salah terjadi sekarang saya amat marah dengan hal matematik dan sains yang nak dikembalikan kepada bahasa melayu. saya amat risau dengan masa depan anak2 saya yang tak akan dapat bersaing dengan kaum dan bangsa lain.
semuga Allah bagi kesihatan pada tun supaya tun sentiasa dapat memberi mesej-mesej sebegini supaya pemimpin-pemimpin masa kini tidak khayal dalam mentadbir negara tercinta ini.
By azihan.aliasAuthor Profile Page on February 11, 2009 11:20 PM

Assalamualaikum Tun,

Hehehe... saya pun Melayu kampung jugak... tapi Alhamdulilah, ramai yang membantu kat kampung saya dulu, dapat saya belajar kat 'U'. Kawan uni saya dulu ada jugak anak orang asli... elok je....Yang pasti ramai orang orang kita yang lupa diri dan ramai juga yang ingat asal usul mereka... apa pun ulu pun ulu la... janji orang kan.... hahahah....
By anak kampung talangAuthor Profile Page on February 11, 2009 11:23 PM

Salam Tun moga Tun sekeluarga sihat sejahtera.

Cerita Tun kali ini memang menarik. Sekali tengok nampak sedikit lucu tapi tengok lagi sekali jadi sedih. Kaji balik kita jadi marah. Kerana yang membodohkan anak-anak kampung asalnya pun budak kampung juga. Tapi kerana kerajaan bagi peluang, mereka dapat juga naik jadi macam-macam pegawai, pengarah, pensyarah dan lain-lain. Kerana diberi peluanglah mereka akhirnya jadi ketua pengarah pencen. Sedihnya sekarang apabila kerajaan nak meningkatkan keupayaan anak bangsa supaya mahir berbahasa Inggeris terutama bagi subjek sains dan matematik, mereka pengarah-pengarah pencen, ketua-ketua pengarah pencen membantah, mengugut menteri dan mengancam kerajaan supaya membatalkan progrem berbahasa Inggeris itu.

Yang peliknya, anak-anak dan cucu-cucu mereka tak lah komplen beriya cuma mereka pening sedikit. Tapi datuk-datuk pula yang beriya-iya tidak setuju. Anih situasi ini kerana keputusan peperiksaan menunjukkan budak-budak kita termasuk budak-budak kampung menunjukkan keputusan yang semakin baik termasuk dalam subjek sains dan matematik.

Jangan ingat otak anak-anak kita sama macam otak datuk-datuk yang sudah pencen. Datuk-datuknya dulu mana ada tengok tv dan internet. Paling hebat pun datuk-datuk tengok wayang padang. Jauh sangat bezanya dan sudah tentulah perkembangan otak juga jauh berbeza.

Kenapa tidak kita sokong dan sama-sama tolong supaya azam kerajaan ini menjadi kenyataan? Dan yang akan dapat faedahnya adalah anak-anak dan cucu-cucu kita juga. Kenapa kita emosional sangat dengan bahasa melayu kita? Dulu masa jadi Ketua Pengarah di DBP mengapa tak beriya memajukan bahasa melayu kita? Buktinya buat buku istilah sains tapi tak boleh pakai. Masa tu saya baru masuk tingkatan 4 aliran sains dalam bahasa melayu. Dengan gunakan istilah-istilah DBP lah, sains menjadi susah, bunyinya pelik kerana kebanyakannya inggeris yang di melayukan. Patut faham jadi tak faham. Kalau macam itu, lebih baiklah guna istilah inggeris saja. Apa komen Ketua Pengarah DBP sekarang?

Memanglah ada kelemahan didalam progrem tersebut kerana kebanyakan guru yang mengajar adalah guru generasi aliran melayu. Maka kenapa tidak perkara ini yang kita tolong perbaiki?
Sekurang-kurangnya beri galakan supaya guru-guru ini menambah-baik kecekapan bahasa inggeris mereka? Janganlah kerana emosi kita yang tak kemana, anak-anak dan cucu-cucu bangsa kita yang menjadi mangsa. Kesannya bukan sekarang tetapi dimasa hadapan.
By msiAuthor Profile Page on February 11, 2009 11:26 PM

tu dia org melayu
By AingAuthor Profile Page on February 11, 2009 11:28 PM

Salam, Tun. Enjoy reading this. Kebenaran sebenarnya. Tapi kebanyakan orang bukan ulu ni, they have superior feeling resides in their heart yang menyebabkan mereka pandang rendah pada orang ulu. Sekarang, pun masih ada. But, not all of them. Mostly, I would say
By AFAuthor Profile Page on February 11, 2009 11:29 PM

Salam Tun,

I totally agree with you Tun, namapun Belajar mestilah susah. I wonder why our people suddenly became so inferior and insecure to the extend of prefering to stay under the temperung, as long as we are considered jaguh be it just in our kampung. Obviously all the golbal arguments on the importance of english were compromised by kononnya orang melayu luar bandar ulu and kg are too poor (miskin)to master English. I feel like asking all the Orang ULUS to go and slap on the faces of these so called pejuang bangsa!

AF
(Malay)
By pakbelalangAuthor Profile Page on February 11, 2009 11:33 PM

Ketua Penerangan PAS Pusat, Dato' Mahfuz Omar mengharap Nizar meneruskan tugasnya sebagai Menteri Besar seperti biasa walaupun ada halangan oleh mereka yang tidak bertangungjawab.

Katanya, biarpun pihak BN menggunakan pelbagai halangan termasuklah menghalau Nizar dari rumah kediaman rasminya beliau boleh melaksanakan 'open office' bersama-sama barisan Exconya.

comment:

Inilah pemimpin PAS yang akalnya macam kebudakkan. Come on lah Mahfuz please grow up and be matured politician. Janganlah jadi politician "katak bawah tempurung" atau "poltician HP6 or haprak". You have been long as poltician but I still feel you are not polished enough yet to be at par with other seasoned and matured leaders.
By azrinAuthor Profile Page on February 11, 2009 11:33 PM

Nothing, just to be the 1st in here. wish u happy..
By IZRANIAuthor Profile Page on February 11, 2009 11:36 PM

A'salam Tun. Semoga panjang umur dan diredhai Allah hendaknya...
Apa yang Tun luahkan itu amat benar. Soalannya, kenapa hari ini orang Melayu semakin tidak menyayangi bangsanya sendiri.

Walaupun ini jadi bahan bahawa inilah Melayu, namun sekilas pandang mengapalah keadaan pada hari ini, semakin menjadi-jadi gamaknya. Perasaan bercampur baur. Bila diamati, siapakah yang akan menjadi pendukung kebenaran kelak.

Entahlah...
By HamharAuthor Profile Page on February 11, 2009 11:39 PM

Assalamualaikum Tun…
Let me introduce myself as Hamhar, I come from Brunei and I'm UBD (University of Brunei Darussalam) undergraduates majoring in History. I know what I'm trying to deliver has nothing to do with the above topic.

I've been reading your blog since last years. Honestly, I adore all your writing regarding current issues such as oil price, reducing burden etc. caused it developed my critical thinking, when am reading it.

So, I do hope that you can come over to our university to and give some talk or a forum on current issues for example like Forum on war in Palestine. I'm sure this topic, will attract the interest among the students here.

Looking forward for your response.
By khairulAuthor Profile Page on February 11, 2009 11:42 PM

Salam Tun,

Hai lah nasib orang melayu kita Tun,bukan bangsa lain yang menjatuhkan tetapi bangsa sendiri yang asyik dengki sesama sendiri...dulu zaman 50 an anak melayu yang masuk sekolah inggeris takde lak lupa asal usul...lucunya bila ada yang membangkang pengajaran sains dan matematik di ajar dalam bahasa inggeris. Rasanya golongan ini adalah yang selalu 'fail' masa belajar sekolah inggeris dulu kot hehehe....
By anak kampung talangAuthor Profile Page on February 11, 2009 11:45 PM

Dan saya lupa nak tambah, saya anak kampung, sekolah melayu tahun 60 ke 70an, aliran sains bila sampai ke UM tak ada buku sains melayu bahkan tak ada pensyarah melayu kecuali Dr Nawawi dan Dr Mohd Said. Alhamdulillah dengan usaha, anak kampung pun boleh. Saya bangga saya boleh! Percayalah datuk-datuk.
By nadzrynAuthor Profile Page on February 11, 2009 11:46 PM

Pedas Tun....
By Hot IceAuthor Profile Page on February 11, 2009 11:48 PM

Salam...

perkara ini dah lama berlaku sebenarnya... org melayu tak pecaya melayu, orang melayu tindas melayu... kerajaan melayu "kandang" orang melayu.... saya terkandas dalam pelajaran tapi hanya punya cita2 tinggi dan kudrat yang baik tp selalu diketepikan hanya kerana kelulusan saya, umur saya,kewangan saya, warna kulit saya, bahasa saya, budaya saya, AGAMA saya, jawatan saya, loghat saya, makanan saya, minuman saya, daerah saya, kampung saya, rumah saya, kereta saya, handphone saya, pakaian saya dan ...saya, ...saya, ...saya, ...saya, ...saya, BAHASA Inggelish saya..., ???!! hahaha...

Hmmmm..... melayu, lagi2 melayu... sombong tak bertempat, jagoan tak bertempat, kaya tak bertempat, berlagak tak bertempat, lupa tak bertempat...

saya tak gila... saya cuma luahkan perasaan.... birokrasi? entahlah... kuasa? entahlah... ketuanan? rasanya melayu cuba perjuangkan dah berzaman... semua salah melayu sendiri!! tak tau fikir!!?? atau terlebih fikir!!????

contoh yang mudah nak tengok melayu nampak bodoh atau ketinggalan dari kaum lain senang je... tgk je prosedur kelulusan bank atau kewangan, kredit kad, kereta, rumah atau perniagaan, kalu melayu yang pohon akan diletakkan dalam kategori "3rd class" !!! sume orang tau ni.... tp tengok je macam takde mata... buta ke? bank negara bank melayu ke? tekun? bank rakyat? bank pertanian? bank... bank... bank... betul ke ni? cuma megah melayu banyak bank.. hehehe... ini sebahagian contoh je... banyak lagi kat luar tu...

bodoh tak boleh di ajar, pandai tak boleh di ikut !!

JANGAN MARAH SAYA, SAYA BUKAN GILA, SAYA MUNGKIN TAK PANDAI TAPI TAKLAH BODOHH...!!

Jangan Marah Saya.......... ini cuma luahan hati segelintir anak melayu seperti saya yang boleh di anggap kes "TERPENCIL" !!!

Biarkan aje..... dalam perjuangan kena ada pengorbanan.... kes "TERPENCIL" je....

Mungkin anak anak atau keturunan kami dari kes "TERPENCIL" ini tak mungkin boleh jadi pemimpin masa depan... tak layak agaknya..

Aku melayu mengata melayu, aku melayu dikata melayu... hehehe...

HAKIKATNYA, yang terjadi pasti terjadi....

Wasalam..........
By sayangmalaysiaAuthor Profile Page on February 11, 2009 11:49 PM

Salam Tun,

Saya antara anak Orang Ulu Kedah yang dapat belajar kerana diberi peluang.

Semuga orang Melayu berhenti melekehkan orang Melayu. Bukan semua Melayu tu buruk. Banyak kejayaan juga yang diberikan oleh Kerajaan Malaysia yang rata-rata orang Melayu...

Apa yang perlu di lakukan sekarang adalah memudahkan lebih ramai orang Melayu dalam kegiatan komersial dan membuka peluang orang bukan Melayu berkongsi tanggungjawab dalam agensi kerajaan, Polis, Pendidikan dsb. Semua bangsa mesti berkongsi tanggungjawab mengurus dan mentadbir

Negara... mungkin anak-anak ulu atau miskin bukan Melayu berminat jika diberi peluang.
By mayahelmiAuthor Profile Page on February 11, 2009 11:50 PM

i agree with you Tun!
By Orang Edgecumbe RoadAuthor Profile Page on February 11, 2009 11:50 PM

Salam Ayahand Tun,

Seghonok (seronok) baca artikel ayahnda Tun tentang orang ulu ni. Macam selalu jugak, ayahanda banyak idea. Saya ni sejak kecik dok kat pekan tapi bukan orghang senang. Adik beghadik ramai, bapak the only sole-bread winner. Mak pula buta huruf tapi Allahyarhamah mak saya memastikan kami semua berpelajaran. Itu yang paling saya kagum. Walaupun bapak pass senior cambridge, mak tak tau baca. Nak kata orang kampong, dak jugak tapi pemikiran mak saya sangat jauh. Beliau sedaq betapa pentingnya mempunyai pendidikan. Alhamdulillah, kalu arwah mak ada lagi, tentu seghonok tengok kami semua dah berjaya. Saya sendiri pernah membisikkan ucapan terima kasih kepada ayahanda Tun di Pulau Pinang (Kompleks Masyarakat Penyayang in 2005)betapa bersyukurnya kerana semasa pemerintahan ayahnda Tun, ramai anak Melayu yang pi oversea. Saya salah sorang yang beruntung. dapat pi new Zealand...buat degree in Literature pulak tu. masih segar dalam ingatan masa tun kat Penang tu, saya tulih atas kertas kecik dan Tun baca kertas tu dan masukkan dalam poket Tun. Saya punyalah terharu kerana cita-cita saya nak mengucapkan terima kasih secara peribadi akhirnya tercapai. Tapi saya sedih kerana di masa depan tak ramai anak Melayu (yang maknya buta huruf, bukan orang ulu tapi orang pekan yang susah hidupnya)yang dapat ucap terima kasih kepada pemimpin macam saya buat kat Tun. Anak Melayu lani dok curse pemimpin Melayu kerana perangai depa tak ingat langsung kat bangsa Melayu. Dok jual maruah dan martabat orang Melayu lagi ada. Ni pemimpin yang besaq di Pekan. malu kat orang ulu, walaupun Ulu, ramai depa dah berjaya seperti kata Tun. tapi anak Melayu masa depan terutama kami yang di Pulau Pinang ni dok pindah duduk di ulu sebab pekan kini hanya untuk golongan elitis...untuk bangsa bukan Melayu. kalu Melayu pun bukan Melayu betoi. Semangat langsung tak Melayu lagi dah...jual bahasa, jual bangsa dan entahlah nak jual apa lagi...jangan jual Negeri Tanah Melayu ni sudahlah...samapai tujuh keturunan pun orang Melayu akan terus dikutuk. malu kat orang Ulu...orang Pekan buat perangai tak habih2..bila lah Melayu Pekan ni nak sedaq....

macam Tun kata...alahai nasib....

p/s Saat yang paling bahagia dapat bisik terima kasih kat Tun in 2005 tu . Senyuman Tun tak mungkin saya lupa. oh satu lagi, arwah mak saya your number 1 'die hard' fan...suka sungguh dia kat Tun. Tun jaga diri...kami doakan kesihatan Tun baik selalu..kami perlukan Tun, terutama orang Pekan yang semakin berperangai macam 'ut' (sinonim dengan 'ulu' yang tak mau campoq dgn orang ...tapi ulu kini dah maju..orang pekan yang ntah dah jadi orang apa...yang pasti.."Melayu Mudah Lupa"...

Sayang Ayahanda Tun setulus hati..
By mozartyamatoAuthor Profile Page on February 11, 2009 11:51 PM

Orang melayu yang perlekeh bangsa melayu pun bukan yang bodoh-bodoh. Yang kuat menyalak perlekeh+underestimate bangsa melayu kampung pun dah level-level pengarah.
Pakar bahasa pulak tu.
Kasihan anak-anak melayu, dah masuk universiti pun masih tak pandai bahasa inggeris.
Yang membantah tu anaknya pandai berbahasa inggeris, cumanya mereka ini membantah kerana berkepentingan.
Pernah Tun berkata dulu "pandai tak boleh diikut, bodoh tak boleh diajar". sabar ajelah.
By saparmyratAuthor Profile Page on February 11, 2009 11:54 PM

salam tun,

melayu sekarang sudah tidak mahu dan tidak suka menjadi melayu lagi, mungkin mereka malu kerana tidak mahu dilihat kuno atau miskin, yang masih mahu menjadi melayu hanyalah orang-orang kebanyakan.

By Ramli NordinAuthor Profile Page on February 11, 2009 11:56 PM

Assalamualaikum wbt Tun,

Kelakar la entry kali ni...U r the greatest...

Saya org 'semi ulu' Tun...I do go to cocktails but no alchohol for me...
By bobAuthor Profile Page on February 12, 2009 12:03 AM

Salam Tun,

Dalam sekali sindiran Tun kali ni.

Apakah agak pemimpin Melayu nampak kemorosotan sebegini? Apakah mereka sedar bangsa Melayu hanya hero kampung? Apakah mereka tak ambil peduli kebolehan yang ada pada anak anak Melayu baik dari ulu atau pun bandar boleh dimenafaatkan untuk masa depan?

Melayu, jangan lah terlalu bangga dengan kebolehan kampung sehingga tak nak terima pakai yang baik dari tempat lain, bahasa lain, cara pemikiran lain. Apakah akan terhakisnya kebolehan kampung sedia ada sekiranya ia diterima pakai?

Sekiranya kita bangga setakat apa yang telah dicapai sehingga hari ini, lambat laun akan tertinggal lah Melayu. Sayang, peluang yang dahulu direbut-rebut, sekarang tidak lagi menjadi impian, malah diambil lewa.

Adakah peluang yang ada sekarang terlalu luas berbanding 70 tahun lalu sehingga yang boleh meningkatkan diri Melayu tak perlu lagi direbut, tak perlu di mimpikan? Pilih jer yang afdhal, pilih jer yang selamat dunia dan akhirat, pilih jer yang terbaik untuk diri sendiri.

Pemimpim Melayu, jangan lah dibiarkan sehingga orang bandar lari ke ulu.

By tiaAuthor Profile Page on February 12, 2009 12:08 AM

pandai bodoh seseorang itu bagi saya bukan terletak pada rupa paras dan taraf akademik seseorang. pandai itu terletak pada kemampuan seseorang menguasai keadaannya, cara berfikirnya dan kemampuannya untuk memberi kebaikan kepada dirinya dan orang di sekitarnya.

kepandaian juruterbang memberi kebaikan kepada penumpang yang naik kapal terbang yang dipandunya. pandai doktor baik untuk pesakitnya.

orang kita kita suka meletakkan taraf pendidikan sebagai batu aras kepandaian seseorang. tak guna jika pelajaran tinggi tetapi menjadi penyangak siber atau akauntan yang menyeleweng yang buat kebaikan untuk sendiri tetapi menyusahkan orang lain.

orang pandai tahu menyusun kata-kata berilmu diikuti dengan kelakuannya yang mampu membuatkan orang terkaku dan mengakui..emm pandainya dia ni.

orang pandai tidak sewenang-wenangnya menganggap dirinya pandai dan membangga diri. dia juga tidak mudah memanggil orang lain bodoh.

kesimpulan saya...hanya orang bodoh yang memanggil orang lain bodoh. dan orang pandai pula akan memandaikan orang bodoh itu menjadi orang yang pandai...

By aahAuthor Profile Page on February 12, 2009 12:10 AM

Salam Tun,

Yang pelik dan anehnya ialah bangsa melayu yang telah mendapat pendidikan tinggi ,berjaya dalam karier masing masing,mereka inilah yang tidak percaya kepada kebolehan bangsa mereka sendiri.

Mereka buat tunjuk perasaan mahu batal pengajaran sains dan metamatik dalam bahasa inggeris,tetapi di rumah mereka bercakap bahasa inggeris.Tak tau nak kategori melayu jenis apa mereka ini.

Kalau mereka betul betul ikhlas mahu melihat bangsa melayu maju mereka haruslah dengan sukarela pergi kekampung kampung membantu pelajar pelajar di kampung macam mana mubaligh mubaligh kristian lakukan.Ini tidak,meraka mahu lihat melayu terus mundur dan tewas kepada bangsa lain.

Melayu oh bangsa ku ! kamu cukup aneh!
By elziziAuthor Profile Page on February 12, 2009 12:10 AM

Salam Tun,

Saya amat bertuah walaupun lahir pada thn 70an, masih sempat merasa semua pengalaman yang Tun cerita kan. Sangat menyentuh hati dan amat bersetuju dengan tulisan Tun.

Saya orang kampung (bukan ulu) tetapi sehingga kini masih suka tidur atas tikar menkuang atau buloh.

Salam,

Orang Kampung Di KL.
By Al-QadahiAuthor Profile Page on February 12, 2009 12:13 AM

Aslm'kum Tun... org2 dulu baik budi bhasa, hormat org tua, walaupun kurang berpendidikan... tp org skrang nampak ja moden, kononnya maju, tp !!! hadui...
By KaiSERAuthor Profile Page on February 12, 2009 12:14 AM

Assalamualaikum Tun Dr. Mahathir,

1. Posting ini sungguh menarik,pada pemerhatian saya kita lebih bangga dengan mat saleh dari orang kita sendiri. Entah kenapa, saya pun tak tau.

2. Kita lebih sokong produk mat saleh dari produk kita, alasan yang biasa kita dengar ialah kualiti lebih baik. Barangan mat saleh dulu pun kualiti tak berapa baik tapi kerana sokongan yang depa dapat, bolehlah buat peruntukan untuk research & development. Lama-kelamaan barang pun makin baik. Jika kita tak sokong produk buatan kita, macam mana kualiti nak meningkat dan peruntukan research and development kurang.

3. Tenaga professional pon kita lebih memandang pada mat saleh, orang kita pula pergi cari makan kat negara luar. Kalau tenaga professional kita boleh laku diluar, maknanya mereka ini berkebolehan.

4. Tak apa lah Tun, jika nak cerita lagi panjang sangat :)

5. Sekian dan Salam Sejahtera.
By Ridhwana Amalina RusliAuthor Profile Page on February 12, 2009 12:16 AM

Salam Tun,

As always, I enjoy reading your blog. Hari ini tiada lainnya.
May you and your family be blessed with happiness.

Ridhwana Amalina Rusli.

By kamaluddinAuthor Profile Page on February 12, 2009 12:17 AM

Saya pun orang Ulu. 2 kali ulu.. Hulu Bernam dalam daerah Hulu Selangor.

Walaupun saya orang ulu tapi saya tetap menyokong PPSMI. Pernah bersekolah di Sekolah Jenis Kebangsaan yang bahasa penghantarnya bahasa Inggeris. Tapi rasanya saya tidak hilang jati diri sebagai orang melayu.

Masih berbahasa melayu dan mengamal adat melayu malah lebih kuat pegangan terhadap bahasa dan adat daripada mereka yang bersoloah kebangsaan.

Siapa yang tidak bersetuku dengan PPSMI. Guru, murid atau pejuang bahasa yang masih terkial-kial menjerjemah karya ilmu bahasa asing ke bahasa yang mereka daulatkan secara keterlaluan?

Berapa banyak hasil terkjemhan yang telah dibuat oleh mereka yang berdemo menentang PPSMI?

Sampai bila kita hendak jadi seperti katak ditimpa kemarau.
By rizalman73Author Profile Page on February 12, 2009 12:19 AM

Aslm'kum Tun,
Melayu mudah lupa Tun.... Tak Tu Deh!
By baguznetAuthor Profile Page on February 12, 2009 12:21 AM

Memang keadaan skrg amat menyedihkan. Bangsa sendiri menyekat kemajuan bangsa, dengki tidak bertempat. Malahan bangsa sendiri lebih suka melihat bangsanya sama-sama gagal berbanding sama-sama maju
By t e n Author Profile Page on February 12, 2009 12:22 AM

tun...

- kat Sarawak pun ramai orang ulu yang pegang jawatan tinggi dalam goverment.

- tapi sorang tu jugak la pegang Sarawak sampai berpuluh-puluh tahun, kalau mcm tun dulu ok gak...ada jugak kemajuan, p dia ni...makin kaya ada lah...dia sorang je la kaya...negeri still miskin jugak.

- personal opinion tun tentang bro rambut putih yang naik keta roll royce ni...???

- i ll be so honoured if u reply my question...

- tq...
By HajarAuthor Profile Page on February 12, 2009 12:22 AM

Salam YAB Tun.

1. Entri yang amat santai dan bersahaja dari Tun..saya suka..Tun memang pandai mempelbagai isi kandungan blog – menarik..ini lagi satu kelebihan Tun. Sebab tu ramai yang sayangkan Tun.

2. Saya pun masa kecik boleh dikatakan agak ULU jugak..orang KAMPONG..naik basikal, cari kayu api..memang nampak comot dan lekeh..

3. Tapi, boleh juga lulus dari ”oversea” sebab diberi PELUANG oleh kerajaan BN yang TUN PIMPIN.

4. TERIMA KASIH TIDAK TERHINGGA KEPADA TUN dan juga kepada pejuang dan pemimpin terdahulu yang memungkinkan adanya peluang. Saya amat terhutang budi kepada Tun khasnya.

5. Sambil tu nak lari tajuk sikit: saya sokong blogger JJJ yang cadangkan supaya KJ jangan tunjuk muka

kat Perak (teman orang Perak); Ezam pun jangan datang berceramah seperti yang berlaku di KT; elok-elok boleh menang, kalah pula nanti cuma disebabkan orang MELUAT tengok dia orang ni. Harap DS Najib baca blog Tun ni dan dengar pendapat bloggers kat sini. Tolong jangan buat silap lagi.

Semoga Tun sekeluarga sihat sejahtera & sentiasa diberkati Allah SWT
By che setAuthor Profile Page on February 12, 2009 12:23 AM

Salam sejahtera Tun sekeluarga yang dikasihi,serta semua pejuang Che Det.

YAHOOOOOOOOOO!BRAVOOOOOO!Ini yang saya tunggu tunggu dan nanti nantikan.Mudah sangat untuk saya memahami tulisan Tun ini.Saya juga berasal dari Kedah dan pengalaman yang Tun coretkan itu membuatkan saya gelak, suka hati dan penuh kegirangan.Semasa di USM saya berpeluang belajar dengan Pak Ali.Beliau ada mengingatkan pelajar-pelajarnya mengenai 'orang sastera' dan realiti.Dalam buku Kassim Ahmad MENCARI JALAN PULANG kita dapat melihat bagaimana anak orang ulu yang merupakan ulat buku (bukan Kassim Ahmad yang saya maksudkan)dan 'tak berdunia' dengan orang akhirnya berjaya menjadi tokoh sastera negara.Sayang,ketokohan mereka pada pandangan saya hanya dalam bidang 'gila bahasa' sahaja.Mereka ini bertuah kerana kerajaan memberi pengiktirafan keatas usaha yang dilakukan(namun sampai saat ini masih ada orang sastera,orang seni,pengkarya dan sebagainya menjerit mengatakan mereka tidak dibela).Apakah ada serangkap pantun,seloka,puisi atau kata-kata hikmat dari tokoh sastera ini yang telah mengubah bangsa Melayu menjadi bangsa yang unggul di dunia?Masa kecik dulu otak kanan dan kiri tak diseimbangkan jadi dia makan sebelah,ini adalah 'disorder'.

Mengikut satu hasil kajian,kanak-kanak mampu menguasai lebih daripada satu bahasa,malah lebih daripada dua bahasa pada usia mereka.Tidak kira latar belakang dari mana mereka datang.Tun berada pada makam yang berbeza,jadi ramai 'cerdik pandai'yang tak kesampaian.Saya teringat guru saya yang berasal dari Sik menceritakan pengalamannya menunggang gajah semasa beliau 'kecik'.Syabas Tun, saya doakan Tun sekeluarga sihat sentiasa.
By YoungBloodAuthor Profile Page on February 12, 2009 12:24 AM

Salam Tun,

Tak apa lah tun...pelan pelan kayuh...depa nak kata apa kata lah...
Yang penting saya bangga menjadi orang melayu..dengan pendidikan tak setinggi mana saya berjaya juga mengejar impian..Bukan saya seorang yang berjaya malah orang malaysia yang berbangsa melayu begitu di hormati di bumi Arab...Nama Tun juga sangat sinonin dengan mereka..

Bila mereka tanya saya dari negara mana..saya jawab saya dari Malaysia..Mereka juga akan sebut Mahathir Muhamad..Mereka kenal siapa Mahathir Muhamad..tetapi orang lain mereka tidak kenal...Tun..pendapat dan buah fikiran anda masih releven..sekian terima kasih...
By DayahAuthor Profile Page on February 12, 2009 12:32 AM

Salam Tun,

Pada pandangan saya tidak ada bezanya orang ulu ka orang bandar ke, la ni semua dah dapat benda (mungkin ada yang tertinggal tapi tidak macam dulu).

Mentaliti kita sahaja yang perlu diubah. Sedangkan pencipta kita pun tidak membeza-bezakan kita apatah lagi kita untuk membeza-bezakan. Kalau tidak sedar tidak cukup ilmu dan pengelaman adalah tanggungjawab diri untuk mengubahnya bukan orang lain yang nak datang menyuap. Dunia dah berubah. Nak kan hasil perlu berusaha. Siapa usaha lebih dia dapatlah hasilnya. Kalau tak ada usaha tak kemana pun diri itu. Kalau ada pun tengok lah sampai mana aja.

Tun, teruskan perjuangan dan semoga terus di beri kesihatan yang baik. Salam
By addAuthor Profile Page on February 12, 2009 12:34 AM

Salam TUN,
Hai, nasiblah,,, he,he,he,, nak cuba gelak macam TUN gelak pada peliwat negara.
Bahasa Inggeris dikalangan anak melayu ulu ni sebenarnya boleh meningkat sekiranya prasarana dipertingkatkan dengan lebih baik dari prasarana dibandar. Kepada pegawai kementerian pelajaran yang "hampeh" dalam mempelekehkan anak melayu ulu sebenarnya ibarat "kadok naik junjung"...he he he
By fredmeishterAuthor Profile Page on February 12, 2009 12:46 AM

Assalamualaikum Tun,

Macam mana saya nak tau, saya ni orang ulu ka dak?

Wassalam
By pokok senaAuthor Profile Page on February 12, 2009 12:51 AM

Assalamualaikum.

Dalam makna cerita Tun. Renung-renungkanlah wahai bangsaku.

Tun,jaga diri. Saya akan terus sokong Tun.
Mohon bagi tau tempat yang Tun akan lawati.
Dah lama tak jumpa Tun.

medalien_amir@yahoo.com
By ogos31Author Profile Page on February 12, 2009 12:51 AM

Salam tun and All...

Sorry tun...apa yang tun cuba sampaikan ni...siapa mereka yg tun maksudkan sanggup melebel orang kampung sebagai kurang bijak?

Saya dah tak tahu apa nak jadi dgn negara ini....elok-elok guna Bahasa inggeris untuk matematik n sains...tetiba nak tukar...kemudian tak jadi...kemudian...ok...tak paham...

Saya sendiri dah pernah jadi tikus makmal kepada sistem pendidikan negara...plzz jgn jadikan adik-adik saya sebagai tikus makmal seterusnya...

Berdosa kalau kita mensia-siakan peluang pendidikan anak-anak muda...
By Mohd Faisal OmarAuthor Profile Page on February 12, 2009 12:55 AM

Apalah malang dapat pemimpin pada hari ini takut membawa perubahan.Bahasa Inggeris umum mengetahui betapa penting dalam dunia hari ini sehingga nak buka internet pun bahasa inggeris.Apalah bodohnya pemimpin yg memikirkan nak jadi HERO.
By A.KamarulAuthor Profile Page on February 12, 2009 12:58 AM

Salam YABhg Tun,

Apabila saya baca tulisan Tun, saya pun cuba berfikir apa yang sebenarnya membuatkan Tun menulis mengenai perkara ini. Mesti ada sesuatu yang berlaku. Perkara yang Tun sebut tu memang selalu berlaku, kasihan kepada bangsa Melayu .... kerana terdapat segelintir dari kita yang "cerdik tak boleh diikut dan bodoh tak boleh diajar". Bertindak seperti akan "hidup selamanya", lupa di satu hari "hanya nama yang kita tinggalkan". Selamat malam.
By Lebai SalimAuthor Profile Page on February 12, 2009 1:02 AM

Betoi tu tok det...
Dulu... berapa kerat sangat org melayu pandai komputer?
skang??? banyak.... tapi....

banyak lagi yg setakat ada sijill... ada diploma...ada ijazah...
tapi tatau nak buat keja...
sbb tu ketinggalan,
tapi ada juga yg tahu buat macam macam.. tapi tak boleh maju... sbb banyak syarikat beri keutamaan pada bangsa lain.
nak meniaga??? modal tadak... nak buat macam mana lagi?
dulu... ada la depa kata .. skim RMK... try la pinjam...
cari punya cari modai nak bayaq duit pendaftaran...
sampai la tadak apa...

duit abih modai pun tadak...
tadak ka skim apa apa utk tolong bangsa kita ni?

apa pun.. tima kasih utk tok det,... kalau tadak tokdet...sampai la ni pun... bangsa kita bodo... tatau apa pasai komputer. pasai macam macam.
By sitinurAuthor Profile Page on February 12, 2009 1:05 AM

salam bapak...
he he he....
setuju 1110% ngan bapak....
org melayu yg anggap melayu kg bodoh sbb dia melayu perasan...
tak ada dulu mana mungkin ada sekarang...
tak ada kg mana mungkin ada pekan....
masaalah org melayu depa perasan depa je yg bagus...
org lain hancus.....
pada saya dari mane pun asal keturunan seseorang tu kalo pemalas
piang sombong bongkak..nauzubillah..barang di jauhkan Allah saya ada sedara o kawan yg cenggini.....
melayu pun kalo depa ada kuasa kalo buleh depa taknak melayu lain berjaya mcm depa(kecuali bapak yg selalu beri galakkan bukan saja pd anak melayu tapi anak2 m'sia keseluruhannya...)tu pasai depa tak nak matamatik n sains di ajar dlm english..alasan budak kg takto aper....tapi rame org kg saya yg berjaya...yg belaja kat negeri omputih pun melambak2....papapun bila dah berusaha kita terima papapun ketentuan Allah dgn redha...he he he....
melayu2 yg pandang rendah pd anak bangsa sebenarnya menghina diri mereka2 sendiri.....beri peluang pada anak2 kg utk belajar bkn menyekat pembelajaran mereka dgn mengatakan anak2 kg tak berkemampuan utk belajar...
pendapat peribadi saya jek....
By Sepupu AntiMamakAuthor Profile Page on February 12, 2009 1:07 AM

Tun,
Saya pun anak orang ulu, sampai sekarang saya sedap tak pakai kasut kalau berjalan kat kampung. Kulit kaki tebal, terpijak duri tak lut tapak kaiki tapi sudah 35 tahun menjadi juruterbang Komersial. Tkasih
By jalaluddinAuthor Profile Page on February 12, 2009 1:14 AM

Assalamualaikum w.b.t

Apa kbr atok? atok sihat?
Mintak maaf Tun, saya bergurau je.
Untuk pengetahuan Tun, ini mrupakan komen saya yang pertama untuk 'karangan' terbaru Tun dan yang paling istimewa ni merupakan julung kali saya untuk bagi komen pada blog Tun.saya nak tanya, sekarang Tun tengah buat apa? Apa perasaan Tun bila Tun lihat barisan kepimpinan sekarang yang boleh dikatakan begitu banyak masalah, dengan masalah politiknya,ekunominya malah kuasa sultan pun di persoalkan atau dipermainkan begitu je. Harap Tun dapat tolong rakyat Malaysia supaya dapat bersatu padu. Memang x dapat dinafikan perpaduan amat susah untuk dilaksanakan. seingat saya ada satu hadis nabi yang mana baginda saw berdoa dan meminta 3 hajat. hajat terakhir Allah swt x makbulkan yakni baginda memohon supaya Allah menyatupadukan umat Islam akhir zaman tetapi Allah menolak permohonan ini. Anyway, tentang cerita orang ulu 2, memang betol ape yang Tun kata. There's a will,

There's a way. Even kita ni orang ulu, kita pun boleh berjaya jika kita ada imaginasi yang cemerlang dan patuh pada hukum agama yakni kejayaan duniawi dan ukhrawi. Wallahua'lam.
( tengah asyik bagi komen tiba2 laptop mapuh, bateri habis.. hehehe)

wassalamualaikum w.b.t
By jalaluddinAuthor Profile Page on February 12, 2009 1:16 AM

Assalamualaikum w.b.t

Apa kbr atok? atok sihat?
Mintak maaf Tun, saya bergurau je.
Untuk pengetahuan Tun, ini mrupakan komen saya yang pertama untuk 'karangan' terbaru Tun dan yang paling istimewa ni merupakan julung kali saya untuk bagi komen pada blog Tun.saya nak tanya, sekarang Tun tengah buat apa? Apa perasaan Tun bila Tun lihat barisan kepimpinan sekarang yang boleh dikatakan begitu banyak masalah, dengan masalah politiknya,ekunominya malah kuasa sultan pun di persoalkan atau dipermainkan begitu je. Harap Tun dapat tolong rakyat Malaysia supaya dapat bersatu padu. Memang x dapat dinafikan perpaduan amat susah untuk dilaksanakan. seingat saya ada satu hadis nabi yang mana baginda saw berdoa dan meminta 3 hajat. hajat terakhir Allah swt x makbulkan yakni baginda memohon supaya Allah menyatupadukan umat Islam akhir zaman tetapi Allah menolak permohonan ini. Anyway, tentang cerita orang ulu 2, memang betol ape yang Tun kata. There's a will, There's a way. Even kita ni orang ulu, kita pun boleh berjaya jika kita ada imaginasi yang cemerlang dan patuh pada hukum agama yakni kejayaan duniawi dan ukhrawi. Wallahua'lam.
( tengah asyik bagi komen tiba2 laptop mapuh, bateri habis.. hehehe)

wassalamualaikum w.b.t
By spta87Author Profile Page on February 12, 2009 1:19 AM

Salam Tun.Komen Tun memang bernas.Betul,org kg memang berbeza dgn org bandar.Jgn main2 dgn org kg...
By adipaak82Author Profile Page on February 12, 2009 1:28 AM

ASSALAMUALAIKUM....MY BELOVED LEADER.....

BTUL TUE...ORG MELAYU DULU DGN ORG MELAYU SKARANG BYK YG DAH BERUBAH MENGIKUT ARUS PEREDARAN ZAMAN.........

MELAYU SKARANG NIE PLAK BYK DAH LUPER ASAL USUL MEREKA.....

APER BOLEH BUAT...TUN....."MELAYU MUDAH LUPAA....."

"ZAMAN DAH BERUBAH......DUNIA DAH MAJU....."

NASIB...NASIB..... :-(
By wansalamAuthor Profile Page on February 12, 2009 1:29 AM

Salam ayahnda Tun,

Saya juga orang ulu, tapi dapat juga bersama-sama dengan Ayahnda Tun makan malam di Istana Bugshan di Yemen Disember lepas.

Agaknya sebab orang ulu suka makan ikan kot?
By afidAuthor Profile Page on February 12, 2009 1:31 AM

Assalamualaikum Tun.

Saya setuju dengan pandangan Tun. Orang Melayu perlu bijak menggunakan peluang yang telah ada di

depan mata, jangan terlalu selesa dengan keadaan semasa. Kita boleh kalau kita mahu. Dalam konteks Bahasa Inggeris dalam PPSMI, mungkin pendapat saya tak sealiran dengan pandangan majoriti. Penguasaan BI saya tidak seberapa, tapi saya setuju dengan pendekatan PPSMI. Ya, benar bahasa memainkan peranan penting dalam proses pembelajaran, tetapi ia bukan faktor mutlak yang menyebabkan kegagalan. Faktor utama ialah sikap, sebahagian dari masyarakat kita tidak suka menghadapi cabaran, mereka inginkan sesuatu dengan mudah. Itu kelemahan orang melayu. Bagi yang sanggup bekerja keras untuk menghadapi cabaran ini, mereka memang akan berjaya.
By sharat-sAuthor Profile Page on February 12, 2009 1:39 AM

Assalamualaikum Tun,

Dah lama tak jumpa...last was at my Futurist Forum last August...

Saya sekeluarga Doakan Tun and Tun Dr Siti sihat and happy selalu..

I totally agree with your comment that we cant under estimate 'Orang Kampung' or Orang Ulu!

I have the opportunity to conduct motivation talks di Darull Fallah, Jeli Kelantan beberapa tahun yang lalu and the most recent was at SM Sik Kedah last year...

My fav topic is sharing with them my 'simple life journey' (from 10 yrs old to now) in life and also guide them on their personal goal settings...

When ask what are their ambitions.... all have daring ambitions....surgeons,doctors,engineers, businessman and the famous ambition nowadays is semua orang nak jadi angkasawan!:)

When i gave them simple latihan ... giving them a big piece of mahjong paper and a magic color pen... and i told them to visualize and draw their life when they are 50yrs old... 45yrs old... 40 yrs old... 35 yrs old... 30 yrs old...27 yrs old (backward goal settings)....they need to 'draw' Where there will be, what work will they be doing, what do they have, etc...

Some of this kids (13 - 17 yrs old; some of their parents are very very poor..kerja cari kayu api pun ade) drew at one part of the picture there was a big banglow house with word 'di KL' that have a huge parking garage with atleast 4 cars...family members playing and relaxing at the yard.... one part of pic there was KLCC twin tower as a background, orang lidi (themselves) holding a branded mobile phone and a briefcase and a proton perdana car.. parked next to them!

When i ask them to explain one of them said to me "ini saya bang... ini...rumah saya masa saya dah berumur sedikit..45 tahun... saya seorang usahawan yang berjaya... ade rumah besoq dan kereta pun banyoq...ini keluarga saya..isteri saya...anak anak saya dan juga cucu saya yg tengah main di laman rumah....". "Yang ini pulak bang saya masa umur 26-27 tahun dan saya akan bekerja sebagai seorang pengurus dan bekerja di KLCC tower...saya akan ada handphone dan juga kereta perdana" and when i asked him will you help others to achieve these dreams he grandly said "memang la mesti punya".... things like this are best music to my ears and thats why i always accept invitation to speak at all this 'orang kampung' areas so that they to have a chance to be brave in dreaming and visualizing things out from their current limitations...

I live with one principal in life... "Success is when you make some one successfull and rich in his sincerity to make others successfull"... insyAllah life will be calm and meaningfull...

When i was in Sik, Kedah, a teacher shares his initiative to pursuade 'orang ulu' to send their kids to schools... lots of pursuasion done but not many as aspected send their kids as they dont see the importance....

I believe with proper awareness and sincere visits and more 'ceative pursuasions' will encourage more orang ulu to send their kids to schools... u never know...one of these Orang Ulu might lead this country...

maybe even better than what we've seen...

i do hope relavant ministries and agencies continue to guide and help them...

Wasalam,

Sheikh Faleigh
http://sharat-s.blogspot.com
By Badri JaafarAuthor Profile Page on February 12, 2009 1:47 AM

Tun, orang Kodiang pun satu ketika dulu boleh lah dianggap orang ulu. Tapi sekarang ni jangan pandang sebelah mata, ada antaranya yang dah pegang jawatan-jawatan tinggi dan juga sebahagian yang lain adalah master mind disebalik kejayaan banyak syarikat-syarikat korporat dan konglemerat di Malaysia.
By soopeeAuthor Profile Page on February 12, 2009 1:53 AM

salam Tun,

saya warga bumiputera sarawak turut rasa sedih dengan apa yang ditulis oleh tun...sememangnya kita tiada bandingannya jika kita diberi peluang...kenapa dulu kita boleh dan tidak sekarang....??
By Insan bergelar cikguAuthor Profile Page on February 12, 2009 2:12 AM

Salam Buat Tun & pembaca,
Saya rasa terpanggil untuk komen berkenaan isu ini kerana saya salah seorang yang bertanggungjawab menjalankan tugas bagi melaksanakan program yg mendapat bantahan ramai sejak akhir-akhir ini..
1. Berapa ramai anak Melayu yang tidak lagi fasih berbahasa Melayu atau menulis dalam bahasa Melayu sejak program ini dilancarkan.Mereka yang tercicir adalah pelajar yang lemah dan sememangnya tercicir jika diajar dlm bahasa Melayu sekalipun.

2. Perlaksanaannya menjadi kurang sempurna kerana sebilangan besar guru sendiri malas untuk menambah pengetahuan diri bagi mengajar dengan berkesan dan terdapat sebilangan kecil yang berfikiran kolot dan memandang remeh perkara ini.

3. Segala kemudahan telah diberi cuma kurang kesungguhan guru dalam melaksanakannya..Murid ibarat kain putih yang boleh dicorak mengikut apa yang dihajati..

4. Siapa yang rugi ? Anak Melayu... kerana inilah peluang untuk mereka mempelajari & memantapkan penguasaan mereka dalam bidang Sains ,Matematik da B Inggeris sekali gus.

5. Mengapa ramai yang membantah ? Adakah kerana sebab peribadi,politik atau sengaja untuk menonjol diri menjadi hero ?

Kita renung dan fikirkan...
* Setuju ttg pendapat Tun...Melayu Boleh !
By yzAuthor Profile Page on February 12, 2009 2:16 AM

Salam Tun

sekarang orang ulu pun dah belajar sains dan matematik

guna bahasa orang bandar plak tuh

orang bandar cuma guna bahasa orang bandar aja

so harap orang ulu akan terus maju selepas nih orang ulu jangan belajar sampai bahasa orang bandar sahaja

kita orang ulu guna pula bahasa luar negeri..

Azroy
By MadudAuthor Profile Page on February 12, 2009 2:26 AM

Salam alaikom Tun, benar kata2 Tun. Org pekan ingat orang ulu tak pandai. Tapi yg tak pandai tu yg pandai,,dan yg "pandai" tu yg tak pandai. Kalau bab sekat ni. Saya pun alami jugak. Tapi oleh kerana masih mentah masa tu, tak dapat lah nak langkah sekatan tu. Yg rugi bukan saya sorang tapi anak2 bangsa sendiri juga. Bab minum2 kat cocktail party, betoi kaa? Takkan tak ada ais kosong? Alasan saja, laa ni anak bangsa banyak dah lembab dlm bahasa inggeris.. kalau tengok program TV.. nak yg banyak aksi saja.. kalau banyak cakap omputih depa tukark cenel sebab tak "exciting". Teruja kata orang laa laa ni. Abis nak buat cammanaa?
By hizbulAuthor Profile Page on February 12, 2009 2:26 AM

salam tun..
semoga tun sihat selalu..
seronok saya bila ada post dari tun..
memang benar kata tun..

tun..
kepandaian seorang tun tidak lah kira dia bersal dari ulu atau bandar..dulu semangat orang melayu islam berbeza dengan orang melayu islam sekarang...mereka tertedah dengan macam-macam gejala...orang melayu sekarang tak seperti dulu...dulu mereka bersatu...sekarang mereka berpecah belah...sama seperti orang umno..juga berpecah belah...semua pentingkan diri masing2...apa cara pun salah atau kotor sekalipun mereka akan lakukan demi kepentingan peribada...apa yang ds najib lakukan di perak sangat menyakitkan hati...orang perak kini berpecah belah...apa yang tak betul Anwar lakukan Najib ikut...bukan ke yang baik yang perlu kita ikut..islam sendiri dah mengajar kita...kalau bakal pemimpim Bn yang lakukan perkara begini apakah lagi orang bawahan...tun...walaupun tun ada khilafnya saya cukup kagum dan hormat dengan tun...tun bukan seorang yang pandai bermain politik namun tun boleh ulas segenap isu...kata2 tun amat berharga...namun orang umno sendiri mengutuk tun...adakah kalau baik tun menyertai pas...orang2 pas generasi baru kini amat bangga dengan tun..mungkin tun tak faham apa yang saya maksudkan....jupe lagi..assalamualaikum..
By andi70Author Profile Page on February 12, 2009 2:31 AM

Salam Tun,

i wonder how come my mother who is an "orang kampong" (rural folks) can speak english fluently with foreigners while looking after her shop in langkawi before. yes folks, an ordinary "orang kampong" doing business with mat saleh.

yet, she use bahasa malaysia with her kids at home and among her friends. she can even speak thai too.

is she a less patriotic malay because she learned her english at schools? i believe she's among those school teacher who pass standard six and start donating her knowledge to surrounding school kids.

nowdays, can we even think of our 13 years old boy teaching in a school, let alone teaching an english subject? yes, our cream of the cream with aces lining on their upsr certificates.

yet, my mother who is an "orang kampung", was a school teacher with standard six certificate. she's done her deeds. how about us?

we are still quarelling about EiM&S whether need to continue or abolish. i did mention before, japan and thailand raise to their state today just by using their mother language. japan almost conquer the economic world.

but thanks to some of those english oriented japan who learned from the u.s. and british to gain

knowledge. with the knowledge, they contribute back to their nation by translating it back to japanese.

japanese is also known for wondering the world with their camera. and they get ideas from other part of the world and innovate it further back home. some of these travellers roam the world without even knowing a proper english.

however, japanese upbringing is cultured towards innovation. compared to malaysians, very long way to go. our childrens are still spoonfed until s.p.m. never ever cross their mind to venture out from what being thought by their teacher only.

their aim is to get as many ace as possible. they are afraid to make mistake, cause they are punish for making mistakes. why do we need to punish them? they won't learn if they didn't make mistake.

the root cause is m.e.n.t.a.l.i.t.y. and double standard here Tok Det.

http://viplife-product.blogspot.com
By Anak KSBAuthor Profile Page on February 12, 2009 2:49 AM

Salam Tun,

Saya anak kampung Tun. Saya sentiasa bangga yang saya anak kampung.
Sentiasa bermentaliti cara melayu kampung yang saya tahu.

Zaman sekolah....saya kena keluar dari kampung lah. Ungkapan seperti:-

1. Ah! Kampungnya!!!
2. Kampung betul-lah!!!!
3. Woi! Mat Kampung!!

Selalu kedengaran. Pantang saya dengar ayat-ayat begini. Selalunya akan saya susul dengan desakan untuk perdebatan. Persepsi biasa yang saya dapat tahu ialah "kampung" akan dikait dengan nilai-nilai kolot...melayu....tak pandai bergaya...tidak pandai bersosial.

Tiada pernah saya jumpa mereka yang melebal seseorang itu sebagai kampung mempunyai alasan yang berkaitan intelektual, kemajuan atau apa-apa yang positif. Komen selalu berlandas soal kulit...luaran....tampak. Komen bersifat cetek.

Tidak lain yang melebel itu sendiri berkualiti singkat, cetek, bebal atau mungkin dungu serta tidak sedar diri...."Melayu Mudah Lupa".

Kampung menyimpan khazanah murni budaya sikap melayu. Jati diri melayu ternama terbina dikampung....Atau adakah ia terbina di lorong-lorong di bandaraya?

Setandan kelapa pasti ada yang komeng. Tapi kalau nak cari kutu...itu cerita lain la.

Saya anak kampung. Passport saya cepat kena tukar. Habis kena chop. Bukan chop imegresen siam la. Lebih 40 jenis chop yang ada. Urusan wakil syarikat saja. Nak meniaga sendiri macam ni....modal fuh....banyak tu. Tapi saya anak kampung. Saya layak...orang suruh pergi lah. Ramai (boleh kata semua) kawan-kawan saya yang buat kerja macam saya adalah anak kampung. Yang bangga kami orang kampung.

Pembantu-pembantu kami yang tinggal ditanahair majoriti anak bandar...anak pekan. Kerani....despatcher....Bukan nak mengutuk. Tapi emotional sikit berkenaan isu ini. Mereka inilah yang lazim sangat melebel orang lain dengan perkataan "kampung".

Macam mana ni? Hebat sangat kah kalau tak di labelkan "kampung" ni?

Sekian Tun.
By suhaimiariffinAuthor Profile Page on February 12, 2009 3:01 AM

Salam TUN,

Betui tu. Saya Setuju. La ni, Malay likes to think their own kind is not capable. I mean we don't others to put us down. Orang kita dah cukup.

I think this could be because those less smart are in the driving seats. I mean, coming from our education system, the excellence one will do something like medic, numbers related and the least one will do the malay studies and of sort. Due to the age difference between you and me, more than forty years that is, i can share with you that the good one joined private and the not-so-good one joined the government. So you have the latter in the government. The rest of the story...will go back to your writing.

Just a thought....wee hours thought that is!
By ShaikAuthor Profile Page on February 12, 2009 3:09 AM

Walid ku,

Bagi saya cocktail party dan arak itu tu tidak menjadi masalah,kalau kita mempunyai pendirian yang kukuh and ilmu yang betul. Masalahnya keterbukaan mindah dan ilmu yang ada didada. Membaca dapat mengningkatkan ilmu dan berapa keratkan orang kita yang membaca dan apakan yang dibaca. Kalau balik balik nobel cinta saja dan majalah tahyul tidak ada ilmu yang banyak. Mengenai sikap orang melayu yang suka menudung jari menyatakan orang lain bodoh adalah penyakit yang dah lama menular didalam orang melayu. Mulanya di rumah kemudian di sekolah dan penuh di akhbar dan majalah termasuklah di kaca tv dalam bentuk drama dan sebagainya malah di sidang parlimen tidak terkecuali. Menyatakan seseorang itu bodoh telah menjadi lumrah dan budaya sekarang. Untuk membetulkannya kita memerlukan masa yang panjang. Tiada siapa yang dilahirkan kedunia ini ingin menjadi bodoh. Jadi ianya menjadi satu tanggungjawap kepada semua orang di malaysia untuk tidak mengeluarkan perkataan yang demikian tanpa berfikir. Dari kacamata politik sekarang, ianya merupakan satu jalan mudah bagi ahli ahli politik. Mereka tidak perlu bersusahpayah menerangkan apakah tujuan diatas tindak tanduk atau perbuatan mereka itu. Malah tidak pernah ada ketelusan diatas apa jua perbincangan yang diadakan. Walaupun mereka tahu keputusan yang diambil melibatkan seluruh rakyat di malaysia. Tidak pernah kan mereka ini mengingati mati mereka dan balasan yang terlah dijanjikanNya. Marilah sama sama kita berfikir sejenak.

Wasalam, walid ku.
By akeeAuthor Profile Page on February 12, 2009 3:39 AM

a bit your fault.

selepas memajukan malaysia & dapat kekayaan, kerajaan telah suap bangsa melayu cukup2 hingga boleh di katakan tidur pun makan datang.

suap hingga mereka tak perlu halusi ilmi bidang perniagaan untuk bersaing. tak perlu usaha. nak usaha pun usaha kat politik kerana politik paling senang cepat kaya, semua pun nak rebut jadi pegawal peribadi 'pokok duit' malaysia.

bila malaysia tak maju dulu, hati melayu dulu lain lagipun kurang minat politik. azam mereka kuat2 belaka. dulu banyak tokoh2 melayu perbagai bidang yang era tu kira 'terror' seperti p.ramlee. satu contoh lagi yang banyak orang dah lupa. masa zaman mat sentul, tokoh melayu perfileman malaysia kira setaraf shaw bro di hongkong (yang kini telah bertaraf antarabangsa). tokoh perfileman malaysia pernah join venture bersama shaw bro hongkong menghasil filem di mana (kalu tak silap) heronya melayu watak james bond.

dah biasa dengan senang & dah tau mana datangnya duit cepat ketulan besar, sekarang semua minat pada 'pokok duit BN', minat 'mega pricing project'. so berpolitik saja la hingga tiada masa halusi bidang lain.
By samisejukAuthor Profile Page on February 12, 2009 4:19 AM

Salam Tun,

Lewat betol Tun tido.. jaga jaga lah kesihatan sama ye...
By Mr. AlongAuthor Profile Page on February 12, 2009 4:57 AM

Assalamualaikum Tun ...
semua orang di dunia nie sama sahaja .. tak kira pun sesiapa sahaja .. tak kira orang ulu atau orang bandar .. kalau usaha dan guna peluang dengan betul .. InsyaAllah .. semua leh jadi ..
saya harap Tun dapat menulis banyak lagi cerita yang baik lagi ..
saya suka membaca kisah dari penulisan Tun
By Mr. AlongAuthor Profile Page on February 12, 2009 4:57 AM

Assalamualaikum Tun ...
semua orang di dunia nie sama sahaja .. tak kira pun sesiapa sahaja .. tak kira orang ulu atau orang bandar .. kalau usaha dan guna peluang dengan betul .. InsyaAllah .. semua leh jadi ..
saya harap Tun dapat menulis banyak lagi cerita yang baik lagi ..
saya suka membaca kisah dari penulisan Tun
By RadziSiAuthor Profile Page on February 12, 2009 6:31 AM

assallamualaikum Tun Yang saya Kasihi!
1.Semua artikel diatas tu ....Betul... Tun ,saya adalah orang anak melayu yang dilahirkan dalam serba kekurangan..melayu yang setaraf dengan orang ulu seperti yang Tun Maksudkan...tetapi saya lahir dihilir...dalam negeri perak pada tahun enam puluhan...saya dapat melihat sehingga kehari ini bagaimana parti-parti politik di malaysia bergerak...pendekkan kata....orang-orang ulu dan orang-orang pekan yang Tun maksudkan telah (pengecut,penakut,pemalu,pemalas ,pelupa)pun menguasai pentas politik terutamanya UMNO....malah ada yang jadi pemimpin besar dilahirkan tak pernahpun pijak lumpur malahan pijak tanah pun tak pernah...sebab apa...mak bapaknya dah kayaraya..mampu beli kasut sampai rm100.00 sebelah...ada diantara mereka tidak mengenal bau minyak tanah...semuanya hidup dalam suasana moden....petik aje menyala,,,pulas aje keluar air...berbalik semula kepada pokok cerita...kalau melayu diberi peluang semuanya mereka boleh buat...kita balik kepada panggal ....peluang...peluang kalau disekat memang gagal....contoh gagal yang paling besar adalah dalam pemainan bola sepak....mana ada standard pemain yang bertaraf dunia dimalaysia...melainkan stadium yang cantik ,bertaraf dunia aje yang dibina..siapa yang nak lihat kakikayu main bola...kalau dulu pemain-pemain kebangsaan datang dari ulu,hilir..pekan dan lain-lain...sekarang pekan pun lagi tak pandai main bola....sebabnya mudah saja....peluang dah tak ada....mana mereka nak main bola...padang sekolah rendah dah dikunci..padang sekolah menengah dah dikunci...padang bola...tak dibina ditaman-taman..nak main bola kat mana...nak dapat pemain yang bertaraf dunia...pemain dunia hanya akan muncul dimalaysia jika kita balik kepada cara lama...bermain bola dimana-mana...kalau tidak Burma dan Viatman pun tak mungkin dapat dikalahkan....sebab mereka mempunyai pemain dari hulu dari hilir dari utara dari selatan ......dalam arena politik pun sama (terutama UMNO)...saya lihat pun sama seperti bola sepak..dah lemah...tiada pemain bertaraf dunia (seperti Tun)sebab mereka dah lama jadi tunggul....nak main politik dimana...sekolah ...universiti....takut nanti masuk(ISA@penjara)....hah ..kalu nak diulas memang panjang..biarkan lah pemikir-pemikir hulu..hilir pekan yang ada sekarang berfikir....kalau mereka lambat...malaysiakan akan mundur ..tak kira siapa yang memerentah..Barisan Nasional KE....pembangkang ke...semua nya dah tak berguna lagi...sama aje...tak ada kualiti....sebab hidup dalam ke alpaan..memimpin dalam kekhayalan...tahu-tahu melayu dah tak bertanah lagi semua pak hitam dah beli...sepet dah sapu...siapa yang redhakan semua itu ...melayu dah jadi kayu....maaf Tun kalau saya dah mula mengarut...tetapi apa guna kemajuan ...kalau orang ulu tak ada peluang...orang pekan dah hilang kemampuan...tahu.tahu oarang bangla,indonesia,china,india pun tak boleh nak kawal ...mereka masuk aje kerumah kita,,,,dia peduli apa....dia tahu kita dah lemah....jadi kalau nak tahu lemah tak lemah nya mereka....kita cuba masuk singapura.....Melau///melayu...melayu////buat lah semua coridor

banyak-banyak...nanti melayu bolehlah tidur kat kali lima....
By ahpok2Author Profile Page on February 12, 2009 6:33 AM

salam buat tun,

saya sering membaca komen dan ulasan tun berkenan situasi malaysia.
saya amat setuju dengan kenyataan tersebut.
saban hari ramai yang protes tentang penggunaan inggeris dalam subjek sains. ini termasuk parti politik dari pemerintah. saya merasa teramat sedih di mana anak anak kita dijadi taruhan politik yang rakus.
sepatutnya kementerian pelajaran memberi kursus kepada warga pendidik kaedah pengajar dalam bahasa inggeris dan bukan menukar balik sukatan tersebut.
pada zaman tun, takde pun mereka membangkang...sekarang heboh heboh pula nak tunjuk wira
By Ahmad UzairAuthor Profile Page on February 12, 2009 6:40 AM

Salam Tun,

Memang nampak sangat ramai orang melayu sekarang yang bodohkan bangsa sendiri. Sekarang orang ulu ke, pekan ke, sama saja. dua-dua manusia. Kita dilahirkan sama-sama bodoh dan tidak tahu apa-apa.

Bezanya kita dengan ilmu dan pelajaran yang kita belajar.
By Ahmad UzairAuthor Profile Page on February 12, 2009 6:41 AM

nampaknya, kita bangsa melayu patut diberi peluang.Peluang yang tidak mengenal di antara orang ulu atau orang pekan. masing-masing punya kelebihan dan kelemahan.
By sharulAuthor Profile Page on February 12, 2009 7:31 AM

Salam Tun,

Topik yang menarik. Tahniah!
By waiZAuthor Profile Page on February 12, 2009 7:47 AM

Salam Tun

Hehehe..Ada cerita orang ulu daripada Tun. Mesti baik punya pengalaman Tun zaman kanak kanak dulu. Tetapi orang ulu itu sekarang dah jadi org pekan kot?. Sbb kawasan-kawasan yang dikatakan ulu dulu Tun yang jadikan pekan pada zaman Tun jadi PM.

Bayangkan kawasan Sintok dulu bukan lagi bergelar ulu pada zaman 70 tahun dulu, malah ia menjadi tempat jin bertendang. Sekarang dah jadi tempat elit mencurah ilmu. Ini kerja Tunlahhh..

Ada pulak kawasan ulu zaman dulu orang panggil cerok. Saperti Cerok Tok Kun. Tempat macam ni orang orangnya kolotkah atau sama istilah dengan orang ulu itu.

Apapun Tun, manusia itu tetap manusia. Tun sendiri pernah cakap orang melayu cepat lupa. Tak hairanlah bila orang yang dulunya tinggal di kawasan sama spesis kolot orang ulu dulu, keluar pekan nak menjadi juara dan lupa asal usul dan lupa dari mana dia datang, dan lupa ke mana dia mesti pergi suatu hari...

waiZ
By naetto92Author Profile Page on February 12, 2009 7:47 AM

Melayu pintar adalah Tun, Melayu Super Pintar yang anggap Melayu Sederhana Pintar adalah bodoh. Melayu asal bodoh sudah tiada. Semua dah pergi sekolah. Begitu juga dengan kaum lain. Ada super pintar, hanya pintar, pintar sederhana tapi yang bodoh tiada lagi. Semua pegang Handphone sekarang, ini bukan nasib..... amalan budaya moden yang bercampur aduk dan tiada nilai Melayu Asli. Ini adalah

akibat Demokrasi. Kalau Komunisme, Semua pemimpin Super pintar dan rakyat adalah super bodoh.
By guntureanAuthor Profile Page on February 12, 2009 7:55 AM

hmmm....salam YBhg Tun,

Nasib baik saya Jawa, sekurang kurangnya kalau apa terjadi pun terhadap Tanah Melayu, di seberang sana masih ada 'Pulau Jawa' untuk saya ingati asal usul. Jikalau Tanah Melayu dah jadi bukan hak orang Melayu, ke mana agaknya orang Melayu akan menumpang berteduh?

Sebenarnya kenyataan di atas cuma sinikal sahaja. Jawa, Banjar mahupun Bugis di Tanah Melayu adalah orang Melayu juga. Tanah tumpah darah dan leluhur warisan bonda kami adalah di sini. Maka sumpah taat setia kami adalah untuk ibu pertiwi.

Namun demikian bagaimanakah pula sikap orang Melayu yang kononnya 'tulin', terhadap sumpah dan janji setia, yang sejak dahulu, telah diikat dari Sriwijaya ke bumi Melaka. Janji Demang Lebar Daun dan Paduka Sultan yang jadi teras ketamadunan Melayu, menjadi struktur hubungan antara rakyat dan ulil amri.

...dan kita saksikanlah pula sikap generasi Melayu kini yang hilang harga diri. Melayu kah kita lagi?
By bapakKucingAuthor Profile Page on February 12, 2009 7:59 AM

Tun,

Saya kurang jelas maksud Tun:

"Sekarang orang Melayu sendiri anggap Melayu kampung bodoh."

Adakah isu semasa yang berkaitan dengan kenyataan ini? Saya cuba google namun tiada jawapan. Maaf saya berada di luar negara dan tidak tahu situasi sebenar di Malaysia.
By smellykenzoAuthor Profile Page on February 12, 2009 8:03 AM

salam tun,

saya tak tau apa point citer orang ulu ini, tapi sy dapt agak ini cerita yg penuh dgn isi tersurat lagi tersirat..

apapun tun,saya doakan tun sihat bersama keluarga...

salam drp ank kedah:-)
By Muhammad HalimAuthor Profile Page on February 12, 2009 8:04 AM

Dear Tun Dr.Mahathir,

Saya dari golongan yg mendapat pendidikan di luar negara dan 7 tahun berulang alik ke dalam dan luar negara. Ape yang saya lihat, orang melayu ini tidak bodoh. Byk juga gelagat orang melayu ni. Tetapi yang paling ketara saya lihat, orang melayu ini ada yang bongkak, berlagak, sombong dan ada juga yang pemalu tak tentu pasal.

Kalau di kedai burger, dia boleh duduk di tepi longkang, pabila seorang pelanggan order, dia terus masak. Pembeli itu berikan extra RM20 kepada penjual burger utk membeli sarung tangan plastik atas alasan kebersihan. Habis dimakinya pembeli itu. Sombong.

Lihat pula pada orang Melayu yang ber-ada. Angkuhnya mereka ketika berkata kata. Baru punya duit 1juta tapi lagaknya macam 100 juta. Arak? Kalau dilihat di kelab kelab malam seperti Loft, Cynna dan Mansion, penuh orang Melayu yang minum, samada kaya ataupun miskin, kampung mahupun bandar. Mereka ini tidak malu untuk bersosial, mereka ini hanya mahu orang disekeliling acknowledge mereka sebagai 'someone'. Puit!! kalau di Australia, tidak kita tahu siapa yg kaya dan siapa yg miskin. Pengutip

sampah juga boleh istirehat di lobby hotel mendengar live band bersama orang kaya.

Orang Melayu kelantan pula berbeza. Kaum perempuan-nya amat rajin dan kaum lelaki amat pemalas. Di rantau panjang itu, semua nya perempuan yang berkerja, lelaki mereka duduk di kedai kopi. Pergilah ke Kuala lumpur, Johor, dan Singapura, yang menjadi tukang urut di 'health spa', kaum perempuan kelantan. Kaum lelaki kelantan sibuk minum kopi atau dengar ceramah.

Mak saya kata, "Boy, you must take good care of your health". Pulang nya saya ke Malaysia, saya lihat, orang Melayu ni, hanya tahu nak makan. Pagi makan, siang makan, malam makan, tengah malam pun makan. Tengok la di Hartamas Square tu, Pelita, atau mana mana mamak. Kawan kawan saya yg saya teguri, 'wei, tak bagus la makan lewat malam' dikatanya pula saya yang berlagak macam mat salleh. Sombong, tak mahu dengar nasihat orang. Tambahan pula, orang melayu saya lihat suka makan nasi lemak pagi pagi. Ini tidak bagus. Masuk office mengantuk lalu tidur di office.

Lihatlah pula sikap orang tua Melayu. Semuanya berlagak tahu. Kalau nasihat orang muda, walaupun betul, habis ditolak. Contohnya, bila disuruh pergi ke doktor untuk regular check up ataupun improve their health. Ini jawapan nya, 'Pakcik dah tua, tak lama lagi tuhan nak ambil pakcik, sakit sikit ni tak payah la pergi doktor, bazir duit je'. Sombong? Angkuh? atau sikap tidak peduli? Rakan doktor saya beritahu, pesakit nya mostly kaum cina. Orang cina sahaja yg jaga kesihatan supaya mereka boleh bekerja lebih lama lagi. Orang melayu terlebih kuat, tak perlu berubat. Di Australia, Mat salleh umur 70, 80, masih kuat bekerja. Melayu 70 sudah Kiok! sebab angkuh.
Lagi satu contoh, gym. Orang melayu tidak ramai yang pergi ke gym. Ada juga yang pergi, makcik tua bertudung ataupun golongan muda yang ingin kan bentuk tubuh yang menarik. Sedikit sahaja. Lainnya, minum kopi. Ditanya mana suami makcik, 'dia tak reti bende bende ni, dia jalan kat shopping kompleks tu kira jogging la tu'.

Cara bisnes orang Melayu juga berbeza. Kalau Melobby, wah hebat!. Kerja belum siap, bintang palace tiap malam. Tunjukkan pada client yang mereka ini orang berkemampuan. Kalau kaum lain, kerja siap baru diberi habuan nya. Angkuhnya kaum kita.

Pernah saya bekerja di Bank Standard Chartered Bhd di department kredit kad dan pinjaman. Boss, saya kata, susah nak approvekan kredit utk orang melayu. Mereka tidak bayar. Ada kredit kad habis dibelanjakan semua. Kalau kredit kad penuh, buat balance transfer. Tambah kredit kad lagi, tambah hutang lagi. Hebat memang hebat. Tambahan pula, bila ditanya samada ingin mohon kad kredit, tidak ramai orang melayu yang endah kan kiraan interest dan lain. Mereka hanya kata, ini gaji, ini hutang, apa macam? Boleh dapat?. Saya terangkan, ramai yang kata, itu nanti cakap.

Pendapat saya lagi, orang Melayu ini kaum yang very good at adapting. Jika dihantar ke negara eropah, jadi la mereka orang eropah. Berpakaian, bertutur, dan fikir seperti mereka. Jika diberi pengaruh Jepun, jadi la mereka seperti orang jepun. Jika ke Indonesia, lantang bertutur bahasa indonesia. Ada yang kata mereka ini mudah terpengaruh, ada juga yang kata mereka ini kaum yang sentiasa bergerak kehadapan. Seperti yang Tun akhirkan, hai la nasib, yang saya lihat yang di adapt-kan oleh orang melayu hanyalah perkara perkara yang tidak elok yang dipelajari dari kaum-kaum lain iaitu berlagak, sombong dan angkuh dari sikap asalnya yang pemalu tak tentu pasal. Jadinya, salah pengajar atau salah pelajar?

Ingin saya commment juga tentang perbezaan Malaysia dan Australia yg berkait dengan politik. Di Australia, sistem yang dijalankan tidaklah racist atau tidak langsung memilih kaum. Tetapi orang mat salleh di sana amat, dan sememang nya racist. Jika mohon kerja, lihatnya orang Asian, ditolaknya senyap senyap. Di Malaysia berlainan, saya lihat, orang melayu terus terang, " we will not share power with other races, it must be under our supervision." Sistem yang dijalankan ada unsur racist tetapi jika dilihat sekeliling, orang melayu tidaklah racist. Ramai juga yang bergaul, mengambil pekerja dan barcampur dengan kaum lain. TETAPI, jika Tun berjalan dibandar, company company cina meletakkan poster poster peluang pekerjaan yang berunsur pekauman. Contohnya, Job Vacancy - chinese only atau chinese preferred atau able to speak mandarin. Sooner or later, being the best at adapting, orang melayu akan pelajari dari kaum cina akan bagaimana mereka tunjukkan pada melayu. Dan ape resultnya, racism in Malaysia worsen.

Kesimpulan yang dapat saya buat, orang melayu masih di peringkat learning. Orang melayu tamadunnya belum ditentukan lagi. Tambahan pula era perang yg membawa pendatang, era moden yang diajar western dan era globalisasi yg mengehadkan masa, hanya mencampur adukkan segalanya. Yg tahu sedikit berlagak, yg tahu banyak tak buat apa apa. Orang Malaysia, melayu, india dan cina perlu tahu akan situasi ini dan saling bantu membantu. Tidak perlu jadi macam karpal singh yang menunjuk kan keangkuhannya. Akibatnya, melayu pun akan jadi angkuh. Hahahahah. Dan jgn la jadi macam melayu Anwar Ibrahim, katanya untuk rakyat, resultnya mengakibatkan pepecahan di Malaysia. Jika zaman muda dulu DSAI buat demonstrasi mengutuk org tua supaya lepaskan jawatan, sekarang dia nak terkejut, bila orang muda yg gagal dipengaruhinya buat demonstrasi melawan dia. HAHAHAHAHAHAHA Geli hati.

Hai nasib. Yg kampung dikata bodoh, yg moden berlagak tahu tetapi tak tahu.

Semua diatas pendapat saya sahaja. Mungking betul mungkin salah. Maaf jika pembaca terguris dihati.

By arkAuthor Profile Page on February 12, 2009 8:04 AM

Tun yang saya kagumi,

A'kum wbt...

Itulah yang dikatakan Bangsa Melayu sekarang ni (la ni) suka memperlekehkan dan melemahkan Bangsa sendiri. Kebanyakkan orang melayu tidak tahu berbahasa Inggeris dan malu utk bercakap inggeris. Pada awala tahun 70an banyak sekolah masih mengajar dalam bahasa inggeris. Sekarang di kebanyakkan kakitangan Jabatan Kerajaan tidak fasih dan tahu berbahasa inggeris.

Keadaan dah terbalik menjadikan kita orang dULU kembali.

Wasalam.

Teruskan menulis TUN.
By haronjanorAuthor Profile Page on February 12, 2009 8:10 AM

ASSALAMUALAIKUM YABHG. TUN

MEREKA YANG MEMPERTIKAIKAN PENGGUNAAN BAHASA INGGERIS DALAM MATA PELAJARAN SAIN DAN MATAMATIK MERASAKAN DIRI MEREKA PATUT DISOKONG OLEH SEMUA ORANG MELAYU LAIN SEBAGAI PEJUANG BAHASA. APALAH SIKAP ORANG MELAYU YANG BEGITU NEGATIF SEMACAM INI. MEREKA SAOLAH SEMACAM BUTA MATA , TULI DAN PEKAK. MUNGKIN MEREKA ADA AGENDA TERSENDIRI DAN TERSEMBUNYI.

CUBA AMBIL PENDAPAT INI, SAYA YANG TIDAK BERPELAJARAN SEPERTI PEJUANG BAHASA MELAYU TADI.

ORANG MELAYU SEPERTI DAKWAAN PEJUANG BAHASA MELAYU PERLU MEMBELA DAN MENJAGA KEPENTINGAN BAHASA MELAYU SUPAYA TIDAK MENJADI BAHASA KELAS KEDUA DITANAH AIR SENDIRI. SOALAN YANG TERTANYA OLEH SAYA IALAH , APAKAH ANAK MELAYU YANG LAHIR DIDUNIA INI TIDAK PANDAI BERBAHASA MELAYU YAKNI BAHASA IBUNDA MEREKA. SAYA PERCAYA RATA RATA ORANG MELAYU TERMASUK YANG DI ULU ATAU DILONDON TIDAK ADA MASALAH BERTUTUR BAHASA MELAYU SEKIRANYA MEREKA BELAJAR, ITU SAHAJA. BELUM PERNAH KITA DENGAR ANAK MELAYU YANG LAHIR DIDUNIA INI TERUS BERCAKAP BAHASA GERMAN TANPA MENGETAHUI BAHASA IBUNDANYA SENDIRI BIAR PUN IBUNYA PEREMPUAN MONGOLLIA. TETAPI BAGI BANGSA CINA DAN INDIA DIMALAYSIA , MEREKA

DILAHIRKAN DENGAN TIGA BAHASA SEKALI GUS SECARA AUTOMATIK TERMASUK BAHASA IBUNDA MEREKA , BAHASA MELAYU DAN SATU LAGI BAHASA LAIN SEPERTI INGGERIS. JADI DISINI , SIAPA KAH YANG LEBIH LAJU UNTUK MAJU KEHADAPAN DAN SIAPAKAH YANG LEBIH LAJU UNTUK MUNDUR KEBELAKANG. PEJUANG BAHASA MELAYU MUNGKIN ADA JAWAPAN AKADEMIKNYA.
By nshahrilAuthor Profile Page on February 12, 2009 8:14 AM

salam'alaik ayahanda Tun,

mendalam sungguh posting kali ini.. tuju kat sapa tuh ayahanda? he he he... semoga sihat sentiasa dlm keredhaan-Nya!

salam hormat
By laniAuthor Profile Page on February 12, 2009 8:22 AM

Tun jgn kecewa bunyinya mcm kecewa ,terus bersemangat utk memajukan org melayu.
Selepas AAB turun saya yakin org melayu akan bersemangat kembali utk menyokong UMNO-BN.Saya berharap Tun turun padang bersama pemimpim UMNO yg lain .Dgn kemasukkan Tun ke UMNO ini memberi keyakinan kpd kami dan kembali bersemangat.

wassalam.
AAB-Lemah
Anwar -dalang huruhara
DAP-ambil kesempatan
PAS-Di perkudakan
By therussmanAuthor Profile Page on February 12, 2009 8:24 AM

HAI TUN..

NAMPAKNYA KITA FAHAM APA YANG TUN FIKIRKAN PADA ANAK BANGSA KITA..NAK BUAT CAMANE TUN,KESILAPAN TUN BERHENTI TERLALU AWL..KADANG-KADANG MANUSIA NI TERLAU SAYANGKAN PERKARA YANG TAK DISAYANGKAN OLEH BANGSA LAIN..RENUNG-RENUNGKAN..

HIDUP TUN!!!
By BidayuhAuthor Profile Page on February 12, 2009 8:28 AM

Dear Tun,

I totally agree with you. Orang Ulu, Orang Tak Ulu, Orang pekan semua sama saja. Tidak ada yang lebih dan kurang. Yang melebihkan orang pekan daripada orang ulu adalah pendedahan kepada maklumat dan peluang. Itu sahaja. Saya amat percaya sekiranya mereka ini diletakkan dalam medium yang sama, kemungkinan tahap kompetensi mereka sama adalah tinggi. Tapi itulah, persepsi bahawa yang kampung itu kampungan dan yang bandar itu advanced sering kita dengar.

Terima kasih kepada Tun kerana selama pemerintahan Tun, banyak ruang dan peluang diberikan kepada orang ulu untuk membuktikan kebolehan. Sebenarnya, pada pendapat peribadi saya, Orang ulu lebih berpotensi untuk maju sekiranya mendapat peluang dan pendedahan sama seperti orang pekan - tolak masalah rempit, pusat hiburan dan sebagainya.

Paling utama punca 'kebodohan' orang ulu adalah maklumat. Sebagai contoh di Sabah dan Sarawak. Di kampung saya, mana ada orang jual surat khabar? Nak dapat senaskah Berita Harian pun nak kena tunggu setengah hari kalau ke bandar Serian. Perjalan dari Serian ke kampung dalam 30-40 minit sahaja. Syukur sekarang jalan dah berturap, itupun dah kopak di sana-sini. Surat tak payah cerita la, kadang-kadang dapat tawaran dah lepas tarikh tutup pun. Macam mana tak 'bodoh' orang ulu?

Televisyen pula nak kena pasang aerial tinggi-tinggi barulah dapat siaran.

Telekomunikasi? Nak sebut pun tak sampai hati. Sejak lahir hinggalah sekarang mana ada fixed line? Kalau ada isi rumah yang bertelefon pun, guna yang advanced - antena. Tapi terima kasih kepada Celcom Malaysia kerana telah melebarkan liputan. Dapatlah orang kampung berhubung dengan dunia luar. Sekarang ni masing-masing macam tokey balak, kesana-kemari dengan Hand Phone.

Orang kampung pun dah ramai yang masuk universiti, dapat jawatan tinggi dalam kerajaan samada profesional atau semi-profesional.

Benar kata Tun, yang 'membodohkan' orang kita adalah 'orang kita' sendiri. Yang tidak menghargai orang kita adalah 'orang kita' sendiri. Yang kutuk orang kita adalah 'orang kita' sendiri. Yang 'makan' orang kita adalah 'orang kita' sendiri. Pendek kata, semua yang berlaku adalah kerja tangan 'orang kita' sendiri. Maju atau mundur, semuanya di tangan kita. Itulah 'orang kita', bila dia dah maju, dah pandai, pijak orang kita jugak. Bila susah, barulah nampak 'keorang-kitaan'nya dia. Minda kelas apakah kita dan 'Orang kita'?

May God bless you and your beloved family with the best of health. Amen.
By azlanAuthor Profile Page on February 12, 2009 8:29 AM

Saya melayu dan tak anggap melayu tu bodoh , saya rasa hanya sikap melayu dan kurangnya ilmu mereka menyebabkan melayu agak ketinggalan daripada bangsa lain. kebanyakkan melayu kerja tidak bersungguh2 dan seperti yang kita tahu melayu tidak ada sikap mencantikkan sesuatu kerja yang dibuat seperti bangsa jepun.Maksud saya kebanyakan bukan semua.Kalau cocktail party saya rasa duta melayu perlu pergi, bagi saya kalau pergi tidak perlu minum arak ,boleh minta minuman lain sebagai ganti dan saya pasti mereka memahami kalau diterangkan kenapa dan mereka tidak kisah.

Melayu perlu berfikir secara logik,rasional,bekerja dengan bersungguh-sungguh,yakin pada diri dan berani mencuba.Tiada yang mustahil didunia ni , apa yang bangsa lain buat kita pun boleh buat,semua bangsa ,sama sahaja hanya sikap akan menentukan.
By Lost AborigineAuthor Profile Page on February 12, 2009 8:32 AM

Dear Tun,

There are still some group of "people" look down at the aborigines especially the Penan, Dayak, Murut, Sakai, Jakun and so forth. Sometime, the aborigines have less opportunity especially in education and government post. But, there are some of them (the aborigines) are now very successful especially Tun Jugah's clan and other aborigines politicians for example.

Sadly, we are discriminated not by others but our own clan to get what they want and not for the sake of the community. If we are given opportunity, I think I am a ambassador now and might join the cocktail party.
By warisan melayuAuthor Profile Page on February 12, 2009 8:33 AM

Salam Tun,

Sepatutnya kita sebagai bangsa melayu patut memberi sokongan dan dorongan yg tak berbelah bagi kepada bangsa kita di dalam mencapai apa sahaja yg selama ini kita tidak dapat capai.

Ya, mmg benar kata Tun, klu dulu, nak tengok orang Melayu berjawatan tinggi agak kecil bilangannya, tetapi kini kita mampu diri sama tinggi, duduk sama rendah dengan bangsa-bangsa yg lain. Syukur alhamdulillah kerana kita diberi peluang dan ruang yg secukupnya daripada pemerintah UMNO. Slogan "Malaysia Boleh" umpama satu kekuatan kepada orang Melayu di dalam melaksanakan misi yg dianggap mustahil selama ini.

Tetapi kini, sy agak terkilan kerana masih ada pihak-pihak tertentu yg mempertikaikan penggunaan Bahasa Inggeris di dalam sukatan pembelajaran di sekolah, terutamanya untuk subjek Matematik dan

Sains. Kenapa ini berlaku?? Kenapa pihak-pihak ini mahu menyekat dan membantutkan generasi sekarang daripada berjaya seperti mereka?? Pihak-pihak ini bukan calang-calang orangnya; ada yg jadi doktor, pensyarah, peguam dan juga ahli perniagaan! Dimana silapnya??
By saladinAuthor Profile Page on February 12, 2009 8:36 AM

Salam Tun..

Memang betul Tun, melayu sendiri yang anggap melayu bodoh,terutamanya orang yang berasal dari kampung di anggap kolot oleh kebanyakan yang berasal dari bandar..sewaktu di Universiti, tahun pertama 2002, seorang kenalan yang juga berasal dari utara malu untuk mengaku secara terbuka yang saya adalah kenalannya kerana saya berasal dari Langkawi dan selalu bercakap dalam dialek utara..Alhamdulilah, tanggapanyya berubah setelah dia datang bercuti di Langkawi..Terima Kasih Tun kerana menjadi Arkitek pembangunan Pulau Langkawi..
p/s : Di LAngkawi juga ada 'Ulu',Kg. Ulu Melaka, tapi tak se'ulu' yang di fikirkan..
By Uchu KelingAuthor Profile Page on February 12, 2009 8:36 AM

Dear Tun, thank you for a well written article on orang ulu. Even though it was not specifically for the orang ulu or the Dayaks of Sarawak, but I feel we too, should be proud of personalities like Datuk Idris Jala, Dr. Penguang, Dr. Dimbab, Mr. Vernon Kedit, etc.
By devastatorAuthor Profile Page on February 12, 2009 8:40 AM

Salam Tun,

Saya amat tertarik dengan tulisan Tun tulis kali ini. Saya merasakan masyarakat yang sekarang ini memegenag jawatan tinggi dan berjaya adalah mereka yang dahulunya adalah masyarakat luar bandar. kebanyakkannya mereka perlu pergi sekolah berjalan kaki berbatu jauh (kalau ada basikal kira senang sikit mereka ni) dan balik dari sekolah kena jaga kerbau atau buat kerja-kerja sawah dahulu. Malam dengan lampu pelita baru boleh belajar. Dengan displin dan keazaman yang tinggi Alhamdulillah mereka berjaya dan sekarang memegang jawatan tinggi dalam kerjaan atau korporat. Selain itu mereka juga berpegang kepada prinsip Islam yang kuat.

Apa yang berlaku hari ini amatlah sedih. Dengan kesenangan dan kemudahan yang ada nampaknya generasi sekarang lupa. Kesukaran masyarakat luar bandar tidak dirasai oleh masyarakat mewah. Mereka tidak faham mengapa mereka ini selekeh dan kolot. Saya amat teringin melihat program pertukaran pelajar masyarakat bandar dengan masyarakat luar bandar rather dari mendenagr berita pelajar luar negara datang ke negara ini dan ambil masyarakat tempatan sebagai keluarga angkat.
By LuckyAuthor Profile Page on February 12, 2009 8:40 AM

YAB Tun,
Saya di lahirkan dalam tahun 50'an, sebelum merdeka, Saya adalah anak orang ulu juga. Saya masih ingat dulu setelah saya menamatkan darjah 6, saya telah memasuki tingkatan satu di sekolah menengah yang alirannya bahasa inggeris. Kami dari sekolah melayu telah di masukkan ke kelas 'special malay class (SMC)' untuk kami meneruskan pembelajaran kami . Walaupun bahasa pengantaran kami di sekolah menengah tersebut adalah bahasa melayu, namun pihak sekolah telah memberi penekanan kepada kami terhadap kepentingan bahasa inggeris.

Setelah ibu saya meninggal dunia dan ayah saya berkahwin lain, saya dan dua orang lagi abang saya telah dijaga oleh datuk kami. Saya beruntung kerana datuk saya yang bekerja sebagai Hospital Assistant atau pada masa itu di panggil 'Dresar' oleh orang kampung, juga memberi galakan kapada kami adik beradik bertutur di dalam bahasa inggeris. Surat khabar yang dibeli oleh datuk saya adalah strait times sahaja.

Datuk saya selalu menasihati dan memberi galakan agar kami adik beradik bergaul dengan pelajar-pelajar berbangsa cina dan india agar kami dapat bertutur dalam bahasa inggeris dengan mereka.

Disebabkan oleh tindakan tersebut, hari demi hari saya fasih bertutur dan menulis di dalam bahasa inggeris sehinggakan di dalam pertandingan 'oratory' di sekolah saya, saya telah menjadi juara mengalahkan pelajar-pelajar dari aliran inggeris. Guru-guru dari SMC cukup bangga dengan pencapaian saya.

Apa yang saya nak utarakan di sini adalah, untuk anak-anak kita yang bersekolah fasih di dalam bahasa inggeris, memerlukan sokongan dari semua pihak, iaitu, guru, keluarga, rakan-rakan seperjuangan dan masyarakat. Jika semua memberi galakan dan tidak ada yang menentang, saya percaya anak-anak kita akan dapat menguasai bahasa inggeris denagn jayanya. Anak-anak kita tidak akan takut lagi untuk berbual dengan 'mat saleh' di mana-mana dan bila-bila masa sahaja.
By abuuwais78Author Profile Page on February 12, 2009 8:43 AM

salam Tun...
Saya suka dgn apa yg Tun perkatakan kali ini.Memberi Peluang,but pengalaman saya sendiri di Mesia negara ku tercinta nie memang kekadang tu sukar utk mendapat peluang.
Saya pernah ditemuduga untuk memasuki Maktab Perguruan Islam Bangi pada tahun 1997 yg lalu,masa tu Tun masih lg menjadi PM Mesia.
Penemuduga saya menanyakan soalan adakah Islam boleh memimpin di Penang seandainya PAS memerintah Penang pada ketika itu?
Boleh Tun bayangkann apa yg berlaku ketika itu?Saya yg berpelajaran Islam ditanya tentang Agama saya dan diberi pilihan sama ada menyatakan boleh atau tidak tentang Agama yg diturunkan oleh Allah swt memimpin dunia?
Sudah pasti jawapan saya 'YA' dan jawapan mereka jg 'YA' dan saya tidak berpeluang utk memasuki Maktab Perguruan Islam Bangi pada tahun tersebut.Inilah keadaan yg saya rasa sama dgn apa yg Tun perkatakan pada kali ini 'Tidak diberi peluang'.
By cicit awang daikAuthor Profile Page on February 12, 2009 8:46 AM

Assalamualaikum dan selamat pagi Tun kesayangan,
Tajuk Tun kali ini lari dari isu panas sekarang.Tapi tak pe sebab boring juga asyik2 isu Palestin-Israel dan kerusi rebutan di Perak.

Sememangnya di tempat saya orang ulu atau dipanggil orang suluk agak lekeh dan comot.Kalau kita masuk ke perkampungan mereka,diorang tengok kita semacam dari atas ke bawah.Tapi mereka baik,mesra dan ramah.Tapi itu dulu...sekarang rugged macam orang bandar.

1.ORANG KAMPUNG SAYA
Dalam kelas (sek.men) saya kebanyakannya terdiri dari anak-anak nelayan,kakitangan rendah kerajaan,anak cikgu dsb.Yang paling glamor pun anak D.O.Anak Cina dan India masa tu pun rajin belajar.Tak macam sekarang.
Pada masa dulu SRP dan SPM mereka ni tak lah berapa 'ado',tapi mereka pandai memajukan diri.Bekerja sambil belajar akhirnya dpt juga diploma,ijazah,master.Rata-rata jawatan mereka sekarang mesti manager.Ada yang masuk politik,jadi usahawan dsb.
Saya cukup berterimakasih dengan kerajaan kerana terlalu banyak memberikan peluang dan bantuan yang pelbagai kepada anak bangsa saya.Cuma terpulang kepada mereka untuk menggunakan semua itu.
2.ORANG KAMPUNG KE?
Bila dah bekerja di bandar saya beli rumah kos sederhana rendah dan sebuah kereta kecil.Cukuplah untuk kami sekeluarga.Tapi ramai juga orang-orang melayu disini tinggal di kampung tapi kampung haram.Rezab sungai ditambak, rumah kayu bercampur batu didirikan.Boleh buat lagi rumah kecik2 kasi orang sewa.Kereta 3,4 bijik parking depan rumah.Kancil tak ada paling buruk pun Wira.Dalam rumah ada kerusi urut,tv leper dsb.Tu belum lagi tengok kat luar pintu masuk kampung ada pintu gerbang 'Kami Penyokong UMNO-BN'.Kenapa saya ceritakan ini? Hai lah nasib!!!
3.ORANG ASLI LAUT
Dalam kelas anak saya (drj.4) sekarang terdapat anak2 orang asli laut.Mereka comot dan masih tak pandai membaca.Pergi sekolah jalan kaki.Tapi mereka pergi juga.Kenapa ya?
Kampung mereka tinggal pun tinggal separuh,separuh lagi pendatang2 Melayu dan Singapura buat

rumah besar2.Pendapatan mereka hasil dari menangkap ikan,ketam,siput dsb di kuala2 sungai dan selat.Mereka ibarat 'kais pagi makan pagi,petang kena cari lagi'.
Hai,lah nasib!!!
By reecklessAuthor Profile Page on February 12, 2009 8:47 AM

Melayu Mudah Lupa...? Sape Lagi nak tolong bangsa kita kalau bukan kita sendiri..
By Institute of Strategic and Information StudiesAuthor Profile Page on February 12, 2009 8:57 AM

Akum ayahanda....

hahahahahahah...betul tu ayahanda...
By AlibabamahathirAuthor Profile Page on February 12, 2009 8:58 AM

Tun

Orang ulu lebih pandai dari orang Oxford. Kambing Oxford itu pandai hujah tapi bodoh concept. sampai bapak mertua pun kena hantam oleh ex-boss. begitu padah orang oxford
By U'deanAuthor Profile Page on February 12, 2009 8:59 AM

Tun

Pada saya ini semua nasib, qada & qadar, takdir. Kenapa Tun yang jadi PM dulu, bukan saya - sebab dilahirkan dalam situasi bilamana dalam perjalanan hidup memunggut kebolehan dan kemahiran serta bertemu peluang-peluang menjurumus kearah itu. Jika dalam perjalanan itu terdapat pengaruh yang mampu mengubah haluan mungkin sasaran halatuju lebeh fokus dari hanya 'by chance'.

Kini punca serta cara menuju ke sasaran tertentu bagitu meluas hingga adakala wujud penindasan yang menjejaskan individu lebeh layak. Sekali lagi ini adalah nasib, qada & qadar, takdir.
By kreatorAuthor Profile Page on February 12, 2009 8:59 AM

Berakit-berakitlah ke ulu, berenang-berenangku ketepian - dato' malek ridzuan
By chekndakAuthor Profile Page on February 12, 2009 9:03 AM

Assalammualaikum, tun

Saya setuju dengan kata2 tun. orang pekan ka kampung ka ulu ka,semua pandai2. cuma peluang yang diberi dimanfaatkan atau pun tidak ja.orang kampung saya dah ramai pi luar negara, pi belajar. yang dah balik, dapat kerja yang bagus2. orang kampung tak bodoh. kalau bodoh, macam mana depa boleh duduk di bandar, jadi orang besar2. boleh dikatakan orang bandar pun asalnya dari kampung juga la. ya,la orang kampung belajar pandai,pi kerja di bandar terus jadi orang bandar sampai ke anak cucu cicit.bagi yang tak berapa nak setuju dengan apa yang saya kata,maaf lah ye. Orang Melayu ni kerap sangat guna perkataan 'susah'. Buat itu susah, buat ini susah. habis tu, nak buat apa dan nak jadi apa? dah semuanya susah2. Mak saya selalu kata kat kami adik beradik ' PASAI APA KITA TAK BOLEH BUAT SEDANGKAN ORANG LAIN BOLEH BUAT'.asalkan benda yang kita buat tu berfaedah. Jadi di mana yang susah? Mak saya orang kampung,orang susah, buta huruf dan arwah bapak tak buta huruf tapi orang susah, tapi bab pelajaran jangan main2. Arwah bapak, kalau periksa tak boleh elok, melayang buku keluar rumah. Mak pulak,kalau tak pergi sekolah, jangan haraplah kami dapat keluar. buat alasan demam lagi nahas. Duduk dalam rumah, sampai petang.mak malu kalau orang tau anak dia tak pi sekolah.bagi mak bapak yang penting anak2 boleh kenal huruf,boleh buat kerja tak pa dah.esok2 dah ada kerja elok sambung belajar lagi. pendek kata tak semua orang kampung dan ulu ni bodoh.
By Shahisma159Author Profile Page on February 12, 2009 9:09 AM

Dearest Tun,

Terima Kasih atas berkongsi pengalaman dan cerita keluarga/kawan Tun dengan kami. Saya faham mesej yang Tun cuba sampaikan. Sekarang semua orang cakap Malaysia Boleh, tapi nak buat jambatan

pun kena tanya jiran. Mungkin buat jamban sahaja tak perlu kebenaran jiran. Cakap pasal biotech lah, pertanian lah, modal insan lah tapi semuanya hampas - yang kaya anak dan anak menantu dia aje.

Kelemahan ketara Melayu ialah kerana tak boleh menerima teguran dan tak boleh tengok orang lain maju - dengi. Cubalah lupakan pasal politik - UMNO ke PAS ke, berjuanglah demi bangsa dan negara. Ni tidak, semua pakat nak sabotaj orang lain, sampai menderhaka pada Sultan pun sanggup. Kalau kena kat dia tak pe, kalau dapat pada orang lain tak boleh. Sindrom macam ni lah yang melemahkan orang Melayu. Orang jual goreng pisang, dia pun jual goreng pisang sebab dengki orang tu jual laku.

Belajarlah menerima teguran dengan hati terbuka, kalau rasa teguran itu tidak betul, lupakan saja - jangan pulak dengki pada yang menegur, sebab tujuan teguran nak perelok bukan dan perlingkup.

Saya harap Tun tulis lah Malay Dilemma Part 2, ulas sikit pasal melayu moden dan politik melayu masa kini.

Harapan saya dan keluarga, agar Tun dan isteri sihat selalu.
By ziesAuthor Profile Page on February 12, 2009 9:11 AM

Assalamu'alaikum buat Tun Berdua...mungkin saya dilahirkan oleh keluarga orang ulu...di Kampong Kubang Pasu..Jitra...walaubagaimanapun saya telah di pelihara oleh keluarga angkat di Jitra..seingat saya rumah pertama kami ialah di Kubang Lembu..sekitar tahun '50an..bersebelahan dengan toke lori yang saya kenal sebagai Lam Cheng..Tentu Tun kenal arwah keluarga angkat saya..Pak Awang Transport..station master syarikat bas Kubang Pasu dan ibu angkat saya Che' Nun Binti Lebai Tamby..orang panggil Mami Nun..orang Alog Stag..pernah menjadi pesakit Tun...Oleh kerana saya terlalu kecil waktu tu..jadi saya tak berapa tau sangat tentang keluarga sebelah mak angkat saya ni...abang angkat saya Noordin Bin Che'Rus pernah bersekolah satu kelas dengan Tun masa darjah Nol..satu pupu dengan Ahmad Merican..dan bapak saudara pupu kepada Tan Sri Hassan Merican...untuk pengetahuan Tun beliau masih sehat lagi..kini menetap di Sg Petani..Sewaktu bersekolah di SKJ Jitra..Tun Asmah bertugas di Pusat Kesihatan Jitra..telah memperkenalkan program Kesihatan Ke Sekolah2..dimana seminggu sekali kami terpaksa pergi check gigi...punya la ketag lutut...maklum la...Arwah mak selalu jugak bawak saya ke Alog Stag..kerumah anak2 menakan dia yang ramai tu..jugak ke seberang perak..di Jalan Kilang Ice..walau pun saya tak pernah tau rumah siapa...Bnyak lagi nak tulis..tapi tak tau macamana..maklum la..anak orang ulu kut???? Akhir sekali saya ambil kesempatan disini mendoa'kan agar Tun berdua sentiasa di dalam peliharaan Nya...Amin...Salam sayang buat Tun berdua...
By Mohamed IsmailAuthor Profile Page on February 12, 2009 9:17 AM

Tun,

Menarik aih post kali nih... Syok baca...

Apa² pon, terima kasih menulis artikel nih, walaupon agak mencuit hati tapi ada maksud tersirat yang sangat mendalam...

Kalau diberi peluang, rakyat Malaysia nih boleh...

Boleh p jauh...
By adjusterAuthor Profile Page on February 12, 2009 9:17 AM

Saya setuju dengan Tun,memang banyak orang ulu dan orang kampung yang menjawat jawatan yang tinggi di dalam kerajaan maupun swasta,yang mana mereka dahulu kala tak termimpi untuk mendapatkannya.Ini semua kerana orang ulu diberi peluang untuk berusaha dan mencuba nasib mereka.Saya bersyukur kehadrat Allah Taala dengan adanya pemimpin seperti Tun yang mana telah banyak membantu orang ulu dan orang kampung untuk maju kehadapan dan merasai kemewahan hidup di bandar.Satu teori dijalan kan bahawa orang kampung yang duduk dalam hutan (biasanya dikelilingi hutan) akan berhasrat untuk pindah ke bandar dan menetap di sana, sebaliknya orang yang di bandar

pula sekarang ini sibuk untuk berpindah ke dalam hutan dan terpaksa membeli rumah-rumah yang berbilion bilion harganya untuk tinggal kerana bosan dengan kehidupan di bandar. pelikkan?
By wajaperakAuthor Profile Page on February 12, 2009 9:17 AM

Assallamualaikum Che det and fellow bloggers..

I truly appreciate your contribution to our beloved nation and very much thankful Allah for that...

But please Tun please do consider my appeal.Please tell us your childhood hardship and your experience in Japanese Occupation and in Communist Emergency..

Please do consider...You are the living proof...please highlight your experience...I am so much obliged to hear those from fisrt hand experience..

Please Tun.. you are the living legend..

Please do consider...

Thank you very much..
By 'Manusia Biasa'Author Profile Page on February 12, 2009 9:19 AM

Dear YABhg Tun,

I like your book title 'Menuju Ke Puncak'. There a lot of things I experience from it. You have eleborate the roles and how efficient DEB is. Now I enjoy reading your blog.
By anakmalaysiaAuthor Profile Page on February 12, 2009 9:19 AM

Ayahanda Tun,

As always you are a genius.... I memang setuju. I know you always mention about melayu mudah lupa and how you love if the melayu can improve themselves ethically and proffesionally. But what about your comment about unethical malay yang lebih pentingkan diri and look down on others and use other malays to upgrade themselves.

Semoga Ayahanda Tun dan keluarga sentiasa dilindungi Allah.
By RozyAuthor Profile Page on February 12, 2009 9:26 AM

Salam Ayahanda Tun, memang betul apa yang ditulis ayahanda ni... Dulu lepasan sekolah Inggeris semuanya serba boleh....Saya aliran Melayu dipandang lekeh oleh English Medium...tapi saya belajak kuat Bahasa Inggeris.... Sekarang ni... masing2=-masing macam Islamik sangat semua tak boleh...cakap Inggeris pun dicemuh macam kebaratan sangat! Memanglah Nasib Labu Labi lagi.... Minda orang Melayu ni sempit n pemikiran tak berubah walaupun kita dah ada "Menara Kembak Petronas" kebanggaan kita membuatkan dunia tahu dimana Malaysia!..Haprak n mudah lupa,hasad dengki dan tak senang tengok orang lain berjaya...musti cari jalan menghancurkan bangsa sendiri! Tak bersatu bercakaran...dulu cakap org Arab tak bersatu laa ni sama sendiri pun Melayu sama...PAS dan UMNO...APA KURANGNYA...fikirkanlah hai Umat Melayu Malaysia!
By RosnahAuthor Profile Page on February 12, 2009 9:26 AM

Asalamualaikum Tun.

Saya setuju dengan pendapat Tun. Memang orang Melayu ulu lebih pandai dari orang bandar. Tapi itu dulu sewaktu zaman Tun dan sekitar zaman saya pada awal 80an. Malangnya orang Melayu ulu sekarang tidak pandai berbahasa Inggeris kerana mereka terlalu sibuk dengan urusan lain seperti bermain video games atau menonton filem-filem barat melalui saluran Astro. Mempelajari mata pelajaran matematik dan sains dalam Bahasa Inggeris adalah sesuatu yang amat menyusahkan bagi orang Melayu ulu. Sebab itu ada NGO sanggup berpiket untuk membela nasib malang anak-anak orang Melayu Ulu

yang tercicir ini.

Sedih sungguh melihat orang Melayu sekarang ini. Sukar sangat ke untuk berubah kearah kebaikan sendiri? Anak-anak ini sebenarnya dibentuk oleh ibu bapa. Jika ibu-bapa sentiasa menggalakkan anak-anak supaya berusaha, maka berusahalah mereka. Contohnya seperti keluarga saya. Kami menghantar semua anak kami ke sekolah SKJ Cina, bermula dari yang sulung sehingga ke anak kelima. Memang sukar pad mulanya, kerana kami orang Melayu, tinggal di kampung Melayu tetapi menghantar anak belajar ke sekolah cina. Kami tidak pandai bertutur dalam bahasa Cina. Tapi kami sentiasa menggalakkan anak sulung kami supaya berusaha. Akhirnya sekarang dia merupakan pelajar terbaik di sekolah Cina dan boleh menguasai 3 bahasa dengan baik iaitu Bahasa Melayu, Cina dan Inggeris.

Orang Melayu boleh jadi apa sahaja jika orang Melayu berusaha. Malangnya orang Melayu semuanya tak boleh, dimarah tak boleh, dipaksa tak boleh. Yang boleh hanya duduk dirumah menonton tv, bermain video game dan melepak di shopping complex atau merempit di jalan raya. Oh lupa satu lagi, yang paling dibolehkan ialah berbaring di jalan raya, merusuh dan berpiket demi keadilan bersama.

Wasalam.
By ismailAuthor Profile Page on February 12, 2009 9:27 AM

Dear Tun,

I am from Terengganu..and we also have our own orang ulu.

But now ulu or hilir is not so demarcated because there's so many good roads and Protons to move us around.Anyway,the rivers are too silted up to "mudik" in.

What I notice now is the new breed i.e orang UMNO.They are not very smart nor can they speak English well.They prefer dangdut to cocktail parties.And they do not need to work too hard for their Phd.

But,one noticeable trait that is very prevalent with orang UMNO is that they seem to get rich very fast;sometimes overnight.And they have the courage to show their wealth thus they have big houses,big cars and big kenduris.

By the way,some of the orang UMNO are also orang Ulu.

thanks
By TechTitanAuthor Profile Page on February 12, 2009 9:30 AM

Apa nak buat Tun, ramai Melayu yang terasa diri lebih hebat dari orang lain (org kampung). Kena besarkan sikit skop perbandingan.
By Tungau TasikAuthor Profile Page on February 12, 2009 9:34 AM

Tun,

Paparan ini amat lah menarik sekali....

Saya juga berasal dari kampung pedalaman Sarawak. Saya merupakan pelajar aliran inggeris juga tapi Bahasa Malaysia menjadi subjek wajib untuk lulus.

Pada zaman saya, bahasa inggeris merupakan bahasa yang kerap digunakan di sekolah. Saya masih ingat lagi bagaimana sukarnya ibubapa saya melepaskan saya untuk belajar di Universiti Malaya Kuala Lumpur kerana saya merupakan pelajar pertama dari kampung saya mendapat tawaran untuk belajar di universiti.

Pada masa itu, persepsi orang kampung saya terhadap pelajaran adalah amat rendah. Bagi mereka, bertani dan nelayan lebih memberi hidup berbanding profesi lain yang kebanyakan nya di tunjangi orang

putih.

Tetapi saya teruskan juga pengajian di bidang kejuruteraan di Universiti Malaya dan kini berkerja sebagai jurutera di sebuah syarikat minyak terkemuka. Apa yang saya lakukan telah menjadi contoh kepada orang kampung saya dan kini ramai anak-anak muda dari kampung saya sudah berjaya hingga ke luar negara.

Namun apa yang menarik perhatian saya adalah baru-baru ini timbul beberapa manusia yang membantah pembelajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris konon nya untuk memartabatkan Bahasa Melayu supaya generasi zaman sekarang tidak lupa dan sentiasa fasih berbahasa itu.

Zaman saya, semuanya dalam bahasa inggeris. Bahasa Melayu cuma di ajar di dalam satu subjek. Tetapi yang hairannya, sampai sekarang, saya masih fasih berbahasa melayu walaupun dahulu saya begitu susah untuk menggulung lidah bercakap dalam bahasa inggeris.

Dalam syarikat saya, ramai orang melayu yang yang di ambil bekerja. Masalah yang paling besar adalah komunikasi dengan bangsa asing kerana mereka sukar berbahasa inggeris. Ada di antara mereka terpaksa mengambil kelas tambahan mempelajari bahasa inggeris. Agak terlambat sekiranya usia sudah menjangkau 40 tahun baru mahu berbahasa inggeris. Dalam kejuruteraan, kebanyakkan buku rujukan, manual jurutera adalah dakam bahasa inggeris. Maka terkial-kial lah orang kita apabila membaca atau cuba menerangkan sesuatu dalam bahasa inggeris kepada orang asing.

Saya bukan mempertahankan pembelajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris, tetapi cara kita membantah seolah-olah kita sudah begitu maju dalam teknologi hingga kita seolah-olah tidak perlu belajar bahasa Inggeris untuk mengetahui ilmu orang asing. Boleh ubah dan kembalikan Matematik dan Sains dalam bahasa Melayu, tetapi naikkan kuality pengajaran bahasa Inggeris.

Saya terasa hairan pula apabila rakan saya memberitahu orang yang menjadi tulang belakang pembantahan tersebut hantar anak nya belajar di luar negara.....luar negara ada ajar Matematik dan Sains dalam bahasa melayu ke...? Atau ada sesetengah pihak mahu orang kita sentiasa terkebelakang di dalam bahasa Inggeris...Jadi fikir-fikirkan lah apabila mahu menyokong sesuatu bantahan....

Sukar untuk menjawab.....
By Tungau TasikAuthor Profile Page on February 12, 2009 9:36 AM

Tun,

Paparan ini amat lah menarik sekali....

Saya juga berasal dari kampung pedalaman Sarawak. Saya merupakan pelajar aliran inggeris juga tapi Bahasa Malaysia menjadi subjek wajib untuk lulus.

Pada zaman saya, bahasa inggeris merupakan bahasa yang kerap digunakan di sekolah. Saya masih ingat lagi bagaimana sukarnya ibubapa saya melepaskan saya untuk belajar di Universiti Malaya Kuala Lumpur kerana saya merupakan pelajar pertama dari kampung saya mendapat tawaran untuk belajar di universiti.

Pada masa itu, persepsi orang kampung saya terhadap pelajaran adalah amat rendah. Bagi mereka, bertani dan nelayan lebih memberi hidup berbanding profesi lain yang kebanyakan nya di tunjangi orang putih.

Tetapi saya teruskan juga pengajian di bidang kejuruteraan di Universiti Malaya dan kini berkerja sebagai jurutera di sebuah syarikat minyak terkemuka. Apa yang saya lakukan telah menjadi contoh kepada orang kampung saya dan kini ramai anak-anak muda dari kampung saya sudah berjaya hingga ke luar negara.

Namun apa yang menarik perhatian saya adalah baru-baru ini timbul beberapa manusia yang membantah pembelajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris konon nya untuk memartabatkan Bahasa Melayu supaya generasi zaman sekarang tidak lupa dan sentiasa fasih berbahasa itu.

Zaman saya, semuanya dalam bahasa inggeris. Bahasa Melayu cuma di ajar di dalam satu subjek. Tetapi yang hairannya, sampai sekarang, saya masih fasih berbahasa melayu walaupun dahulu saya begitu susah untuk menggulung lidah bercakap dalam bahasa inggeris.

Dalam syarikat saya, ramai orang melayu yang yang di ambil bekerja. Masalah yang paling besar adalah komunikasi dengan bangsa asing kerana mereka sukar berbahasa inggeris. Ada di antara mereka terpaksa mengambil kelas tambahan mempelajari bahasa inggeris. Agak terlambat sekiranya usia sudah menjangkau 40 tahun baru mahu berbahasa inggeris. Dalam kejuruteraan, kebanyakkan buku rujukan, manual jurutera adalah dakam bahasa inggeris. Maka terkial-kial lah orang kita apabila membaca atau cuba menerangkan sesuatu dalam bahasa inggeris kepada orang asing.

Saya bukan mempertahankan pembelajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris, tetapi cara kita membantah seolah-olah kita sudah begitu maju dalam teknologi hingga kita seolah-olah tidak perlu belajar bahasa Inggeris untuk mengetahui ilmu orang asing. Boleh ubah dan kembalikan Matematik dan Sains dalam bahasa Melayu, tetapi naikkan kuality pengajaran bahasa Inggeris.

Saya terasa hairan pula apabila rakan saya memberitahu orang yang menjadi tulang belakang pembantahan tersebut hantar anak nya belajar di luar negara.....luar negara ada ajar Matematik dan Sains dalam bahasa melayu ke...? Atau ada sesetengah pihak mahu orang kita sentiasa terkebelakang di dalam bahasa Inggeris...Jadi fikir-fikirkan lah apabila mahu menyokong sesuatu bantahan....

Sukar untuk menjawab.....
By eismailAuthor Profile Page on February 12, 2009 9:37 AM

Assalaumalaikum YABhg Tun:

Saya dibesarkan di Kuala Lumpur, tetapi saya masih menganggap diri saya dahulu sebagai "orang ulu" kerana walaupun hidup di bandaraya tetapi dari banyak segi saya adalah seperti orang ulu sebagaimana yang dimaksudkan oleh YABhg Tun pada awal rencana. Tetapi dalam tahun lewat 70an dan awal 80an saya diberi peluang oleh Kerajaan Malaysia untuk membuktikan bahawa orang ulu seperti saya juga boleh berjaya jika diberi peluang. Saya diberi biasiswa walaupun kelulusan saya tidak sebaik kelulusan orang lain kerana pihak-pihak berkenaan pada ketika itu mungkin dapat melihat potensi saya. Dan mereka juga mungkin menganggap bahawa sekiranya diberi peluang, saya juga boleh menjadi orang ulu yang berjaya. Peluang itu saya gunakan sepenuhnya. Peluang pertama ialah saya diberi belajar di ITM (sekarang UiTM). Tanpa peluang tersebut, saya rasa saya tidak mungkin boleh berada di mana saya sekarang ini. Di ITM saya belajar bersungguh-sungguh. Pensyarahnya amat berdedikasi. Dan saya amat bersyukur adanya ITM kerana ada tempat untuk saya membuktikan bahawa orang ulu seperti saya boleh berjaya. Malahan 5 daripada 7 adik beradik saya yang juga boleh dikategorikan sebagai orang ulu diberi peluang belajar di ITM. Dan mereka semuanya berjaya sekarang ini. Hasil dari didikan di ITM, saya terus diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran di luar negara. Dan peluang itu saya guna dengan sesungguhnya di mana saya berjaya membuktikan bahawa orang ulu seperti saya juga boleh duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan bangsa lain. Malahan dalam banyak keadaan saya dapati saya lebih superior daripada mereka. Apa yang ingin saya coretkan di sini sebenarnya ialah orang ulu seperti saya boleh berjaya jika diberi peluang dan peluang itu diambil bersungguh-sungguh. Peluang ini diberi oleh kerajaan yang dipimpin oleh YABhg pada ketika itu hasil daripada dasar pendidikan yang diperkenalkan oleh YABhg ketika menjadi Menteri Pendidikan dan kemudiannya Perdana Menteri. Maka sehingga kini saya sering memberitahu anak-anak saya bahawa berkat wawasan YABhglah yang memberi banyak kesenangan kepada saya dan keluarga saya dan sampai bilapun saya akan terhutang budi kepada YABhg Tun dan Kerajaan Malaysia di bawah kepimpinan Tun. Terima kasih YABhg Tun. Kerana YABhg telah menjadikan saya orang ulu yang berjaya. Jasa YABhg terlalu besar bukan sahaja kepada saya, malahan kepada seluruh rakyat Malaysia. Dan terima kasih juga kepada pensyarah dan pemimpin ITM (dahulu)dan UiTM(sekarang). Merekalah penyelamat orang-orang ulu seperti saya. Tanpa

mereka tidak mungkin ramai anak Melayu boleh berjaya.

Semoga YABhg Tun sentiasa dirahmati Allah SWT.

eismail@tm.net.my
By Che ManAuthor Profile Page on February 12, 2009 9:42 AM

Salam Dr.

Maafkan saya. Kali ni saya tak dapat tangkap maksud Dr. menceritakan pasai orang ulu Kedah ni. Ada apa-apa isu ka Dr., bila mana Dr. kata sekarang ni orang Melayu sendiri anggap Melayu kampung bodoh? Saya pun Melayu kampong jugak, Melayu bendang lagi. Kerana peluang pendidikan yang saya dapat, la ni saya jadi Melayu 'bandaq' la pulak.
By kampung boyAuthor Profile Page on February 12, 2009 9:44 AM

assalamualaikum tun...

Saya sangat dengan pendapat Tun, org melayu anggap org melayu bodoh..!!.. org melayu bantai org melayu....
itu tak kira org2 len kan dok bantai org melayu..... macam2 kan...
hasilnya.. ???? xda apa yang menguntungkan....
cuba tengok org2 lain tu, berbeza fahaman macam mana pun, jika melibatkan org2 depa, pehhh..!! suma bergabung.....

sejarah islam dlu, bila nak lantik pemimpin, semua takut., sbb apa..?? sbb takut tak dpt nak laksanakan tanggungjawab yang di AMANAHKAN... org skrang pantang nak dilantik, berebutt macam kambing masuk kandang.... itu yang jd masalahya org2 kita ni...
By gAuthor Profile Page on February 12, 2009 9:44 AM

Dearest Tun,

This is the first time I can write to u. It's really a big meaning to me. Actually, as Tun said orang melayu mudah lupa.
How long u take to improve the malays thinking? DO u success..u should know the answer. Tak guna cakap dengan orang Melayu ni...Apa pun yg saya lihat...saya sering teringat kan kata-kata Tun...Melayu Mudah Lupa (MML)
By kuboshamAuthor Profile Page on February 12, 2009 9:44 AM

Assalammualaikum Tun,
Semoga sihat selalu.

Saya setuju dgn pendapat Tun.Bila matapelajaran sains dan matematik diajar dlm bahasa inggeris,ramai org dok bangkang.Itu tak kena,ini tak kena.Ada saja alasan yg diberi.Yg lebih teruk,depa kata pelajar/murid di bahagian hulu tak dapat sesuaikan diri.Awat,bodoh sangat ka org kat kampung.Bagi pendapat saya,Allah kurniakan kepada kita semua otak yg sama,cuma kita sendiri yg kena cari ilmu untuk memantapkan lagi daya pemikiran kita.Bagi saya daripada kita berkumpul beramai-ramai untuk membantah matapelajaran sains dan matematik dlm bahasa inggeris,baik kita berkumpul beramai-ramai, buat majlis ilmu,fikirkan mcm mana cara dan kaedah untuk memudahkan pelajar/murid dari kampung belajar supaya tidak ketinggalan berbanding dgn pelajar dari kawasan bukan kampung.Bila dah dapat kaedah yg sesuai,jom kita ramai2,pi jumpa Hishammudin Tun Hussain Onn,suruh depa buat kajian mengenai kaedah yg disarankan.
Bagi saya,revolusi pembelajaran sains dan matamatik dalam bahasa inggeris merupakan satu perjuangan untuk menaikkan taraf dan martabat bangsa dan negara.Apabila kita berkata atau bercakap pasal perjuangan,pasti ada yg terkorban.Persolannya, berapakah jumlah yg terkorban dan bagaimana kaedah/pendekatan yg kita ambil untuk kurangkan bilangan yg terkorban itu adalah sangat penting.Insyaallah,jika niat kita baik,kaedah pendekatan kita yg sempurna dan selalu berdoa meminta

pertolongan daripada Allah,kita dan negara kita pasti berjaya.
By Kassim Mohd HussainAuthor Profile Page on February 12, 2009 9:46 AM

Salam Tun,

Pernah saya katakan tak berapa lama dulu perihal perbezaan orang Melayu Malaysia dan orang Melayu Singapura.

Perbezaan ini amat ketara sekali. Melayu disini asalkan berminat dan rajin belajar, peluang untuk ke universiti itu sangat cerah kerana batuan wang dari kerajaan sedia ada. Tetapi lain pula degan orang Melayu di Singapura, walau pun mau terus tingkatkan belajar ke universiti kebanyakan ibu-bapa mereka terpaksa menjual rumah rakyat (HDB flat) mereka. Ini pun tidak semua yang mampu menjual rumah untuk mengongkoskan penyekolahan anak-anak mereka. Ada juga sanggup menjual rumah hanya untuk tingkatkan ilmu di negara luar dan juga di Malaysia. Oleh kerana duit tidak mencukupi, ada yang terpaksa lepas dari pengajian setelah menjalani satu atau dua semester saja. Ini sangat mengharukan!

Jika anak-anak muda ini di beri kemudahan seperti orang Melayu Malaysia, berkemungkinan mereka ini boleh menamatkan pengajian mereka! Saya rasa ini bukan salah mereka, ini adalah kesalahan orang-orang dulu yang menyebabkan kesan buruk ini harus dipikul
oleh mereka. Masalah ini gampang sekali untuk diatasi. Orang-orang cerdik pandai jangan berpaling muka dari masalah ini, tetapi perbaikilah masalah ini dengan memberi tumpuan dan minat yang wajar!

Tumpukan pandangan di negara-negara ASEAN, terutama di Singapura dan lihat sejarah. Kerja kita belum dan tak boleh SELESAI selagi hayat masih ada!
By GEEALIAuthor Profile Page on February 12, 2009 9:49 AM

SALAM TUN SEKELUARGA
&
SALAM PARA BLOGGERS

ORANG KAMPUNG LANI DAH 'ADVANCE'...ORANG KAMPUNG KA, ORANG ULU KA, ORANG PEKAN KA TAK DAK BEZANYA KERANA SEMUA BERNAMA 'MANUSIA'....ADA AKAL KURNIAAN ALLAT S.W.T.

KALAU KATA 'ORANG KAMPUNG ATAU ORANG ULU' TU KOLOT, BODOH TU DAH SILAP BANYAK LA..

SAYA SENDIRI ORANG KAMPUNG JER...DI BALING NI KEBANYAKAN ORANG2 KAMPUNG LA..DOK LUAR BANDAR..

ORANG KAMPUNG NILA DOK UNDI 'HAMPA' SAMPAI 'HAMPA' BERJAWATAN TINGGI.BLEH JADI MENTERI, TIM. MENTERI,ADUN,AHLI PARLIMEN,EXCO...
TAPI ADAKAH 'DEPA-DEPA' NI BERTERIMA KASIH KAT ORANG KAMPUNG NI ..BILA MINTA TURAP JALAN PUN BERTAHUN-TAHUN MAKAN MASA...PATUT KER?ADA YANG JALAN X BERTURAP SAMPAI LANI PUN ADA..

DI 'KAMPUNG' SAYA, RAMAI JUGAK YANG JADI GURU, PENSYARAH DAN ADA JUGA JADI PEGAWAI BANK DAN 'PROGRAMMER'.ASAL DARI TEMPAT BERNAMA 'KAMPUNG' NILA...TAMBAHAN KAT BALING, KEDAH NI MEMANG LA RAMAI YANG DOK KATA 'ORANG ULU'...

'ORANG ULU' BUKAN SEMBARANGAN 'ORANG ULU' LAGI DAH.
BUKAN TAK PAKAI KASUT LAGI DAH, ADA YANG PAKAI KASUT 'VINCCI' DAH..PAKAI TILAM 'VONO' PUN BANYAK...

TAPI MACAM TUN KATALA : BILA ORANG SEKAT PELUANG KITA, MMANA KITA NAK TAHU KITA BOLEH KE X..'DEPA' PUN TAK TAHU KITA BOLEH KE X ?

BILA KITA KERJA PLAK SEBAGAI SAMBILAN, KONTRAK ATAU SEMENTARA, LAGI KITA X DAPAT PUN 'KELEBIHAN' YANG SEPATUT DENGAN TUGAS DAN KELULUSAN KITA...TU PLAK 'SEKAT' PENDAPATAN DAN PELUANG NAMA DIA...KALAU NAK BANTU BOLEH SANGAT.SERAP SAJA 'MEREKA-MEREKA' INI KE JAWATAN TETAP SUPAYA TERJAMIN MASA DEPAN...KERAJAAN ADA 'POWER' UNTUK SERAP 'MEREKA-MEREKA' INI...(KALAU BETUL-BETUL NAK BANTU RAKYAT DAN TIDAK 'MENYEKAT' PELUANG&KERJAYA 'MEREKA')...

JANGAN JADI MELAYU 'SEKAT' MELAYU...
JANGAN JADI MELAYU 'BODOHKAN' MELAYU...
JANGAN JADI MELAYU 'TINDAS' MELAYU...
JANGAN JADI MELAYU 'HINA' MELAYU...
JANGAN JADI MELAYU TAKSUB...
JANGAN JADI MALAYU EGO...
JANGAN JADI MELAYU LUPA DIRI...
JANGAN JADI MELAYU LUPA SEJARAH...

JADILAH MELAYU SUKA BANTU MELAYU

PUTERI BALING, KEDAH

By jebat007Author Profile Page on February 12, 2009 9:51 AM

Assalamualaikum TUN,

Betul tu TUN........saya bekerja di Jabatan Sumber Manusia di sebuah syarikat MNC..Pada pengalaman saya banyak siswa kita (melayu) nak isi borang kerja pun tak tahu sebab borang tu dalam bahasa Inggeris..tapi nak minta jawatan sebagai Jurutera.

Macamana diorang nak berkomunikasi dengan jurutera2 dari luar negara kalau isi borang kerja pun tak tahu..

Sesetengah orang kata kita kena tiru Jepun guna bahasa ibunda dia pun boleh maju tapi diorang kena ingat orang Jepun penuh disiplin yang tinggi dan diorang dah maju lebih lama dari kita...dan ada kapalterbang sendiri semasa Perang Dunia Kedua....

Orang Melayu nie macam kata TUN...malas, banyak alasan dan sentiasa mengharap bantuan kerajaan untuk apa-apa tujuan pun..kalau tak dapat kerajaan zalim...masa belajar dulu dapat pinjaman atau biasiswa dari kerajaan dan bila dah bekerja..berlagak masuk perti politik pembangkang tentang kerajaan

Apa-apa pun TUN tetap yang terbaik dalam yang terbaik. semoga ALLAH SWT sentiasa melindungi TUN sekeluarga dari fitnah, hasad dengki, sangkaan buruk orang terhadap TUN
By gie7Author Profile Page on February 12, 2009 9:52 AM

terima kasih tun kerana membenarkan lagi fakta depan mata kita sendiri...ramai orang Melayu yang memperlekehkan orang ulu..kata orang ulu macam macam...tapi alhamdulillah, kami pun tak mudah di tipu sedemikian rupa...salam dari orang hulu terengganu...
By lembahrezekiAuthor Profile Page on February 12, 2009 9:53 AM

Salam Ayahanda Tun...

Semua manusia sama je disisi Allah. Yang membezakan hanyalah amalan dan peribadinya.

Moga kita sentiasa didalam LindunganNYA.
By imAuthor Profile Page on February 12, 2009 9:53 AM

assalamualaikum TUN....saya adalah antara yang terlibat dalam pengajaran bahasa inggeris....saya rasa pembelajaran dalam bahasa inggeris amat perlu untuk org kita...nak harap melay baca paper inggeris, jgn harap a....jadi pada saya mengajar dalam bahasa inggeris adalah langkah yang tepat...
depa nih pun satu, dulu beria-ia setuju la ni nak tukaq plak...benda dah jalan...macam lalang pun ada depa nih...
By fazilaAuthor Profile Page on February 12, 2009 9:53 AM

SALAM TUN....

Saya pun anak orang ulu di Kedah...orang kampung...kami tak ada apa2 ada pondok buruk saja..dulu saya hanya beli baju setahun sekali saja....time raya!!

Susah tak payah cakap...makan nasik tu kalau dapat ayam tu memang syurga la. TAPI sekarang saya sudah berjaya...ada kelulusan profesional. Anak2 saya time raya saja beli baju sorang tiga pasang..ALHAMDULILLAH...tapi sangat masih ingat zaman kecik2 saya..itu adalah pengalaman paling berharga dalam hidup

WASSALAM TUN...SAYA SENTIASA SOKONG TUN
By mvstaffaAuthor Profile Page on February 12, 2009 9:53 AM

salam Tun yg dihormati,

Dalam coretan Tun kali ni. La ni org sibuk mencanangkan agar pembelajaran Sains & Matematik diajar semula dlm Bahasa Melayu. Bukan masalah Bahasa Melayu tak bagus. Kalau tak masakan jadi bahasa "lingua franca" di kepulauan Nusantara. Tapi hari ni kita kena berlari sama laju dgn bangsa lain. Bahasa Ilmu hari ni adalah Bahasa Inggeris. Anak Melayu khususnya ketinggalan dlm mengejar ilmu sebab tak fasih dlm bahasa asing ini. Tentu malu nak bercakap ngan org, tengok aje le yg fresh graduate bila masuk interview kerja. Cakap Inggeris macam budak darjah 6 (lagi teruk pun ada).

Nak belajar kena rujuk buku-buku, rencana, tesis, etc yg ditulis dlm bahasa Inggeris. Nak harap DBP terjemah bahan-bahan ni semua alamat berkurun-kurun lagi tak siap2. Org DBP ni perabih duit rakyat aje. Lagi satu, ilmu hari ni sentiasa berkembang dgn pesat. Tak dan nak terjemah dah ada yg baru.

Malaysia Boleh, Melayu Boleh,
By awanAuthor Profile Page on February 12, 2009 9:55 AM

Akum Tun,

Sekian lama saya mengikuti penulisan tun dlm blog, baru kali ini saya terpanggil utk memberi komen.

Sungguh dalam makna penulisan "Orang Ulu" ini. Saya pun adalah antara gologan ulu yang dimaksudkan itu, saya setuju dgn apa yang telah tun tulis. Adakah golongan mereka yang kononya 'MELAYU SESANGGATLAH MELAYU'itu paham apa yang cuba tun sampaikan. Tepuk dada tanya selera.
By ibnu ibrahimAuthor Profile Page on February 12, 2009 10:00 AM

assalamualaikum tun..

saya bersetuju sangat buah fikiran yang tun lontarkan...
walau pun cerita tun ringkas dan bersahaja tetapi sedikit sebanyak memberi kesan kepada pembaca terutama kepada pembaca generasi muda yang tidak nampak suasana tahun 1970-an dahulu...

sebenarnya teringin jugak nak tengok dan merasa suasana kampung di mana orang tua-tua dahulu makan bersama-sama di kedai yang bergelar Kedai Makan Hailam...dalam satu kedai makan kongsi sebelah orang cina meniaga dan sebelah lagi orang melayu...mereka minum dan makan bersama-sama

seraya bersembang topik-topik semasa...berbincang dan bertukar-tukar fikiran tanpa prejudis...makanan dan minuman yang disediakan halal dan bersih...takda arak pun kedai makan hailam nie setahu saya...itu kat kampung saya lah...

tapi lani saya yakin dah takda suasana macam tu...kalau ada pun kurang sangat sebab orang takut masuk kedai yang separuh2 macam tu...macam2 lah cerita2 retorik yang dihamburkan....last skali ramai2 masuk kedai mamak...konon nya Halal & Islam...walau pun pada saya kesahihan nya adakala nya boleh diragui...

alangkah baiknya kalau orang yang berniaga kongsi seperti kedai makan hailam nie dinaiktarafkan status Halal nya....Sekurang-kurang nya nampak keharmonian masyarakat majmuk...ada melayu dan cina meniaga bersama-sama dalam satu kedai makan...daripada kedai mamak yang langsung tak berkongsi dengan orang Melayu...

By iiziinAuthor Profile Page on February 12, 2009 10:05 AM

Assalamualikum wbt,
Mai kita sama-sama renungi dan ambil pengajaran dari tulisan Tun. Teguran positif untuk generasi sekarang dan akan datang. Terima kasih Tun.
By Puteri TanjungAuthor Profile Page on February 12, 2009 10:08 AM

Salam YB Tun,

Memang kesihan sungguh nasib orang-orang Melayu sekarang. Ada Melayu yang sudah tidak gemar di kategorikan sebagai orang Melayu walaupun mereka amat suka dikategorikan sebagai Melayu apabila memohon pinjaman/biasiswa MARA/PTPTN/JPA, untuk melanjutkan pelajaran ke IPTA, dll yang dirasakan akan memberi keuntungan diri. Tetapi apabila saya melihat, mendengar dan membaca tentang kebanyakan Melayu yang mewakili rakyat, institusi atau agensi berkelakuan tidak bijak dan tidak cerdik serta tidak amanah, tidak jujur dan tidak beradab baik secara professional atau ketika bersosial, maka tidak hairan lah Melayu amat malu menjadi orang Melayu sekarang. Setiap hari kita membaca dan melihat di kaca TV perlakuan Melayu yang menjatuhkan martabat Melayu sendiri. Masih ada segelintir Melayu yang berilmu, bijak, cekap serta berbudi bahasa di Malaysia. Malangnya yang kerap dipilih adalah yang amat cerdik dan pandai menggilap dan menonjolkan diri untuk dipilih. Mereka ini lah yang memberi gambaran kepada bangsa-bangsa bukan Melayu dan dunia bahawa Melayu boleh didefinisikan sebagai satu bangsa yang kurang berilmu, kurang cerdik, tidak berpandangan jauh dan tidak malu untuk menipu dan pecah amanah. Saya rasa amat lah sukar untuk membersihkan nama baik Melayu buat masa ini kerana yang menonjol di dada akhbar dan kaca TV kebanyakannya sekarang adalah Melayu yang buruk perlakuan dan pertuturannya. Saya selalu tertanya-tanya kenapa Melayu yang berpelajaran tinggi pun gagal menjadi agent of change kepada bangsa, ugama dan negara? Kenapa bangsa Melayu ini tidak saperti bangsa Cina yang amat memelihara kepentingan bangsa mereka? Mungkin ramai yang tidak suka kalau saya katakan Yahudi yang berpelajaran dan kaya raya akan menghulurkan pemikiran dan kekayaan mereka untuk mengukuhkan lagi bangsa mereka tetapi tidak Melayu. Patut lah kita selalu dijajah dan diperlekehkan bukan sahaja di luar tetapi di negara sendiri. Dan yang amat malang oleh bangsa Melayu sendiri.
By athoyAuthor Profile Page on February 12, 2009 10:09 AM

Assalamualaikum Tun,

1. Gembira dapat bersama.
2. Rasanya hampir kesemua kita dulu start dari Ulu, bila dah ada pekan pekan jadi bandar , bandar jadi kota dan seterusnya jadi apa tu ..Kota Metropolitan?.
3. Kira okeyla tu bila anak-anak Melayu berjaya dan menjadi pemimpin-pemimpin besar hari ini, berkat dari usaha dan pengorbanan datuk moyang kita sehingga letakkan kita seperti hari ini. Syukur Alhamdulillah. Al-Fatihah untuk mereka.
4. Tapi masaalah hari ini, generasi muda kita tidak menghayati sejarah lalu. Mungkin mereka tak

diterapkan fakta-fakta sejarah tanah air seperti yang sepatutnya.
5. Saya difahamkan sistem pendidikan hari ini amat tidak sensitif dan hampir langsung tidak ambil endah tentang sejarah kita. Yang mingkin disebut mungkin sekadarnya tanpa fakta. (Maaf jika saya tersilap).
6. Hasilnya jadilah macam hari ini. Demonstrasi sana-sini, lawan sesama sendiri, lawan raja dsb.. Langsung tak dak semangat cinta negara dan kalau boleh macam mintak nak jadi seperti suasana negara -negara jiran yang ada.
7. Tak ada hala tujuan, emosional tah apa-apa dan yang penting akal yang Tuhan bagi tak reti-reti nak guna. Kalau dapat capitalised at least 51.00% dari akal yang ada kat kepala tu pun mungkin dah cukup baik. Mungkin keadaan agak berbeza kut. Tapi tu la cerita dia. Sampai orang lain boleh tunggang belakang kita. Tu pun dok bangga diri.
8. Nafsu tamak haloba, dan otak benak lebih dari akal. Baik jadi binatang, senang sikit orang tarik hidung.
9. Jadi mana-mana manusia yang berkaitan, cubalah muhasabah diri.
10. SAMPAI BILA???

Maaf. Sekadar nak kongsi pendapat.

Terima kasih.

Athoy.
.
By Pak AliAuthor Profile Page on February 12, 2009 10:11 AM

Salam Tun,

Betul cakap Tun, yg cakap Melayu ni bodoh adalah propaganda British untuk memecah belah masyarakat Malaya dulu, supaya mereka ada sebab untuk himpunkan Melayu diceruk bendul, kaum Cina di dalam pekan dan kaum India di dalam estet.

Manusia di lahirkan kosong dan tak tahu apa macam kita beli komputer, kalau tak diisikan programnya tak berfungsilah ia. NEP diujudkan utk tujuan memberi peluang kepada kaum Melayu agar mereka dapat maju dan berdaya saing setaraf dengan kaum Cina dan dapat menyumbang dan memerintah tanah tercinta ini. Apa gunanya kita cakap tentang ketuanan Melayu sedangkan kaum lain yg menguasai semua bidang?

Tetapi Tun, sedih betul dengan sekumpulan orang Melayu yang dah lupa diri selepas jadi kaya raya, terikut-ikut dengan dakyah dan propaganda yang mengatakan bahawa kaum Melayu ni bodoh, malas, korup,tak telus dan tak layak memerintah negara. Kaum ini lupa yang nenek moyang mereka dulu semuanya orang ulu sebelum kedatangan orang Inggeris, sebelum itu mana ada pekan? Mereka ini terasa diri mereka sudah vogue, berstatus tinggi dengan menjauhi dan mengutuk kaum sendiri, a classic case of kacang lupakan kulit! Kalau tak kerana NEP, mereka tidak akan berpeluang menjadi Melayu yang berjaya. Jangan lupakan tangan yang menyuap anda semua,sebab perangai macam itu lebih teruk daripada anjing(sorry kerana gunakan analogy ini), sedangkan anjing tak pernah mengigit tangan orang yang memberi makanan kepadanya.

Tapi malangnya Tun, sesetengah anak-anak Melayu di IPTA tidak tahu menilai dan menghargai peluang dan bantuan yang diberikan dengan terlibat dengan hal-hal yang tak ada kena mengena dengan tujuan mereka pergi ke IPTA. Mereka hilang fokus, berpeleseran, berpolitik, menjadi mat rempit dihujung minggu dan banyak lagi. Saya rasa bantuan kepada mereka ini harus ditarik balik dan diberikan kepada banyak lagi pelajar lain yg memerlukan termasuk orang ulu.

Akhir kata Tun, Tuhan menjadikan hambanya semua sama, Melayu,Cina, India, Mat Saleh,dan lain-lain. Yang membezakan adalah ketamadunan mereka, macamana mereka mengunakan otak mereka untuk maju dan menjadi kukuh sebagai satu masyarakat. Kaum Cina mempunyai kelebihan kerana tamadun mereka telah wujud sejak 3000 tahun dulu dan sifat-sifat tertentu telah terserap ke dalam DNA mereka. Sebab itu kemana saja mereka pergi mereka boleh survive dan menjadi kompetitif dalam banyak bidang.

Kaum Melayu, tamadun kita kurang sikit, mungkin sejak 1000-1500 tahun dahulu. Tetapi itu sudah cukup lama untuk belajar menjadi kompetitif dan maju sama dengan kaum lain. Yang memberi masaalahnya adalah attitude sesetengah kaum Melayu! Lihat isu pengajaran Matematik dan sain dalam Bahasa Enggeris, majoriti yang membantah adalah ibubapa Melayu! Kononnya kaum lain boleh maju tanpa belajar Bahasa Enggeris seperti negara Peranchis dan Jepun. Mereka lupa yang negara-negara ini mempunyai kelebihan lain yang kaum Melayu tidak ada, iaitu masa. Mereka telah bermula lebih awal dari kita dalam memajukan negara dengan terlibat dengan berbagai R & D dalam ilmu sain dan teknologi! So, kalau kita tertinggal, kita kenalah berusaha lebih sedikit untuk catch up dengan belajar mengunakan bahasa lain, buat apa habis masa membantah sana sini tentang isu ini, tak rugi pun belajar Bahasa Enggeris! Semua ini menunjukan attitude yang tak betul untuk maju. Contoh Tun,saya ada menonton satu rancangan Melayu di tv Astro yang mana mereka menjemput beberapa orang asing (bukan American atau British)yang hanya tahu bertutur dalam Bahasa Enggeris. Saya berasa malu bila host tidak fasih bercakap dalam bahasa Enggeris dengan mereka, sebutan tak betul, grammar pun tak betul, mak datukkkkkkkkk, malunyaaaaaa! Kalau begini, dalam situasi lain, macamana nak hostkan business partners dari European countries? Macamana nak dapat international contracts? Technology transfer? Kalau berurusan dengan Russia,nak terjemahkan semua bahasa Russia ke dalam bahasa Melayu dulu baru nak faham? Masa itu emas, mereka ini semua tak nak tunggu kita terjemah dulu baru nak sain kontrak lah brother! Ayo yo yo.

Tun, attitude itu penting, dan belajar bahasa asing tu penting untuk kita semua maju. Saya tabik angkasawan Melayu pertama kita Sheikh Mudzafar, dia gigih belajar bahasa Russia agar dapar berfungsi dengan baik bila ke angkasa lepas dengan teknologi Russian. Can you imagine if cant talk Russian or English? The mission will fail because the space ship cant accommodate another person - the interpreter! Then we will all be known for our stupidity and stubborness for do not want to learn the necessary languages.

Melayu can do what others have done, but we must change our attitude and be hungry enough to succeed! Lets start with FAM and our national soccer team.

Bye Tun, you are a great Malay, no doubt about it!
By tokapiAuthor Profile Page on February 12, 2009 10:13 AM

Tok Det,

Depa memang la gu tu.. depa dok ingat orang2 luaq bandaq mcm kita ni semua x reti sgt la kunon nak paham bahasa Inggeris..

Memang la kita ni lambat sikit, tapi kita bukannya tak reti teruih... kalu dok lama2 berlatih, apa yang tak reti pon jadi reti.. ni semua tak mau, nak belajaq Sains dgn Matematik dlm bahasa Inggeris pon depa kata bunoh bahasa Melayu.. ada ka patut..

Tak pa la depa takmau belajaq Sains & Matematik dalam bahasa Inggeris pon, tapi yang tak sedap depa tuduh sebab tak mau PPSMI tu sebab takut anak-anak luaq bandaq/ulu tak bleh nak ikut... tudia aihh.. sampai la gu tu sekali noo nak pelekeh org ulu... awat dok tuduh pasai anak org luaq bandaq plak.. anak depa kat pekan nuu baguih sgt ka?

Ulu ka, pekan ka janji kita mau belajaq. Saya nampak ramai jugak anak org pekan, becakap Inggeris pompang sana pompang sini, tgk-tgk habok pon takdak. Takat dok becakap saja baguih, perangai semua macam beruk mak yeh. Penah sekali, dulu kalu pi belajaq di KL, kalu kita cakap kita ni mai dari Kedah ka.. Mahang ka.. depa mula la dok perli2 loghat kita laa.. pandang kita second class laa.. kunon kita ni tak tau apa sangat. Tapi kita mau usaha, depa tak mau, last skali depa yang dok keciciran, kita dah berjaya.

Jangan takut nak belajaq.. mana hat baguih kita pakat2 ambik..
By Mata BiruAuthor Profile Page on February 12, 2009 10:18 AM

Dear Tun,

Here's what I got from your entry:
1. Malays (or Bumis) are talented whether from the 'kampungs' or the city and can succeed if they were given a chance.
2. Malays nowadays are narrow minded and have too many restrictions (kolot)
3. You are disappointed that Malays are calling other Malays stupid.

Here's my response:
1. Malays (or Bumis) ARE talented – no doubt. However they are complacent. At the back of their minds they know that they don't have to work as hard as everyone else. They are ignorant to the fact that 'Chance' and 'Luck' must be pursued and not expected.

2. I schooled in a convent all my life until I got a scholarship to go to a residential school. My parents were educated in the UK, I always had multi-racial friends and I spoke good English. But in the residential school, I was an outcast because I spoke good English. I was labeled, of the many, 'Melayu tak sedar diri', 'Mata biru' and 'Kafir'.

Malay's always manage to find an excuse for why they should not do or pursue something, most of the time it is religion.

3. With all due respect Malays are not stupid by nature but have become some-what stupid, driven by ignorance and laziness. We should no longer be in denial of this. It is only when we have accepted it that we can overcome it - and we must.

As for now, the Bumi's are still high on rohypnol, Doc. What would you prescribe to wake them up?
By fairuzstoneAuthor Profile Page on February 12, 2009 10:18 AM

Assalamualaikum Tun

Dengar cerita yang Tun adalah keturunan Datuk Wan Mat Saman dari jurai sebelah ibu Tun. Datuk Wan Mat Saman, iaitu menteri besar Kedah abad ke 19 yg terkenal/tersohor dgn usahanya menaiktaraf sistem perairan di Kedah dulu-dulu antaranya Terusan Wan Mat Saman walaupun dalam zaman serba kekurangan ketika itu.
By fairuzstoneAuthor Profile Page on February 12, 2009 10:23 AM

Yabhg Tun

Apa yang pasti jelas walau setinggi mana Tun telah capai dan pergi, Tun tak melupai daratan dan asal usul, bukan kacang lupakan kulit. Ramai orang kita apabila sudah menjadi hebat, walau tak semua, terdorong untuk melupai daratan dan lubuk mana yg dia berasal apatah lagi hendak menyumbang kembali apa yg dia ada walau sedikit untuk membangunkan/upgrade tempat asalnya atau tempat dia belajar.
By rizwanhAuthor Profile Page on February 12, 2009 10:24 AM

Tun,

Very nice of you starting to blog like an ordinary person. I felt really close to you now, more than ever in your 23 years in helm.
That is what my dad always told me, what really separate Mahathir from other leaders is, he knows how to speak to the kampung people, the city slickers, or to the c**t Jew. (Sorry for cursing, but they deserve it... ). Adaptability seems to be your great quality and it certainly carry you good all your life.

Probably this posting goes to those people who against PPSMI. Like you said, "Hai la nasib...".

Really, us Malay are more than capable of anything!
By ayuchenAuthor Profile Page on February 12, 2009 10:28 AM

erm..btol Tun..
skrg smua org pakai kabel utk dpt peluang kerja, tender etc..
org melayu yg kampung dan x ada kabel, x ada peluanglah jwbnya..
ntah bila masanya org Melayu akan membantu Melayu..
Bukanlah Melayu kampung mahu mengemis, tp mereka ini hanya mahukan peluang..
By MatPAuthor Profile Page on February 12, 2009 10:33 AM

Salam pada yg telah dikurniakan ALLAH akal pemikiran yg bijaksana.

1. Sebenarnyalah Tun yg bising-bising bangkang sesangat Math & Sains dlm bahasa inggris to saja-saja aja nak masuk tv & paper, dahlah sendiri tak tahu & paham ini nak suruh semua orang ikut macam dia orang yg bangang tak kira tempat.

2. tun nya blog cukup ceria kebelakangan ni.itu hari kisah lompat ada he.he. he. kali ni ada sedikit mcm tan sri P.Ramlee lah.

Muga Tun dan sekian umat Muhammad dilindungi ALLAH
By bobimranAuthor Profile Page on February 12, 2009 10:34 AM

...mudah lupa kot..
By MAMZAuthor Profile Page on February 12, 2009 10:38 AM

Salam Tun,

Orang Melayu sebenarnya boleh berjaya, tak kiralah sama ada dari bandar atau kampung.

Bila Tun buat Matematik & Sains dalam bahasa Inggeris beberapa tahun lepas, maka ramailah Melayu bandar dan kampung yang membangkang kerana takut anak-anak keciciran dalam 2 subjek ini. Parti BN dan PR sama sahaja ingin membudayakan Bahasa Melayu untuk semua matapelajaran di sekolah sehinggakan ramai guru-guru yang keliru. Masa saya bersekolah 20 tahun lalu, kedua-dua subjek ini dalam Bahasa Melayu tetapi kadar keciciran sama sahaja. Yang ambik sastera dan sejarah dalam Bahasa Melayu pun ramai yang tercicir. Apabila sistem kuota diubah dan sistem meritokrasi diamalkan di IPTA, ramai yang membangkang.

Jadi ini salah siapa? Salah Tun Mahathir kah? Apabila kaum bukan Melayu berjaya didalam bidang professional dan perniagaan, mereka juga dikutuk dan dihina sebagai pendatang. Salah Tun Mahathir jugakah? Tepuk dada tanya selera!

Sekarang panas isu negeri Perak, buat pertama kali ada 2 Menteri Besar yang memegang kuasa - boleh masuk Guinness World Book of Record. Karpal Singh ingin menyaman Sultan Perak, itu adalah hak beliau sekiranya dibenarkan oleh perlembagaan. Ada yang menyalahkan Tun Mahathir sebagai punca asal kerana mengubah perlembagaan.

Saya mula bersekolah pada tahun 1981, pada ketika itu Tun Mahathir baru menjadi PM dan sehinggalah Tun mengundurkan diri pada tahun 2003, saya nampak TUN lah Bapa Kemakmuran dan Bapa Perpaduan sejati. Tetapi akibat "Melayu mudah lupa", Tun dihina dan dikecam pada tahun 2006 selepas Tun membuat kritikan terbuka terhadap Pak Lah.

Tahun lepas berbagai demonstrasi mengecam Kesultanan Melayu dianjurkan oleh BN kerana campur tangan dalam politik Perlis dan Trengganu. Sehinggakan DYMM Agong digelar "binatang" oleh penyokong Melayu UMNO manakala satu artikel Utusan Malaysia yang dipunyai oleh orang Melayu memberi amaran bahawa institusi Raja-Raja Melayu perlu belajar dari negara Nepal atau menjadi bahan sejarah dan pameran di muzium. Kali ini, parti yang sama mengecam Pakatan Rakyat kerana melakukan

perkara yang sama.

Is anyone above the law? Hanya Nabi dan Rasul sahaja yang maksum. Tetapi kita orang Melayu mendaulatkan raja seperti maksum. Manakala para menteri dan ahli politik yang diamanahkan untuk menjaga kepentingan rakyat memporak-perandakan keadaan dan menggunakan isu-isu perkauman untuk kepentingan sendiri.

Saya adalah bangsa Malaysia beragama Islam. Kawan-kawan saya dari kaum Cina, India, Kadazan, Iban dan lain-lain lagi juga adalah rakyat Malaysia. Apalah guna mengagung-agungkan bangsa Melayu sekiranya masih berfikiran kuno dan primitif. Marilah kembali bersatu sebagai rakyat Malaysia. Bukan sebagai entiti berbeza - orang Melayu, India, Cina ......

Maka tidak hairanlah ramai orang Melayu masih ketinggalan kerana tiada "paradigm shift".
By asunAuthor Profile Page on February 12, 2009 10:41 AM

Assalamualaikum Tun...

betui kata tun .... orang melayu sendiri yang tak mau bagi bangsa depa maju,kira nak hapus ETeMS atau PPSMI.cuba cari jalan macam
nak bagi elok lagi program ni, program ni memang baguih.jangan dok
boh.. kata orang ulu tak tau mengaji orang putih....
By anak_melayuAuthor Profile Page on February 12, 2009 10:41 AM

assalamulaikum, Tun

betul kata Tun , orang ulu kalo beri peluang ...tengok lah contoh CEO MAS sekarang tak lain tak bukan Idris Jala.
Bacalah serba sedikit latar belakang beliau:

Idris Jala was born in 1958 as a member of the Kelabit tribe from the Bario highlands in Sarawak, Malaysia. In 1982, he graduated with a Bachelor Degree in development studies/management in University Sains Malaysia, winning the Bishen Kaur Award as the top student in development studies. He joined Sarawak Shell in the same year and, thanks to a Shell scholarship, earned a Masters degree in industrial relations from the University of Warwick, England, in 1986.

He was appointed human resources advisor of Shell International in the Netherlands in 1989, before returning to Shell Sarawak four years later as head of human resources planning. In 1998 he became chairman and managing director of Shell Sri Lanka before being transferred to London in 2000 to become the company's vice-president of business development consultancy and retail marketing.

In 2003 Jala became the vice-president of Shell Malaysia Gas and Power and managing director of Shell Middle

now is the CEO of MAS who save the MAS ....

Orang Swk boleh....
By nmjnhAuthor Profile Page on February 12, 2009 10:42 AM

Tun,
Sebetulnya ramai orang ulu yang dah berjaya dengan sokongan kerajaan dulu-dulu. Terimakasih buat kerajaan dulu-dulu yang perihatin dalam menjaga kebajikan rakyat. Saya merupakan salah seorang dari mereka yang berjaya dengan sokongan kerajaan.

Namun apa yang menjadi kemuskilan kini adalah, ramai anak bangsawan yang kelulusan tak seberapa namun mereka tetap mendapat tempat dan biasiswa keuniversiti dalam dan luar negara.

Jika dulu biasiswa diberi kepada semua yang mendapat kelulusan terbaik dan keutamaan kepada mereka dari sosio ekonomi yang rendah, kini ia tidak begitu lagi.

Ramai dikalangan bumiputra yang berkelulusan baik juga tidak mendapat peluang dan terpaksa mengambil pinjaman. Apatah lagi kaum bukan bumiputa. Apakah sebenarnya yang berlaku didalam kementerian sehingga hal ini berlaku?

Seperkara lagi, saya lihat ramai dikalangan penerima biasiswa kerajaan terutama wanita tidak bekerja selepas menamatkan pengajian dan jika bekerja hanya sementara dan kemudiannya menjadi surirumah sepenuh masa. Lelaki pula gemar bekerja diluar negara. Kenapa pihak kerajaan tidak melakukan sesuatu kepada penerima biasiswa agar mereka membalas budi kerajaan seperti mengikat mereka dengan bekerja dengan kerajaan untuk sesuatu tempoh atau membayar balik biasiswa tersebut jika melanggar perjanjian? Ini adalah cadangan agar tabung biasiswa tersebut boleh diteruskan untuk generasi akan datang.
By kobeAuthor Profile Page on February 12, 2009 10:46 AM

Tun,

1. Manusia Tun, macam inilah adat dunia.

2. Masa peluang tiada, ramai yang bukti diri boleh berjaya.

3. Masa peluang ada, ramai yang segan bukti diri boleh berjaya

4. Hairan juga, tapi tidak mengapa.

5. Mungkin ini adalah kitaran hidup.

6. Kita tidak selamanya diatas dan tidak juga selamanya dibawah.

7. Mungkin sebab ini, banyak negara maju yang satu ketika dulu gagah telah mula goyah.

8. Negara lemah dan kerdil pula bangkit dan berusaha dengan gigih.

9. Bila senang, manusia mudah lupa Tun. Tapi tak semestinya kita mesti hanyut. Kena sentiasa berwaspada.

10. Banyak-banyakkan bersabar. Wasalam.
By rexisAuthor Profile Page on February 12, 2009 10:50 AM

Nobody comments on this? Truth go against your ears huh?

True, opportunities should be given, and it should be given as fair as possible. Anybody can success given the right opportunity, in the right environment at the right time.

But what is opportunity? Certainly not something physical that is given to you, or some sort of privilage, or subsidy, or anything else. That is not opportunity, that is a donation.

Anything given, any facility provided, must ensure maximum utilisation so that it met the objectives.

It should be:
- guidelines or education, the mother of all success.
- encouragement and information, when pickup learning, students got inspired by the field they are interested into.
- facility, low interest loans, tax exemption, and also make relevent well informed about these facilities.

You see, when you are given some 20 acres of land for free, and seedlings provided for free, training course for free, and when the trees grow up, they come pick your fruit for free. You are merely given a change to be a security guard. Not a change to escape poverty.

But some still debating about the validity of teaching science subject in english, in a world where most of the knowledge are published in english language. That is as good as killing their opportunity to venture further.
By HerotamilAuthor Profile Page on February 12, 2009 10:54 AM

salam sejahtera buat TUn serta keluarga.

Sebenarnya ianya terletak kepada kemahuan diri,
jika ingin berubah maka mereka akan berusaha.
Kejayaan bukan terletak dari mana asal kita.
apa asal kita.
Hendak seribu daya.

hmmm..... saya yakin TUN akan di serang kerana
dalam artikel kali ini TUN seolah olah menggalakkan
minum arak.

But do they THINK... do they know??

Yep...
Arak akan di jadikan Alasan tidak mahu bergaul
dlm majlis org asing..seperti "cocktail party"

cari alasan, dan buat alasan salahkan org lain
utk menutup kelemahan diri sendiri.

Namun sesiapa yang pernah menghadhiri "cocktail party"
sudah jelas tahu... tuan rumah juga sentiasa menyediakan
minuman alternatif yang tidak beralkohol.

Yep..kita tak bercampur kita takkan tahu.

Take care of your good health.
You are needed, STILL.
By mbiak sarawakAuthor Profile Page on February 12, 2009 11:11 AM

salam sanjungan buat Tun....
setuju dengan apa yang Tun katakan....nampak sekarang masyarakat Bumiputera terutamanya Melayu bukan tak pandai/boleh pegang jawatan, tetapi kalau kita pergi ke mana2 jabatan kerajaan, ramai yang lebih cakap dari buat kerja....lagi satu Tun, masyarakat Bumiputera sekarang dah macam masyarakat subsidi....sikit2 harapkan subsidi.pakai,makan,minum sehinggalah ke liang lahat semuanya nak free......cubalah berusaha.......
By madarooyAuthor Profile Page on February 12, 2009 11:22 AM

dah jadi sifat orang melayu mmg suka menjatuhkan bangsa sendiri dan mengagungkan bangsa lain...

maybe we can start from ourself to change...
By JimmyHillheadAuthor Profile Page on February 12, 2009 11:27 AM

Sir,

Salam. Agreed with your writing 999%.

I am a kampung boy and still consider myself as a kampung boy. I narrated my experiences as a kampung boy to my children to tell them that only education and hard work (apart from ALLAH's help and government policy) will transform someone from a kampung boy to upper middle class.

A kampung boy who walked to school, cycled to school, went into a boarding school, went into a local college to obtained a diploma, who later went to top notch UK University to secure a degree. I am able to speak English either a proper English (but not Queen English) or to speak English with an Australian accent or Scottish accent and certainly not English with a Cockney accent.

Upon graduation, this kampung boy worked for the government for 18 years prior to practicing his own consultant firm. Now this kampung boy is a consultant to various GLC, Public Listed company and Multi National Company.

Lots of this kampung boy's client are Mat Salleh who always say "this kampung boy is not bad eh".

The same kampung boy is now employing quite a number of kampung boy & girl and pekan boy & girl as his employee, in order to repay back the gratitude to the society and the government.

Cheerio
By Saudara baruAuthor Profile Page on February 12, 2009 11:37 AM

Salam

Tun, Bila membaca tentang orang ulu ni, Samalah seperti zaman sekarang ini, perbezaan antara orang kaya dan orang miskin.."Hai tu la Nasib".. ha ha, dan samalah kalau orang miskin tak diberi peluang, mana tahu mereka boleh atau tidak.

tetapi Realiti nasib orang tak kaya ini, sering disekat peluang. sebab tak mampu nak "Bayar" untuk dapatkan projek. sebab yang ada pada mereka hanya kemampuan kerja, tetapi tidak kemampuan kewangan.

Entah la kalau projek atau kerja kerja asyik dapat oleh syarikat yang dah besar-besar, Syarikat yang baru nak mula ini nak buat apa..

one thing ikhlas dari hati.. rindu zaman PM kita yang bernama DR M..kerana memang make "M"ONEY.. ha ha just kidding, tapi memang masa itu semua orang making money. sebab masa itu lah bangunan sini sana naik, Jalan raya dibuat, projek jalan, Rakyat tidak susah hati,dan kurang kes cerai, sebab suami isteri tidak ada masalah kewangan dan pelbagai kebaikan lagi.

Tapi itu la yang menjadi sejarah dalam hati rakyat..but whatever.. Saya generasi baru ini, memang kagum sangat sangat cara Tun, haraplah dalam Malaysia ini lebihkan lah ramai lagi menteri pemikiran tajam dan out of the box macam Tun, Jgn la seronok diri lupa rakyat.. really really sad tengok Malaysia Today..

anyway, Semoga Allah panjangkan usia Tun, dan Insya-Allah one day, Perdana menteri baru kita tau macam mana nak hargai Tun dan belajar dari Tun. Jgn lagi ada PM yang ....malas la nak sebut..

Ok Thx
By mbiak sarawakAuthor Profile Page on February 12, 2009 11:40 AM

selamat sejahtera TUn....
tertarik sangat dengan topik Tun kali ni sehinggakan saya dua kali try tulis apa yang terbenak di fikiran saya...saya orang sarawak.di lahir dan dibesarkan di Rumah panjang.....jauh di HULU sungai...kalau dulunya kenai naik perahu dari bandar untuk sampai ke rumah panjang saya.tp terima kasih kepada pemimpin kawasan saya kerana akhirnya dapat bina jalan yang bagaikan litar formula one....

kita kalau sebut masyarakat orang ulu...tak kira dari sarawak mahupun semenanjung, terlintas di fikiran kita bahawasanya mereka mestilah orang yang bukan saja KOLOT,SAKAI tetapi miskin dan seba kekurangan....namun jangan kita lupa,mereka masyarakat Orang Ulu ni mungkin miskin duniawi tetapi KAYA dengan budi bahasa, sopan santun serta lemah lembut....tak macam Orang Hilir (orang bandar) yang serba kaya tapi perangai macam syaitan...tengok saja sekarang, Sultan pun dia nak Derhakakan....

Tun....
saya sangat tertarik dengan hujah Tun no. 6.....
ni pengalaman saya belajar selama 3 tahun di semenanjung malaysia..seramai 10 orang sahabat saya dari bersama saya dari Sarawak yang belajar sekelas waktu itu...dukacita bila berjumpa dengan pelajar dari semenanjung bilamana mereka mengatakan bahawasanya masyarakat Sarawak hidup dan tinggal di atas pokok...alangkah kolot dan ceteknya pengetahuan mereka berkenaan dengan masyarakat di Sarawak sedangkan berpuluh-puluh media massa ada di Semenanjung......

namun yang paling menyedihkan dan MENGEJUTKAN saya dan kawan2 dari Sarawak dan Sabah adalah apabila 90% pelajar semenanjung (86 org dari 106 org) tidak boleh bertutur dalam bahasa inggeris dengan baik....rata2 semasa Public Speaking (subjek BI) mereka tak ubah seperti pelajar sekolah rendah.....memalukan....sehinggakan lecturer yang mengajar menggelengkan kepala dan tunduk malu dengan orang Borneo yang dikatakan masih tinggal di atas pokok.....ini kerana, semua pelajar dari Sabah dan Sarawak bertutur bahasa Inggeris dengan baik sekali....hinggakan terngaga pelajar semenanjung bila mendengar pelajar "Orang Ulu Borneo" ni bertutur omputih....
perumpamaan mengatakan..... ikut resmi padi,jangan ikut resmi lalang.....dont judge the book by the cover....renung2kanlah semua....maaf andai ada yang terguris...
By geliga mercuAuthor Profile Page on February 12, 2009 11:40 AM

Assalamualaikum Tun;

(excerpt from TheEdge daily:11/02/2008)
An analyst has commented on this;"On the “derhaka” issue, he said that Umno was unwittingly creating a new divide by tying Malay nationalism with monarchy closer than before.

He said by trying to pin down allegations of PAS as “menderhaka”, it would cause the party to resort to religion and would result in religious republicanism.

“Pushed to a corner, they (PAS) would go back to the teaching of the Quran and the role of the rulers would be questioned,” said Wong, adding that the “derhaka” issue may even bring the non-Malays and PAS closer than before.

Wong said the situation was hopeless for BN in Bukit Gantang and the best strategy for BN was to play it low key.

“If they concede defeat in advance, then people may not be so motivated to punish them ..."

What you've got to say Tun?
By lanesraAuthor Profile Page on February 12, 2009 11:41 AM

A'kum Tun & semua....

Hebat cite Tun,tentu tun kaitkan dengan problem PPSMI tu.
ha ha.. cite pasal PPSMI ni,untuk pengetahuan Tun saya ni bertugas sebagai Pembantu Tadbir di sekolah. Biasa la klau dah jadi kerani kat sekolah selalu la dengar cikgu2 merungut pasal PPSMI ni.

Cikgu2 ni kadang2 mereka xpun mengajar murid dalam Bahasa Inggeris, sains& mate ni. mereka sendiri mengatakan yang perkara tu susah untuk dilakukan. mcm2 la mereka selalu merungut. bila ada pegawai datang untu pemantauan baru la terkial2 nak mengajar dl bhs Inggeris. Tapi bila Pasal elaun BISP tu cepat plak dia orang mintak untuk diproses.

Kekadang bila difikirkan balik bebaloi ke kerajaan bagi elaun tu tapi cikgu2 ni tak mempraktikkan pun PPSMI ni.? kan x adil cam tu!!!! ( tapi bukan semua cikgu la yang slalu merungut tu... jgn marah na cikgu )
By Saudara baruAuthor Profile Page on February 12, 2009 11:42 AM

Salam

kalau Tun boleh buka lagi satu blog, ajar generasi baru ni how to THINK OUT OF THE BOX dan Bagaimana nak buat sesuatu lain daripada orang lain, dengan kita ni asyik ikut je jadi copy cat..apa org buat kita buat, apa orang kata bagus, semua habis pi ikut..
untung dan bertuah kalau dapatlah Sifu mcm Tun :)
By MII66Author Profile Page on February 12, 2009 11:43 AM

Salam to both TUN,

Pertama kali dapat saya berhubung dengan TUN secara terus. Article sekali ini seperti TUN described diri saya walaupun saya bukan orang penting pun! tapi pasal orang ulu yang kalau di beri peluang! Saya pun salah seseorang yang TUN dah bagi peluang pada era pemerintahan TUN dulu. I am ALWAYS proud of you. Thank you SIR!!!!.
By artdeepAuthor Profile Page on February 12, 2009 11:59 AM

haha hmm pedass nih tun :D

rgrds/
adib

p/s: smlm saya terjumpe tun kat facebook ;) weeeee
salam hormat tun
By shsaid.mieAuthor Profile Page on February 12, 2009 12:02 PM

Dear Tun,
Upon completing my study at a local university, I worked as an Accounts Executive at an electronic firm for 4 years. As an executive, I was also instructed by the boss to entertain clients, suppliers, buyers, partners etc., as the firm normally deals with those firms from Taiwan, Singapore, USA and Japan.
Of course, social drinking has become a culture in business. However, I always explained that I do not drink as I am on medication or directly said that my religion forbids me. Though every time they tried to encourage me to drink, they never forced me to. All I need to do is inform them clearly and firmly. My boss was a Chinese and understood the situation. He never had problem with my "not drinking" attitude. It does not lessen other people's respect on me. The colleagues also never complained or tried to force me. The most important thing is, I proved to them that I am as efficient as them despite my "not drinking" attitude. However, I regretted another Malay colleague who ended up "drinking" in any parties or functions, just to get respect from others. That's actually wrong. Respect is earned... based on our work performance and commitment, not through "social drinking" with others. Eventually, that colleague lost respect from others at work (everyone knows that he is a Muslim, why should he drink as it is prohibited...the element of trust is involved here, you cannot trust and respect a person who is like "lallang"). We still can socialize but be firm, if it's wrong or right, then stick to it. We must not jeopardize our beliefs just to show others or the boss that we are "sporting" and capable of doing anything they expected. Work wise, yes follow the procedures without fail but social wise, be clear, firm and constant.

Assalamualaikum
By a fahmiAuthor Profile Page on February 12, 2009 12:04 PM

its just how human been described but what i do believe its how the humanities represent themselves to fullfil its own respnsibilities to be what it should be..but nowadays...the world changes drastically where

everybody achieve for something and get it but in the way of anything...do we care about how we grab the oppurtunity? desperate measure become hardly implement...leader desperate of power, businessman desperate of projects, party desperate of influence...whatever changes that happened whether in U.S or the world...hope is the prayer....do you still have the hope TUN to the changes that happened?
By budak tueAuthor Profile Page on February 12, 2009 12:08 PM

Salam buat Tun....saya nie adalah produk dr wawasan tun...alhamdulillah jika tanpa wawasan tun mungkin saya tidak ada apa2 sekarang nie.berkaitan topic orang ulu tu memang tepat buat masa ini..Ini adalah untuk menyedarkan orang pekan yang sekarang ini amat sibuk berjuang untuk menghapuskan sistem pembelajaran sains dan matematik dlm Bahasa Inggeris...Kenapalah mereka ini amat dangkal pemikiran...bukankah mereka2 itu yang berjawatan besar juga belajar segala ilmu dlm Bahasa Inggeris semasa mereka di universiti luar negara...Pd saya mereka ini hanya ingin kan populariti semasa kempen bantahan ini.Tak tahu kah mereka bahawa anak2 kami org ulu tidak mengeluh pun.Siapa yang sebenarnya mengeluh?Orang Melayu Ulu kah atau Orang Melayu/Cina Pekan?Lagi satu jika tun nak tahu kebelakangan ini dlm blog2 aliran politik, banyak yang memperlekehkan tun secara terang-terangan...Tergamak mereka buat begini atas sebab politik...Tun bole lawat salah satu blog yang amat membenci tun ie Suara Sukj....
By tanpanamaAuthor Profile Page on February 12, 2009 12:20 PM

Salam,
saya tak panggil orang ulu, saya panggil orang darat.sebab depa ni jauh dari laut.
saya pernah mengajar waktu cuti kampus di sebuah sekolah di kampung di mana saya perlu mengajar matapelajaran sains.
mula2 saya mengajar, tersangatlah tension dan penat kerana saya perlu mengajar dalam dwibahasa,terpaksa sediakan nota-nota lengkap supaya pelajar ada rujukan.pelajar hanya ada buku teks.kalu nak beli buku lain, ibu bapa bising walaupun dapat banyak duit bantuan.
semuanya saya sediakan sebab walau apa yang berlaku, guru yang akan disalahkan.
tapi apa yang saya buat, ada guru senior yang cemburu,dan mengata.
ada ibu bapa kata saya bagi kerja banyak.
masalah berlaku sebab guru2 ni ramai org kampung itu juga.susah bila dah jadi tunggul ni Tun.
sedangkan Tun, saya berjaya dapatkan soalan dari negeri lain untuk bank soalan sekolah, saya buat analisis yang pegawai pelajaran daerah guna untuk analisis daerah.
banyak saya buat, tapi sedih bila guru bangsa sendiri MALAS. dah tau mengajar dlm english,dapat elaun. tak reti amek peluang tu untuk amek kelas english untuk improve diri sendiri.
yang tau, beli kereta baru, hutang keliling pinggang.
tak banyak yang dapat saya bantu cuma saya titipkan pesan
" kerana mereka tidak pandailah, kita mengajar mereka supaya pandai.memanusiakan manusia itu memang sukar, tapi ingatlah duit gaji yang di beri pada anak, keluarga tu, halal atau tidak.berbaloi ke tidak gaji dengan kerja kita"( ustazah pun tak cakap mcm ni)
saya kerja beberapa syarikat malaysia dan multinasional, sekarang keje di syarikat malaysia tapi ada franchiser, paling bangga bila sistem yang anak malaysia develop,buat si mamat jerman nganga mulut hehehe...si jepun toksah cakaplah,dia je betul walaupun dah terang lagi bersuluh salah.bolayan lah..
bila lah saya berpeluang bekerja di luar negara.dapat belajar perkara baru.agak2 mamat jerman tu nk bawa saya balik jerman tak?
By Han SoloAuthor Profile Page on February 12, 2009 12:34 PM

Sapa cakap Melayu bodoh, kan dalam UMNO semua bijak rasuah, main kroni,kaya-raya sampai tak kenal ibubapa. Ada yang bergantung pada tongkat DEB aje.

Dia orang yang tak harapkan DEB dapat rezeki kat luar negara.

http://wtfmalaysiangovernment.blogspot.com/
By malan3395Author Profile Page on February 12, 2009 12:38 PM

Dear Tun..,

Takleh la Tun. Sy pnah g dinner ngan client Mat saleh. Speaking dh tentu hancur tambah plk sy ni pendek je almaklumlah org ulu mn dpt mkn berzat. Tu yg pertumbuhan terbantut tu. Segan beb. Last2 Mat Salleh tu bleh sound 'Malay if want to be respect they should learn from the Jews how they sufferd from early century then now become leader for a nation, be strong and confident whatever you done'. Tau2 client sy tu org Yahudi rakyat Poland. Klau sy jointventure dgn dia amcm Tun adakah company sy pun trut kna boikot. Nak tau apa bisnes...supply getah utk dipasang pd Merkiva. (Merkiva = kereta kebal rasmi Israel).
By MatAuthor Profile Page on February 12, 2009 12:41 PM

Assalamualaikum Tun Mahathir,

Saya kena akui, saya tak terkata lepas baca entry Tun kali ini. Bahasanya mudah dan ceritanya nampak lurus. Tapi setelah difikirkan, semakin banyak pengertian dan pengajaran positif yang boleh diambil dari entry di atas.

Melayu memang boleh Tun. MEMANG BOLEH. Cuma nak dengan tak nak je.

Izinkan saya kongsi satu isu Tun. Satu perangai org Melayu ialah org Melayu benci dengan SIBUK. Sebab itu orang Melayu suka pada hari cuti. Kedai India (bukan kedai mamak) tutup 2 hari, masa Thaipusam, kedai Melayu tutup 4 hari.

Kita selalu dengar org Melayu kata "Aku sibuk la", "Aku terlalu sibuk la" dan sebagainya. Sedangkan sibuk itu bagi saya sebenarnya cuma ada kalau kita tidak menguruskan masa.

Kita yang menentukan masa kita. Saya selalu terfikir bila pernah terbaca yang Tun dapat rehat 6 jam sehari sedangkan Tun adalah PM semasa itu. Saya terfikir, kalau Tun seorang PM yang tentunya dengan macam2 kerja dan tanggungjawab (dan Tun sempat menjalankannya dengan cemerlang) masih mempunyai masa rehat 6 jam, jadi kenapa orang Melayu lain tidak boleh?

Fikiran ini saya jadikan pegangan yang saya boleh. Cuma saya kena betulkan pengurusan masa saya, dan cara pemikiran saya. Terima kasih Tun kerana membawa contoh ini kepada Malaysia.

Jaga Kesihatan, Tun.
By M. Shahirasul IdrewoodsAuthor Profile Page on February 12, 2009 12:52 PM

demikian la alkisahnya orang Melayu takut dengan bayang2 sendiri. sebab katanya, bahasa Melayu PERNAH jadi lingua franca. PERNAH famous satu ketika dulu... jadi tak mau orang Melayu lepas ni tak boleh berbahasa Melayu. Itu alasan yg diberi.

Allo... Makcik2 Pensyarah sumer... kami yg besar bukan dalam lingkungan Melayu pun boleh cakap Melayu, ni kan plak orang Melayu yg dok dalam group orang Melayu sendiri...

Kalau boleh bg Makcik2 dan Pakcik2 Pensyarah - sejarah akan jadi harta paling bernilai dalam sesuatu bangsa. Sebab tu Rome boleh jadi kaya - sebab orang gi tengok tempat sejarah dia. Pastu Amerika boleh kaya, sebab dia ada sejarah orang Asli kot...

Kalau semua orang cakap Melayu dan semua apply course Sastera bahasa Melayu, agak2 apa jadi dengan Malaysia.

Mungkin lepas ni Al-Quran pun akan diterjemah kepada bahasa Melayu, dan sebutan Arab pun mungkin di-Melayukan... Fuhh... Semangat bahasa Melayu sebagai Lingua-franca tetap berkobar2...

Semoga orang Melayu terus maju dengan bayang-bayang sendiri...
By nazirudinAuthor Profile Page on February 12, 2009 12:53 PM

Dah tu, tak kan nak dibiarkan aje sikap melayu kutuk melayu
By Mat GAuthor Profile Page on February 12, 2009 12:54 PM

1.Betul kata Tun ttg "mindset" kita yang masih merendahkan kebolehan diri dan mengunakan retorik politik untuk berlindung di sebalik tabir.
2.Melayu/Cina/India/Kadazan/Orang Ulu(swak)/Iban-Dayak/Dusun/Murut/Bisaya, kita tidak dapat bertanding di dalam dunia yang semakin mendatar kalau kita tak faham saranan Tun. Bacalah sendiri "The World is Flat by Thomas Friedman".
3. Anak2 pekan di harapkan jangan terjejas nilai-nilai yang memupuk perpaduan dan terhanyut dgn arus perubahan yang lebih bersikap kepentingan diri (biar PKR atau BN)- Lihatlah sendiri gelagak kedua-dua pihak di Perak dan jangan fikir rakyat masih bodoh!- "Saya bermakna anak2 dari pekan berbanding desa dan bukan Pekan,Pahang :)"
4. Saya seorang bukan Melayu/bukan Islam dan saya sudi ka acara cocktail tetapi saya tegas bahawa saya seorang "vegetarian" dan enggan minum arak! Itu pilihan saya atas prinsip persendirian. Bila saya tegas, pasti hos saya pun akan hormati saya.
5. Kata akhir, saya anak pembaca meter air, dan saya seorang ajala kaum India-Malaysia yang telah di anugerahkan biasiswa dari syarikat minyak semasa di menara gading. Saya banggakan ijazah muda kejuretaan saya dari UTM kerana saya dapat bekerja setanding dgn mat saleh dan graduan2 luar negara - siapa kata Malaysia tak boleh?
6. Tun, Please keep emphasising the message and mindset for us to remain strong and united as Malaysians and not get caught up in Malays vs Chinese vs Inidans etc......I personally feel the Malay race, language and culture will prosper and spread as Malays are good people, god fearing and caring.....yes "Malaysia Boleh"....dan Melayu tak kan pupus di dunia dan lebih2 lagi di tanah mereka sendiri
By philmrAuthor Profile Page on February 12, 2009 12:57 PM

Dear Tun,
You're absolutely rite.

Peace be with you!
By JJJAuthor Profile Page on February 12, 2009 1:04 PM

salam Tun,

Looks like the two low-life scumbags,kilmer and solcroft are back with their pig excrements.

FYI,

"THE HUMANITY OF THE MALAYS ARE UNPARALELLED IN THE HISTORY OF MANKIND!"

Of course this will not go down well with these two fools as they actually got less neurons in their brains than a jackass!

to all responsible commentators,just treat these two jokers as garbage and move along.They just cannot accept the fact that there are Malays smarter than them.

to Alibabamahathir,

Weii??!...i thought you already migrated?What the hell are you still doing here?WHY WAIT?..

Jeng3
By musatoAuthor Profile Page on February 12, 2009 1:07 PM

Assalamualaikum Tun.

Saya pun asal ulu jugak.Dulu masa remaja, bila nak maju sikit, mintak gi kursus kat mane-mane diaorang

nak hantarlah.

Maka dapatlah gi kursus kat pekan.Lain macam je perangai orang-orang pekan ni.Kat ulu pun lain macam gak.Tapi dah biasalah sebab tempat sendiri.

Dalam sibuk-sibuk kursus,jumpalah kekawan.

Kekawan pulak tu, kalau kita nak gi buang air pun nak ikut.Katanya jangan lama-lama.

Entah apa-apa.Rupa-rupanya nak bersedekah.Sedekah seks.Macam kata YB ex-PKR.Agak-agaknya gitulah nama sedekah boleh wujud dalam kamus.

Tapi sekarang,ulu ke pekan ke...seme pun sama.Sedekah tetap bersedekah.

Untung sape yang dapat terima sedekah.Bukan seme orang dapat.

Hai, hai! Nasiblah.

Terima kasih Tun.
By mjoeAuthor Profile Page on February 12, 2009 1:09 PM

Saya pun tak tahu lah apa sangat yang depa tak suka bila anak depa mengaji math dan sains dalam bahasa inggeris. mungkin ada lagi kot orang yang berfikiran seperti orang ulu kat zaman nih.
By ismailAuthor Profile Page on February 12, 2009 1:12 PM

Dear Tun

I believe your message is not about cocktail parties..

In the old days,all the Ulus and Hilirs study in English.Some guys need an extra year (the Remove Class?..wonder why they name the class so negatively?) but in nutshell,everyone managed to study in English with no problems.As a result,we had a really good work force with good communication skills and was one of the competitive advantage for FDIs.
Now,the goons are raising hell cos of the Maths and Science in English program..reason being they assume that the kampung kids just can't cope.So we have progressed 2 steps and reversed 5 steps in 2 decades.

By the way my grouse with the programme is the rent seekers have used it as a instant wealth machine by supplying hardware at exorbitant prices.And the software is subcontracted (outsourced vis the more palatable word)many2 levels.

Tun was genuinely concerned about the students and came up with a good system BUT the rent seekers manipulated it for short term gains.Thats the root of the failure.
By kamal ahmadAuthor Profile Page on February 12, 2009 1:12 PM

Salam kasih dan hormat Ayahanda Tun. Saya rasa agenda protes pengajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris ini, sudah akhirnya berjaya dipolitikan oleh mereka yang berkepentingan dan sanggup memperkudakan semua dan sesiapa saja asalkan dapat niat mereka. Saya masih lagi ingat macam mana saya akan duduk dalam kereta dengan emak saya yang menjemput ayah saya yang bermesyuarat di GPMS KL, Rumah Suloh Budiman kalau saya tak silap. Dekat juga dengan pejabat lama Tun. Masa tu GPMS begitu gah dan di hormati oleh cendiakawan Melayu dan juga bukan Melayu. GPMS merupakan "reference point" untuk banyak pihak. Tapi kita pandang ke hari ini, GPMS yang di ketuai oleh Naina Marican, sekutu kuat Khairy Marican anak menantu Dollah Marican, juga sahabat akrab Kali semua maricando. Saya nampak macam ada usaha-usaha dijalankan nak hentam D.S Hishamuddin sempena Persidangan UMNO yang bakal mendatang. Himpit si D.S Hisham sikit-sikit, lempar isu-isu berkaitan sikit-sikit, bagi dia mula melatah sikit-sikit. Macam tu nampaknya Tun. Ini dalam politik biasalah.

Tapi awas Tuan tuan dan Puan puan, jika yang nak dikudakan adalah anak-anak sekolah yang tak tahu apa-apa, saya rasa tikaman pulang pastinya 1001 penjuru. Elok dihentikan saja polemik ini. Pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris sangat baik dan wajar diteruskan, mengundurkan polisi ini akan mengakibatkan impak negatif kepada kerajaan. Kepada yang sangat-sangat patriotik pergilah bersajak di tempat lain. Kalau cukup baik, tulis buku. Saya cuba jual di pasaran global untuk anda. Tapi biarlah anak-anak generasi pewaris hadapan fasih dalam bahasa ekonomi dan teknologi dunia. Saya rasa langkah KPM dalam membaik pulih mana-mana kelemahan sistem ini memberangsangkan. Wajar sangat diteruskan konsep pengajaran ini. Nak hal kempen geng Mesyuarat UMNO buat cara lain, cara ni tak payah.
By ZWAuthor Profile Page on February 12, 2009 1:17 PM

Dear Tun,
Saya setuju dengan Tun pasal orang ulu (kampung) memang boleh bersaing dan duduk sama rendah berdiri sama tinggi dengan sesiapa - tak kira orang pekan atau orang asing. Saya berasal dari satu tempat terpencil di Langkawi, Kampung Kok to be exact (Telaga Harbour as it's called now). I am sure (at your 80+ young age) you still have fresh memory how that place was before. Gotta know you sometimes frequent the place. Would love to run into you someday. I still remember how life was back then, how that place was back then. Like we always say, tempat jatuh lagi kan dikenang. Dulu pergi sekolah naik turun perahu dayung - tiada enjin. Too poor to afford one. Alternatively jalan dalam hutan, naik turun bukit. But that was fun and it makes me realize how far I have come to be where I am now. I went to US for first degree, Australia for Masters, and again Australia for PhD. And during my time none school subjects were in English. To learn just about anything does not have to be mandated to any of us. It's one's desire to learn and determination to master what we learn.

I have been all over the world attending conferences and meetings. I have been to reception and cocktail parties at these conferences but at the end of the day, your intent counts, your religious background matters, and people understand why you don't take alcohols. You go there to exchange ideas, to colloborate research and to establish networking. If you dont talk to and communicate your ideas with people, you wont advance in knowledge seeking and career advancement. Gotta be proud of my humble beginning.
By Tun TejaAuthor Profile Page on February 12, 2009 1:19 PM

Salam ayahanda tun,
menarik cite tun ttg org ulu ni.time kacih krn bkongsi cite bpgajaran ini. ada teladan yg tersirat.
smg tun sentiasa sht walafiat. smg kita semua dpt mcontohi tun, mjadi melayu yg tahu asal usul dan susur galur jati dirinya di tanah melayu bdaulat ini. pertahankanlah!
By pakpandir08Author Profile Page on February 12, 2009 1:24 PM

rasanya Tun tertinggal satu aspek sifat manusia yg amat penting ... sifat manusia ini boleh dikatakan dihadapi oleh semua manusia di dunia ini tidak kira apa bangsa atau agamanya ...

sifat manusia ini adalah seperti berikut:
(a) benda yg mudah dapat biasanya tidak dihargai
(b) sesuatu yg dinikmati akan dihargai sekiranya process untuk mengecapinya diharungi atas usaha sendiri dalam keadaan yg sukar

suasana politik di negara ini, melahirkan golongan rakyat yg suka bergantung kepada peluang ... ini adalah sebab utama wujudnya keadaan dimana terdapatnya orang yg mudah lupa.

peluang sepatutnya dicari oleh seseorang untuk mengecapi kejayaan, dan bukannya ditunggu dengan memandang ke arah langit ...

sekatan peluang dilaksanakan kepada orang bukan melayu secara TERBUKA terutamanya dalam bidang pendidikan ... namun setelah 52 tahun yg lama, orang bukan melayu masih maju di pelbagai sektor. Lebih-lebih lagi, kejayaan itu bukan di negara ini sahaja, tetapi di serata dunia ... di benua asia, benua eropah, benua amerika dan benua lain, boleh kelihatan orang cina dan india yg amat berjaya sekali di

tempat asing ini ... apabila hulurkan tangan kiri dengan 5 jari dan mula menghitung berapa ramaikah orang melayu yg berjaya di tempat asing ... jawapannya -> ermm, ermm, ermm

inilah hakikatnya, seperti contoh bola sepak negara ... beria-ria di liga perdana, tetapi macam tahi kucing apabila melangkah keluar dari semenanjung malaysia ... apabila disoal kenapa gagal, dijawapnya tidak diberi peluang dan macam-macam alasan, lepas itu mengamuk (very common behaviour) ...

namun kadang-kadang ada orang kata berjaya juga, tengoklah contoh proton, boleh bina kereta sendiri .... terbeliak mata terdengarnya ... entahlah mengapa tidak tahu kerja proton adalah pasang kereta, dan bukannya bina kereta ... bukannya tidak sokong buatan tempatan, tetapi dah sokong, dia bongkak pula ... kereta pertama saya adalah proton iswara 1998, pakai 4 tahun tiada apa-apa masalah, hanya sekali batteri kondem saja. Lebih-lebih lagi beli second hand dan kereta terbalik kerana kemalangan. Namun semua nampak OK sahaja, hanya enjin bunyi kuat sedikit, tetapi tak apa, puas hati juga .... kereta kedua tukar proton waja, kerana nampak besar dan menganggap pastinya ada "improvement" kerana kereta yg lebih baru ... dah pakai 3 bulan .... alamak ... power window rosak (tukar 4 kali dalam 2 tahun) ... pembuka pintu belakang patah (tukar 3 kali dalam 1 tahun) ... mentol (ori) bakar lebih dari 20 kali dalam 3 tahun ... yang paling dasyat kereta jam kat tengah jalan masa waktu pagi di KL (3 kali dalam 2 tahun) ... habis traffik jam akibatnya ... kena traffik polis maki ... tapi lepas maki polis trafik tolong tolak kereta juga ... hehe

dengan hati ikhlas untuk dikongsi kenapa orang bukan melayu lebih berjaya ... ada kata orang kerana pakai ilmu hitam, kerana jampi, ada kata juga kerana mata sepet nampak lebih jelas ... tetapi jawapan sebenarnya ialah sekatan peluang yg menjayakan orang cina (terutamanya) dan orang india ... renunglah beberapa contoh ini:

(1) SRJK(C) kebiasaannya terdapatnya pancaragam sekolah, setiap kali ada upacara pengembumian di sekitar daerah, cikgu akan membawa mereka beraksi dan mendapatkan wang upah ... dan wang upahan ini akan disalurkan untuk memperbaiki dinding bilik darjah yg dimakan anai-anai, membayar bil elektrik dan lain-lain
- sedemikianlah anak-anak sejak kecil dipupuk secara tidak langsung untuk berusaha bersama-sama mempertahankan asset sekolah dari bunga-bunga, lantai, meja kerusi dan papan
- dengan itulah mereka faham akan kesukaran yg dirasai oleh mereka sendiri agar terus berusaha tanpa menghiraukan betapa sukarnya keadaan ...

(2) murid2 di SRJK(C) setiap tahun akan gembiranya membalut buku teks pinjaman yg direbut-rebut (dengan usaha sendiri untuk berjumpa ketua kampung dan pemimpin lain untuk tandatangan borang permohonan. Process ini sukar untuk budak kecil kerana terpaksa tengok muka dan emosi orang)
- Process ini mewujudkan kesedaran anak-anak sejak kecil bahawa kesukaran yg dihadapinya, akan dihadapi oleh orng yg lain.
- Sebab itulah mereka membalut buku teks, agar selepas mereka memakai, buku dalam keadaan yg baik lagi untuk pelajar yg lain pada tahun depan
- Inilah sifat yg ditanam sejak kecil lagi agar tidak melupakn kesukaran orang lain dan sedia membantu. Sebab itulah orang cina kebiasaan mampu mendiri sekolah sendiri tanpa bantuan kerana mereka melalui process kesukaran itu pada masa kecil dahulu ...

oleh yg demikian, kadang-kala tidak setujui dengan dasar diskriminisasi Tun ... namun kadang-kala berterima kasih dengan Tun juga ... kerana SECARA TIDAK LANGSUNGNYA ... kesukaran akibat sekatan, membantu dalam proses pembangunan terutamanya orang cina di negara ini ... keranalah sifat manusia yg terabai oleh Tun ...
By AjakAuthor Profile Page on February 12, 2009 1:36 PM

Dearest Tun,

I dont know why you need to write this article but
one thing I clear that, you try to make people

things about it.

Anyway I hope that we as the new generation
must alway thinks MALAYS BOLEH.

Ajak
By RajaChulanAuthor Profile Page on February 12, 2009 1:48 PM

Dear Tun,

The problem is not the Malays. Be it the Orang ulu or pekan.

The problem is the Indonesian illegal immigrants who have somehow obtained citizenship and subsequently taken over running Malaysia.They have slowly but surely push out the Malays in favor of their own people and their relatives. Look around you and you will understand what I mean.They will ultimately be the biggest challenge to the Malays.

Mark my word.

Raja Chulan.
By kububoyAuthor Profile Page on February 12, 2009 1:53 PM

Saya anak orang ulu,mai dari kuala nerang tapi dapat mengaji sampai Amerika.Tulisan Tun mengimbau kembali nostalgia lama , rindukan kedamaian waktu silam.Masih ingat waktu nak makan udang galah cuma perlu turun sungai dan angkat batang buluh,gerenti ada udang dalam buluh.Dek kerana Gula Padang Terap,sungai hancoq,bukan takat ikan orang pun boleh mampos.Kos pembangunan lah..........nak buat macam mana.

Dulu orang ulu adalah penyokong kuat UMNO , seingat saya nak cari orang Pas nak buat ubat pun susah.Orang Pas ni banyak di Padang (kawasan Bendang setaun 2 kali).La ni pemikiran kami pun semakin terbuka.Modal UMNO atas ketuanan melayu dah tak berapa boleh pakai.

Kerakusan pimpinan UMNO masakini , segala jenis mak nenek penyakit yang ada kat UMNO membuatkan majoriti orang Ulu (walaupun kami bodo sikit)meluat dan meloya tengok puak2 ni.Pada kami kalau bagi lagi puak ni memerintah 20 taun lagi,silap2 kami (orang ulu)pun depa lelong kat siam.
By KerpAuthor Profile Page on February 12, 2009 1:54 PM

salam TUN yang dihormati!

hehehe...saya ni lembab sikit, so i had to read all the feedbacks before it finally hits me. simply brilliant, sir!
By Muhammad HalimAuthor Profile Page on February 12, 2009 1:54 PM

Tun,

Kesilapan Tun dimasa lalu adalah mengasingkan religion with admin. Capitalist way. You developed the country dengan kemewahan but Tun tidak mengutamakan spiritual development. Result, people lose their values. When theres no values, jadilah kita kaum capitalist. Yg kaya kata yang miskin bodoh. Yg kuat tindas yg lemah. To be honest, it is not u who introduced capitalist to Malaysia, it was Daim. To show u examples, tabung haji invest in construction to make money. Yes its true they make money, but their values gone. Bernas, they are given the opportunity to handle how to develope beras malaysia, instead they find opportunity on how to import beras n sell it back. Stockpiling. Any dumb kid can do that. The consequence is that we as human being lose our values. If we dont have values, what are we? we are exactly like chinese, westerners, kafir. Their mission in life is to outsmart the other person to gain more wealth. Gain wealth, value lost. Umno leaders too becoming capitalist.

Sekian, M.Halim
By abubakerAuthor Profile Page on February 12, 2009 2:09 PM

Salam, Tun is a wise man laa...Tun,u know what u say.I think Tun knows Org Ulu and Org Pekan is on the right tract because the process of getting developed mentally and physically is taking it's cause NOW.It is natural law.It is the LAW.Let us accept the LAW.This is EVOLUTION. May the LORD always be with you.
By Mr TalangAuthor Profile Page on February 12, 2009 2:14 PM

Tun,
1. Bila berkata dengan orang Ulu ni, saya rasa orang Felda juga ULU..
2. Saya anak peneroka Felda dikawasan Tenggara Pahang yang mula memasuki FELDA sekitar tahun 1979 dan 1980. Saya ketika itu baru berumur setahun lebih.
3. Bila menjejak umur 3 atau 4 tahun saya rasa saya masih ingat lagi bagaimana keadaan semasa itu.
4. Kakak dan abang saya bersekolah di Felda bersebelahan kerana tiada sekolah di felda saya ketika itu. Mereka bangun sawal 4 pagi dan mula berjalan ke simpang jalan untuk menunggu bas sekolah yang agak usang (Pemandu , Pak cik Radhi)
5. Jauhnya dari sekolah adalah 20 km melalui jalan tanah merah. Bila musin hujan, bas selalu tersangkut didalam becak.
6 Sebagai ganti traktor Felda pula mengambil pelajar sehinggakan lewat malam baru tiba.(Pemandu traktor felda Pak Cik Mukhtar)
7. Jalan raya masih bertanah merah. Rumah masih berpelita sehingga tahun 1991. Air sehingga saya berumur 6 tahun masih mandi ditelaga tiub di tepi jalan.
8. Malam menjelma adakalanya diganggu dengan haiwan buas dari Hutan Simpan Chini. Pernah ada ketika waktu malam gajah liar bermain dibekalang rumah jiran.Babi , musang usah cerita.
9. Kini semua berubah.
10. Rumah felda silih bertukar ganti. Nasib berubah baik. Kehidupan lebih bermakna.
11. Ramai dikalangan anak2 felda yang berjaya sehingga menjadi seseorang yang amat berjaya.
12. Tapi seperti kata TUN, Melayu mudah lupa....
By Tun Sri LanangAuthor Profile Page on February 12, 2009 2:16 PM

salam TUN,

PPSMI - perlu diteruskan

kalau orang ulu dan orang kampung pun boleh
kenapa orang bandar/pekan kata mereka tak boleh

dulu orang ulu & orang kampung belajar di sekolah oerang putih
pun masih fasih berbahasa ibunda (melayu)

buku sains & matematik dalam bahasa melayu pun susah nak dapat
macammana kita nak buat kajian

bila PPSMI ditarik balik, tentu ada orang komplen pulak
katanya buku rujukan tak cuku, anak orang melayu juga yang tercicir

tunding jari salahkan kerajaan yang tukar program pembelajaran

kalau PPSMI tak bagus, kita sama-sama kasi bagus..

TK.
By Jawa+MelayuAuthor Profile Page on February 12, 2009 2:25 PM

Assalammualaikum!
Sayang kpd bangsa bukan setakat memperjuangkan bahasanya semata-mata, banyak perkara yang

mesti dititikbratkan supaya bangsa Melayu unggul dimata dunia. Memang hairan orang Melayu sendiri yang menentang usaha2 utk memajukan bangsanya dengan pelbagai alasan, sedangkan orang China, India dll berjaya & hebat berbahasa Inggeris tapi tak hilang China & Indianya, kenapa orang Melayu begitu khuatir sangat. Dulu walaupun Matematik & Sains dlm BM pun berapa kerat sangat pelajar Melayu yg cemerlang, alasannya tak minat, susah dsbnya. Itu semua alasan untuk menutup kelemahan. Sekarang jelas terbukti PSMI mampu diserap oleh pelajar Melayu secara pelan2 & jangkapanjang. Bagi anak Melayu peluang, biarpun mungkin sedikit yang cemerlang tetapi ia merupakan kejayaan kelas pertama bukannya "juara kampung", kerana selain mereka pandai matematik & sains tetapi mereka juga mahir BI, insyaAllah. Itulah harapan kita.
By che-mieAuthor Profile Page on February 12, 2009 2:25 PM

tk apa lah Tun...

masa akan menghukum si mengaku melayu ini.
generaasi melayu akan datang, akan maki hamun si mengaku melayu yang dengki.

Pentingkan diri sendiri, lupa kepada bangsa.

Itu yang saya tak paham. Kenapa ada lagi yang masih menentang pembelajaran sains dan matematik didalam bahasa ingeris. Takkan hilang bahasa melayu hanya sebab itu.
By areeAuthor Profile Page on February 12, 2009 9:06 PM

Salam sejahtera buat TUN..
saya teringat tahun lepas, masa ada konvensyen silat di KL..
saya jumpa seorang jurulatih sialt dari Belgium, katanya,, "sepatutnya saya lahir di TANAH MELAYU, dan saya patut dilahirkan oleh BANGSA MELAYU..
Kini, org melayu sendiri MALU MENGAKU MELAYU...
By ScubaAuthor Profile Page on February 12, 2009 9:10 PM

Tun berkias secara sindiran kepada pemimpin2:

1. Jangan anggap Orang Ulu bodoh kerana anak2 mereka berupaya memberi maklumat.

2. Kita hilang sokongan di bandar2. Yang tinggal hanya sokongan Orang Ulu.

3. Berhenti memperbodohkan Orang Ulu. Kita yang kelihatan bodoh sebenarnya di mata Orang Ulu.
By faudziAuthor Profile Page on February 12, 2009 9:16 PM

Akum TUN

saya amat bersetuju dengan TUN dlm soal bahasa inggeris ni. Tadi dlm berita ada sekumpulan penyair dan penyajak dengar cerita kumpulan Dato prof firdaus (prof bahasa baku):)

Buat group ni saya harap biar lah berpijak dibumi nyata, kita bukan nak buang identiti melayu atau tidak sayangkan bahasa kebangsaan, justeru itu soal PPMSI janganlah diperbesarkan besarkan kerana untuk jangkamasa panjang ianya baik untuk orang melayu.

Yang minat bersyair dan bersajak dan berbahasa baku..teruskan, bahkan kami akan menyokong, tp jgn pulak halang kami untuk pandai berbahasa inggeris melalui PPMSI yang secara tidak langsung menjimatkan duit tusyen anak2 kerana sudah ada di sekolah, kalau tidak nak kena hantar anak2 pi tusyen, kan naya jadinya.

wassalam
By pakbelalangAuthor Profile Page on February 12, 2009 9:18 PM

Dear Tun,

Former MB Agrees To Vacate Official Residence

IPOH, Feb 12 (Bernama) -- Former Perak Menteri Besar Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin today agreed to vacate the Menteri Besar's official residence and hand over the official Toyota Camry car, bought last month.

Mohammad Nizar was contacted by state secretary Datuk Dr Abdul Rahman Hashim via telephone and politely requested to vacate the Menteri Besar's official residence.

"I will vacate the residence with due respect and hand it over within 10 days as I have to follow the procedures. After that I will stay in Ipoh, an area close to my children's school," he told reporters at his residence here today.

comment:

Bravo! Nizar. That's the way it should be. We respect you for that. You don't lose anything at all. What you gain is your dignity as a person. You have to treasure your dignity. The rest you have to leave it to qada' dan qadar Allah. That's very basic principle as a true Muslim.

May I suggest that you consider seriously for PAS to join the new state govt. That is the best thing to do. Nik Aziz should not be narrow minded and must allow the state PAS to partner with Barisan for the benefit of the rakyat. Just forget about Pakatan. The Pakatan leaders under the leadership of Anwar is just hopeless. Anwar is NOT a good leader. He is a trouble maker.Karpal Singh said that. He must "BERTAUBAT" to be a morally upright leader.
By AdamAuthor Profile Page on February 12, 2009 9:36 PM

Tidak menjadi kesalahan untuk belajar bahasa Inggeris untuk memajukan bangsa.

Siapa lagi yang tolong kita kalau bukan kita sendiri.

By junkopileAuthor Profile Page on February 12, 2009 9:37 PM

assalamualaikum tun
you re still the one

amat malang bila melayu sendiri beranggapan melayu tidak bijak dan lebih malang bila mereka hanya bercakap tanpa usaha untuk berkongsi kepandaian dan teramatlah malangnya bila ada yang cuba

memperbodoh bodohkan melayu lain oleh melayu yang kononya sedikit bijak.

jika diberi peluang dan pendedahan segala jenis manusia pasti boleh dalam apa jua yang diceburi. jika disekat jangankan ilmu dan peluang, bantuan makanan ke gaza pun tidak boleh sampai

salams tun
love you
By rahayuAuthor Profile Page on February 12, 2009 9:40 PM

Salam Tun,

Saya mengenali Tun sebagai seorang yang sentiasa berbangga dan membela bangsa MELAYU. Bukan mudah hendak mencari seorang yang berbangsa Melayu yang sanggup membela nasib bangsa sendiri kebelakangan ini. Semakin ramai Melayu yang sanggup 'menikam belakang' atau menjatuhkan bangsa sendiri. Inilah nasib orang-orang Melayu yang semakin taksub dengan 'kemewahan' negara (walaupun tidak semewah dulu) tidak merasa susah dan perit jerih individu yang berusaha untuk membangunkan satu bangsa yang sepatutnya dibanggakan!

Saya baru sahaja menonton berita tadi di mana isu pengajaran Sains & Matematik di dalam Bahasa Inggeris diperdebatkan oleh sasterawan-sasterawan negara yang memperkatakan Bahasa Melayu akan dilupakan satu hari nanti semata-mata kerana sistem pembelajaran masa kini yang mementingkan Bahasa Inggeris. Tanggapan yang salah!! Benar, yang menjadi mangsa adalah Melayu di luar bandar. Bukan kerana mereka bodoh, tetapi sistem pembelajaran yang salah. Mana tidaknya, guru-guru yang ditugaskan untuk mengajar subjek tersebut juga mempunyai masalah penyampaian menggunakan Bahasa Inggeris. Tetapi, murid itu sendiri juga tidak berusaha untuk memajukan diri dengan mempelajari sesuatu yang baru; terlalu manja dengan kesenangan yang bangsa Melayu perolehi dari dulu lagi. Bila lagi 'tongkat' tersebut hendak ditarik?? Mereka tidak sedar kepentingan Bahasa Inggeris di dalam mencapai kemajuan. Ini bukanlah bermakna kita melupakan Bahasa Melayu tetapi apa salahnya kita mempunyai banyak kemahiran untuk tujuan kemajuan diri, bangsa dan agama? Sebabnya, tiada semangat sebegitu.

Saya sendiri sebenarnya kesal kerana sistem pembelajaran yang saya lalui sejak zaman persekolahan dulu, tidak lagi mempunyai aliran Inggeris (saya adalah 'batch' pertama untuk pengenalan sistem KBSM). Saya terasa amat rugi kerana kebanyakkannya hanya menekankan Bahasa Melayu sehinggalah ke peringkat universiti. Sedangkan saya melihat, 'orang-orang lama' di dalam aliran Inggeris mempunyai lebih banyak kelebihan di dalam berkomunikasi, menulis dan berbahas isu-isu kritikal di dalam Bahasa Inggeris yang hebat. Amat membanggakan. Tetapi kini, hanya bila nak diperkenalkan dua subjek di dalam Bahasa Inggeris, satu negara membahaskan isu ini. Memang saya tidak faham.

Saya sedih kerana Melayu masih tidak mahu berubah. Semuanya mahu dimiliki dengan cara yang mudah. Kemudian, menyokong seseorang atau kumpulan yang menjatuhkan maruah bangsa, agama dan negara sendiri sedangkan Tun telahpun meletakkan MALAYSIA di tempat yang hebat di persada dunia. Saya sering menjalankan tugas rasmi di luar negara, dan apa yang diperkatakan oleh kebanyakan orang di luar negara adalah kebanggaan mereka kepada seorang insan yang bernama MAHATHIR MOHAMAD. Impian mereka untuk turut memiliki insan yang sama supaya dapat menikmati negara sehebat Malaysia. Tetapi, kini, semuanya seolah-oleh lenyap dalam masa hanya beberapa tahun. Saya rasa Tun memahami apa yang saya maksudkan. Semuanya berubah dan tidak sehebat dulu.

Motto 'Malaysia Boleh' pun sudah lenyap sedangkan itulah penyuntik semangat. Entahlah...
By ibnisolehAuthor Profile Page on February 12, 2009 9:43 PM

Salam Tun yang dikasihi,

Izinkan saya meluahkan perasaan sedikit dalam post ini. Saya baru menonton Buletin Utama TV3 berkenaan isu pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa inggeris. Saya pelik kenapa isu ini masih dibahaskan oleh mereka yang kononnya cendiakawan. Mereka menentang tindakan kerajaan

menjadikan subjek matematik dan sains diajar dalam bahasa inggeris dengan alasan antaranya akan membantutkan pelajar-pelajar luar bandar menguasai subjek-subjek ini dan akhbar Bahasa Malaysia akan luput dalam masa 50 tahun lagi. Apa yang dimerepekkan oleh orang-orang tua 'nyanyuk' tu? Mereka tak sedar ke yang selama ini kita masih jauh tertinggal dalam bidang teknologi (sains dan matematik) akibat daripada kegagalan kita menguasai subjek-subjek penting ini. Antara puncanya kegagalan dalam menguasai bahasa inggeris. Saya sendiri merasa kesannya. Saya telah diajar subjek sains dan matematik dalam bahasa Melayu dan hasilnya kini sukar bagi saya menulis artikel penyelidikan dalam bahasa inggeris kerana saya tidak menguasai bahasa inggeris sepenuhnya. Untuk membuktikan sesuatu hasil penyelidikan berjaya, ia harus ditulis dalam bahasa inggeris, kerana hampir 99% jurnal-jurnal penyelidikan terkemuka diterbitkan dalam bahasa inggeris. Hasil penyelidikan juga harus dibentangkan secara oral (presentation) dan tentulah tahap penguasaan bahasa inggeris yang tinggi diperlukan jika pembentangan dibuat di peringkat antarabangsa. Bahasa inggeris dalam konteks penyelidikan amat berkait rapat. Dan tentulah bahasa inggeris tidak ada kena mengena dengan sastera Melayu. Tetapi kenapa sasterawan itu hendak mencampuri urusan ini, buat puisi dan sajak sahajalah. Jangan kacau sains dan matematik, itu bidang kami, generasi muda. Itu baru satu aspek.

Antara aspek-aspek lain, antaranya, pengajaran Bahasa Melayu masih diteruskan, dan semestinya ia diajar dalam bahasa Melayu. Selain itu, subjek sejarah, geografi, ekonomi dan sebagainya masih diajar dalam bahasa Melayu. Apa yang kalut sangat mereka ni. Bagilah peluang generasi muda nak baiki diri. Sampai bila orang Malaysia masih mahu digelar Jaguh Kampung. Bersastera sahaja tak kan ke mana. Zaman sekarang zaman teknologi, perubahannya amat pantas, tanpa penguasaan bahasa inggeris kita akan terus tertinggal.

Kebanyakkan ilmu-ilmu sains dan matematik terbit daripada bahasa asing. Amat sedikit ilmu baru muncul dari orang Melayu berbanding bangsa asing. Orang Eropah sanggup belajar bahasa Arab kerana mahu menguasai ilmu Aljebra dari bangsa Arab. Kita juga perlu menguasai bahasa asing jika mahu kuasai ilmu mereka. Bahasa Melayu penting tetapi bagi saya tidak sepenting keperluan untuk menguasai ilmu khususnya ilmu teknologi (sains & matematik). Sampai bila kita nak beli senjata canggih daripada bangsa lain? Sampai bila nak tumpang roket orang lain jika nak ke angkasa? Duduk bersila sambil baca cerpen dalam surat khabar Melayu tak kan ke mana rasanya.

Kepada para sasterawan Melayu yang hendak memperjuangkan bahasa Melayu, rujuklah balik silibus bahasa Melayu yang diajar di sekolah-sekolah. Lalu nilaikan pula cara dan gaya pertuturan bahasa Melayu para pelajar khususnya pelajar Melayu. Jika kalian sedar, mutu perbualan pelajar-pelajar khususnya bangsa Melayu dalam bahasa Melayu itu sendiri masih lagi lemah, bercelaru, tidak tersusun dan tidak menampakkan kemartabatanya. Apabila ditemubual, lintang-pukang pertuturannya. Contohnya, mereka lebih gemar menggunakan perkataan 'korang' dan 'diaorang' bagi gantinama 'anda sekalian' dan 'mereka'. Jadi sebelum kalian (para sasterawan berkenaan) sibuk untuk memikirkan cara bagi mengkaji semula isu berkenaan (pengajaran sains dan matematik), cuba fikirkan dulu bagaimana hendak memartabatkan penggunaan bahasa Melayu dalam perbualan harian orang-orang Melayu itu sendiri, sehingga ke tahap di mana cara perbualan setanding dengan cara penulisan, atau sekurang-kurangnya semutu dengan rakyat Indonesia apabila mereka bertutur dalam bahasa mereka.

Sekian, harap maaf jika terkasar.
By KSAH96Author Profile Page on February 12, 2009 9:45 PM

Assalamualaikum Tun,

Betapa kejam dan berterusan kejamnya zionis terhadap umat Islam Palestin. Tetapi di Malaysia pula, ada yang telah taksubkan diri merosakkan imej Islam...entah Melayu jenis ini hentak perjuangkan matlamat apa sebenarnya?

Nak kata Islamik, Islam tidak pernah anjur huru hara, malah dalam peperangan pun Islam gariskan panduan ketat tidak boleh memetahkan walaupun sebatang ranting. Puak ini menggunakan perang saraf terhadap kelemahan orang Melayu yang mudah sungguh terpesona, terhasut dengan ta'subnya dengan sebarang imej Islam padahal tidak mengkaji dari sudut ilmu benar atau tidak..

Tun, mengapa terlalu susah untuk ubah minda Melayu jadi orang yang berpendirian teguh, berilmu, berfikiran jauh sebelum melaksanakan sesuatu tindakan..

Orang Melayu, tidak kira orang 'ulu banat'(bahasa loghat kedah) atau pekan, sikap asalnya sama sahaja, mudah buat inferans/ justifikasi hanya berdasarkan persepsi dan sensasi untuk diperguna dan dan diperkuda oleh bangsa lain..
Malas berfikir secara jauh, malas berusaha susah-susah atau renyah2..nak cepat kaya sambil goyang kaki..

Mereka usaha kutuk PROTON yang jadi kebanggan umat Islam lain seperti Indonesia dan Iran..padahal itu maruah kita..

Ketahuilah bahawa kita dikelilingi oleh puak-puak yang sangat taksub sehingga Raja pun dianggap budak2.. bermuhasabahlah..

wallahua'lam..
By abubakerAuthor Profile Page on February 12, 2009 9:57 PM

Salam,IN THE BEGINNING,there is NO Org Ulu,NOTHING of form or life.IT IS GOD.'The WORD is with GOD'.The vital secret in every religion lies in the RECOGNITION that the SPIRIT OF LIFE is ever PRESENT--where the need is,there also is its answer.WHOLENESS is not something we create, but DISCOVER.Unity is not neccessary means UNIFORMITY.The LAW OF MIND,like any other law in nature says; WHEN WE USE IT DESTRUCTIVELY,WE SHALL AUTOMATICALLY BE PUNISHED. Not that Life punishs us, we punish ourselves through the IGNORANT use of THE LAW OF MIND.Wassalam.
By CheDahAuthor Profile Page on February 12, 2009 10:12 PM

Salam My Dearest Tun,

Semoga Tun sihat sejahtera hendaknya.
Kagum baca pasal cite Tun & wife.
I respect both of you.
plus this article.

Hopefully org melayu sedarlah.
jgn dok syiokk sendiri...
org lain kuat mlobi utk mjatuhkan kita
marilah sedar & kuatkn perpaduan + bersatu demi mnentang musuh2 dlm selimut.
"Enough talking - action time now"

Semoga Allah memberkati org Islam.
Jgn taksub dgn yg lain.
Kembali ke pangkal jalan.
Dunia hanya pinjaman...

Wasalam......
By pakbelalangAuthor Profile Page on February 12, 2009 10:22 PM

Dear Tun,

Saya nak cadangkan budak-budak cerdik (tak kira apa kaum) yang duduk di ulu-ulu atau kampong terpencil dari peringkat darjah 5 dikumpulkan masuk kesekolah asrama di kampong yang berdekatan. Seminggu atau dua minggu sekali hantar mereka pulang kepangkuan ibu bapa mereka untuk melepaskan rindu mereka dengan keluarga mereka. Kita jaga budak-budak yang cerdik ini dari awal lagi dan bagi mereka pendidikan yang terbaik untuk mereka.Saya rasa mereka akan lebih cemerlang lagi

dalam pelajaran mereka.
By pakbelalangAuthor Profile Page on February 12, 2009 10:40 PM

Dear Tun,

By Muhammad Halim on February 12, 2009 1:54 PM
Tun,

Kesilapan Tun dimasa lalu adalah mengasingkan religion with admin. Capitalist way. You developed the country dengan kemewahan but Tun tidak mengutamakan spiritual development. Result, people lose their values.

comment:

Tidak wajar menyalahkan Tun. Saya rasa adalah keterlaluan mengatakan Tun mengasingkan agama dengan pentadbiran. Lihat sajalah di Dubai. Bagaimana pesatnya pembangunan di sana yang telah di rancang dengan begitu rapi hinggakan mereka boleh buat bangunan yang boleh main salji di dalamnya. Adakah orang Arab di sana kendur dan luntur tentang pembangunan spiritual mereka? Tidak mungkin.

Masalahnya adalah kelemahan bangsa Melayu sendiri. Jati diri mereka tidak kental.
By nase2Author Profile Page on February 12, 2009 10:43 PM

Salam buat Ayahanda,

1. Seronok juga jadi orang ulu - sebab apa saja dibuang kat ulu akan sampai kat kuala kemudiannya.

2. Kalau bah, orang kat ulu dulu merasa. Kalau air jernih, orang ulu juga dulu minum air jernih, kat kuala keruh lagi.

3. Sekarang, sebab orang ulu jugalah kerajaan melayu tak tumbang. Kalau tak, dah kena talqin.

4. Masalahnya, sekarang penyakit duit dah mudik ke ulu. Ingatkan orang kuala saja.

5. Kerana sayangkan orang ulu, Raja campurtangan. Kalau tak, dah ngundi semula. Undi semula, alamatnya adalah orang ulu yang dah kat kuala naik roket dan akan jadi MB melalui roket - sebab dulu ralat sikit terlupa letak orang ulu pandu roket, alih-alih nak jadi MB tak boleh - sebab Raja nak orang bangsa ulu.

6. Harap2 orang ulu tak terus du'ulu'kan oleh orang pekan - orang pekan reti bahasa antarabangsa a.k.a bahasa inggeris. Orang ulu - nak baca apa..? Suratkhabar jawi pun dah sikit lagi nak pupus.

Nota : pejuang bahasa marah sebab bahasa Melayu kena rojak dengan bahasa inggeris, asyik nak bandingkan dengan bahasa jepun, china, jerman, russia,arab tetapi dia orang ni lupa bahawa:

i : abjad melayu sebenar adalah jawi (tanah melayu = tanah jawi).

ii : huruf/abjad china, jepun, arab, russia berbeza bentuk dan simbol dengan bahasa inggeris.

iii: inggeris menjajah tanah melayu dan dimerdeka secara aman tanpa dendam. Indonesia merdeka melalui darah dan semestinya 'benci' bahasa belanda (penjajahnya).

iv : bahasa melayu rumi dan inggeris sepadan.
By pakbelalangAuthor Profile Page on February 12, 2009 10:53 PM

Proposal To Increase Class F Contractors' Project Limit

KUANTAN, Feb 12 (Bernama) -- The Public Works Department will table a proposal to the National Treasury for Class F contractors to be allowed to carry out projects worth more than RM200,000.

Works Minister Datuk Seri Mohd Zin Mohamed said, a working paper on the matter is being completed and will be submitted to the Treasury soon.

"I am seeking the National Treasury's approval to increase the project qualification limit to exceed RM200,000, because only the Treasury can revise the qualification of Class F contractors," he said.

comment:

Mhd Zin, you can propose a lot of things but at the end of the day these Class F contractors must deliver. They can have 1001 complaints but the real essence is whether they have the capacity to do the work efficiently or just fly by night contractors and pass the job to somebody else and get 3% commission upfront.Kerja jual air lior sahaja.

By f5eAuthor Profile Page on February 12, 2009 11:04 PM

Asalammualaikum Tun..
Sesungguhnya artikel Tun kali ini menimbulkan impak yang besar buat saya dan rakan saya. Pagi tadi ditempat kerja rakan saya menghantar pesanan ringkas. Katanya Tun menghargai orang Hulu. Terima kasih Tun, penulisan Tun yang tidak seberapa ini memberi motivasi dan semangat bagi kami warga Hulu Terengganu yang sentiasa dahagakan perubahan. Perubahan yang menyeluruh, dari segi pemikiran dan tingkahlaku yang tidak menjejaskan identiti kami sebagai orang Hulu. Tidak mengapa sekiranya Tun tercari-cari dimana la Hulu Terengganu ni, adakah sesuatu yang mengingatkan Tun kapada Hulu Terengganu? Berbangga dengan Hulu.Memang, berubah identiti jangan sesekali. Itulah bagi kami orang Hulu. Identiti yang dimaksudkan bukanlah tidak memakai capal, tetapi dari segi membudayakan perubahan yang mendatangkan kesejahteraan. Dikala ini, terlalu ramai yang mencari keuntungan dengan mengorbankan warga setempat sendiri. Saya memang tertarik dengan cara Tun, tidak hanya membawa kepada pembangunan di Kg. Tun sahaja, tetapi seluruh negeri Kedah. Entah bagaimana cara pemikiran para pemimpin masa kini, kalau nak ambik keuntungan pun biarlah kita dapat kongsikannya dengan orang-orang Hulu. Ini tidak, hanya menampakkan muka bila masa pilihanraya menjelang, tetapi bila habis PRU mereka duduk semeja dengan rakan-rakan kontraktor, menjamu ikan bakar dan sebagainya daripada projek-projek yang berjaya dipancing. Itulah yang orang Hulu takuti.Biarlah kami kekal dengan bahasa Hulu kami, biarlah muka kami macam Hulu, kami tetap dengan sikap setiakawan kami, sikap suka menolong, sikap hidup bermasyarakat.. Itulah identiti kami sebagai orang Hulu.. Terima kasih Tun kerana penulisan anda terhadap orang Hulu merupakan azimat kepada kami supaya lebih dahagakan perubahan serta satu pnghormatan kapada kami orang Hulu. Setuju dengan kata rakan saya, siapa pun kami disini kami tetap mengenali Tun....seorang pemikir ulung yang sukar bagi kami jangkau pemikirannya.
By AzMaAuthor Profile Page on February 12, 2009 11:05 PM

Assalamualaikum Tun,

1.Oooo Rupanya rupanya lebih ramai ORANG ULU dari ORANG BANDAR yang melawati Blog CHEDET ini kerana rata2 mengaku mereka adalah ORANG ULU.ORANG BANDAR dok sibuk dengan DEMONSTRASI dan REFORMASI aje yang tak habis2.

2.Terharu berserta bangga rasanya kerana saya pun asalnya ULU juga.

3.Masa sekolah rendah ditahun 70an saya terpaksa menaiki bot penambang hampir dua jam menghilir sungai baru sampai sekolah.

4.Yang sedihnya CIKGU BI yang dihantar ke Sekolah ULU pada waktu itu boleh dikatakan yang TAK

PANDAI BERBAHASA INGGERIS.Macamana budak ULU nak pandai BI? Bila masuk Sek Menengah di bandar baru saya dapat menguasai BAHASA INGGERIS.

5.Terima kasih kepada UMNO kerana memberi saya peluang serta biasiswa untuk saya belajar dan seterusnya sekarang ini menjadi PENJAWAT AWAM.

6.Sekarang tidak lagi tinggal di ULU.Dah dapat duduk di RUMAH BANGALO dan pakai KERETA BESAR.....kadang2 rasa seperti mimpi pula.....SYUKUR KEHADRAT ILAHI @ TERIMAKASIH UMNO.

Terimakasih TUN, Jasa TUN juga amat saya hargai.
By farlisAuthor Profile Page on February 12, 2009 11:12 PM

salam ayahanda ..

saya amat teruja dengan isu kali ini.. sememangnya tulisan tun dari dulu hingga kini masih sama... bernas dan tepat...

baiklah, berkaitan dengan isu bahasa inggeris.. saya rasakan ia tidak patut dilaksanakan dari dulu lagi, dan kalau nak dilaksanakan, biarlah ada sekolah kajian dulu, kiranya biarlah beberapa sekolah buat kajian dulu baru dilaksanakan kepada semua sekolah.

saya bukan nak menolak bahasa inggeris sebagai bahasa ibunda, tetapi apa yang saya nampak sekarang, kualiti pengajaran (guru) dan pembelajaran (pelajar) adalah paling rendah, walaupun banyak yang mendapat A kononnya, adakah dia adalah nilaian markah A semasa zaman2 menggunakan bahasa melayu dulu? kita tidak boleh lari, cikgu2 yang mengajar pelajar2 ini semua, kesemuanya adalah dari pendidikan yang menggunakan bahasa melayu sebagai bahasa pengantar.. dan bagaimana cikgu2 ini boleh menguasai kesemua elemen2 ini dengan cepat? hebat sangatkah cikgu kita?

tidak dinafikan, ramai cikgu2 yang khususnya di luar bandar, masih menggunakan bahasa melayu dalam pengajara, cumanya istilah2 sahaja dalam bahasa inggeris. jadi di mana kualiti bahasa inggeris itu sendiri? sampaikah objektif pengajaran tersebut kepada semua pelajar? fikirkanlah .... saya tak kata, semua penduduk di luar bandar itu tak pandai, seperti yang tun hujahkan di atas..

cumanya, dulu pun sebelum digunakan bahasa melayu, mungkin zaman tun , bahasa inggeris adalah yang paling utama, kerana zaman inggeris masih kuat. betul tak tun? :)

dan sekarang ini, selepas 6 tahun benda ini berjalan, pada hari ini timbul lagi isu ini? adakah ini melibatkan kontrak buku teks, yang memberi pulangan yang lumayan kepada seseorang individu?? adakah sekiranya buku teks baru dalam versi bahasa melayu, akan memberikan pulangan yang sebegitu banyak sepertimana projek PPSMI ini dijalankan dulu?

adakah selepas ini, ada pertukaran menteri akan mencorakkan lagi perubahan dalam intitusi pendidikan?

apakah matlamat sebenar pendidikan di malaysia?
sudah lupakah, kementerian dan guru2 tentang falsafah pendidikan kebangsaan (fpk) ???

selamilah, fpk tersebut, nescaya perkara sebegini tidak akan berlaku..

jadi, dengan rendah diri dan rasa hormat kepada kerajaan malaysia, ini adalah pendapat peribadi, dan ia tidak berkaitan dengan mana2 parti politik...

yang benar,
pencabar zaman ini
By azamAuthor Profile Page on February 12, 2009 11:26 PM

Salam Tun,

Topik ni sgt menarik sebab banyak kaitan dgn saya. Walaupun ramai org Melayu diberi peluang utk belajar dan jadi orang yang berguna, tp ada jugak yang dilepas pandang, tak diberi peluang sewajarnya.

Masa belajar dulu, saya boleh dikatakan pelajar yang cemerlang dan selalu mendapat markah tertinggi dalam kelas. Malangnya, impian saya utk bersekolah asrama penuh tak pernah tercapai, perkara yang sy sgt tak faham dan menjadi igauan dalam hidup sy. sy rasa perkara ni telah mencorakkan masa depan saya. ada rakan2 yang jauh ketinggalan dari saya tetap dapat peluang mcm tu. hasilnya lepas dua peperiksaan yang besar dan setelah sy berusaha bertahun-tahun, sy tetap tak dpt peluang tersebut. lepas tu sy dah tak boleh tumpukan pada pelajaran lg sbb sy rasakan usaha sy selama ni mcm sia2. Sy tau ada orang yang menggunakan 'orang dalam' utk masukkan anaknya ke tempat yang lebih baik. Hasilnya orang yang menggunakan saluran yang betul terabai dan tersekat peluang utk jadi lebih berjaya. Perkara ni sgt penting sbb pergaulan dgn rakan2 yang tak mau belajar akan menyeret kita sekali dan sy tak dpt kemudahan seperti guru yang lebih baik dan rakan2 yang tak jemu berusaha. dalam Islam pun kita digalakkan memilih kawan yang betul dan nampaknya sy tak de pilihan. sy yakin, bukan sy sorg je dianak tirikan mcm ni.

Akhir sekali, sy dah tak de keinginan yang tgi utk cemerlang (ye, mmg salah sy) walaupun sy tau sebenarnya sy boleh buat klu sy ada keinginan. moral sy betul2 merudum. dgn keputusan yang tak seberapa, sy dilelong ke universiti yang tak berkualiti. salah saya ke sebab tak mau berusaha lg (belum tentu juga dpt sbb orang lain guna 'orang dalam') atau salah kerajaan kerana tak bagi peluang yang wajar bg orang yg dah berusaha. Dlm fakulti tu, tak de sorg pun pensyarah yang bergelar profesor. Pensyarah tak berminat dgn apa yang mereka ajar. Mengajar hanyalah kerjaya bagi mereka. course yg sy ambil ialah e-dagang (perniagaan menggunakan internet), tapi tak de kemudahan internet pada masa tu walhal universiti lain yang bukan fokus kepada subjek tersebut sudah ada kemudahan tersebut. oleh kerana sy dilelong, sy dpt subjek yang sy tak minat. semua ni berpunca dari peluang yang tak diberi masa sy betul2 cemerlang dan bersemangat. disebabkan sy tak minat, sy tak tumpukan pelajaran sy tapi sy tumpukan kepada subjek yang sy minat yang sepatutnya hanya terdapat dalam course di universiti lain. sy hanya dptkan keputusan yang cukup2 makan semata2 utk dapatkan ijazah. saya harus ucapkan terima kasih kepada kerajaan sebab ijazah tu yg membolehkan sy dapat kerja. walau bagaimanapun, kerja saya sekarang hasil drp usaha sy belajar apa yang sy minat dulu dan tak berkaitan langsung dgn subjek yang diambil semasa universiti dulu. kerja yang sy dapat sekarang yang tentunya bukan dalam kerjaan adalah kerana usaha saya sendiri. klu bukan sebab kerja sekarang perlukan sijil, tak perlu rasanya saya masuk universiti. Sy tau sume yang jadi ni, ada hikmahnya. Sy bkn tak reti nak berterima kasih, cuma sy tak puas hati sebab sy tak diberi peluang sewajarnya oleh kerajaan kita sendiri dan kerana adanya penggunaan 'orang dalam'!

Hai lah nasib...

Sekian.
By BajuKurungUnguAuthor Profile Page on February 12, 2009 11:40 PM

Ayahanda,
Apa yg tersirat dlm coretan ayahanda kali ini ialah mengenai PPSMI. Ketahuilah ayahanda, sy antara yg tidak menyokong PPSMI. Kami tidak pernah memperlekehkan org kampung atau org Ulu. Sy sendiri adalah org kg. Belajar dlm BM (Bahasa Melayu bukan Bahasa Malaysia!) hingga berjaya mendpt Ijazah dlm Kejuruteraan Awam dr Universiti di Boston, Massachusetts, USA (sama tempat dgn Mukhriz) atas tajaan JPA (terima kasih teramat sgt). Beribu alasan dan sbb knp PPSMI patut dimansuhkan telah ayahanda dgri dr pejuang bahasa. Sy hairan knp ayahanda masih tidak menyokong pemansuhannya. Sy hanya ingin menceritakan masalah anak keempat saya yg dlm Tahun 5 sbg contoh. Saya dan suami yg berkemahiran tinggi berbahasa Inggeris juga mempunyai anak yg bermasalah dlm PPSMI. Bila diterangkan soalan dlm BM, anak akan menjawab "ooo kacang je". Bgmn dgn ibubapa yg tidak tahu berbahasa Inggeris? Anak ketiga sy yg baru UPSR tahun lepas mendpt 5A tapi S&M masih dwibahasa dan dia menjwb dlm BI tapi membaca soalan dlm BM. Bgmn agaknya bila tanpa dwibahasa? Sanggupkah kita memperjudikan masa depan anak kita? Anak ke4 sy, katanya, dia paling benci pelajaran S&M sbb dlm BI. Cikgu pun tak berapa reti katanya. Tak sprt yg emak terangkan. Saya seorang

jurutera, S&M dlm tgn... bgmn dgn majoriti ibubapa lain? Mungkin ayahanda terlepas pndg dgn masalah kecil sebegini, tapi impaknya besar utk anak2. Berapa ramai anak2 Melayu di kg, waima pekan sekalipun yg ponteng sekolah kerana PPSMI? Ramai ayahanda, teramat ramai. Bila sy balik kg di Perak, masalah PPSMI lagi teruk. Jadi tolonglah dgr rintihan org kg, sekurang2nya jika S&M dlm BM bolehlah ibubapa turut membantu anak2. Tuisyen? Berapa ramai yg mampu... fikir2kanlah ayahanda dan anda semua.

Jgn sampai BM hanya sbg bahasa harian, ayahanda. Saya bangga berbahasa Melayu walaupun sy boleh berbahasa Inggeris dgn baik sekali. BAHASA ITU LAMBANG BANGSA.

Hapuskan PPSMI!
By ReewaAuthor Profile Page on February 12, 2009 11:42 PM

Salam Tun,

Saya dapati ramai pembaca blog ini tidak mengerti apa yang cuba dimaksudkan oleh Tun.

Sebenarnya apa yang dimaksudkan pelh Tun ialah tentang protes pembelajaran bahasa Inggeris untuk matapelajaran Matematik dan Sains.
Ada pihak termasuk beberapa parti politik ingin menganjurkan perarakan 100,000 orang ke istana negara untuk memprotes pembelajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris. Mereka ingin meminta supaya dikembalikan semula pembelajaran kedua subjek tersebut dalam bahasa Malaysia.

Alasan mereka mudah saja. Ramai pelajar Melayu diluar bandar gagal dalam kedua matapelajaran ini disebabkan oleh kurang penguasaan bahasa Inggeris.

Ya, mungkin pendapat mereka ini benar.Orang Melayu tidak boleh kuasai bahasa Inggeris, sebab itu mereka gagal.

Jadi dengan kembalikan pembelajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Malaysia, akan menjadikan mereka insan yang cemerlang.

Hehehehe......cemerlang didalam negeri, tapi mundur diperingkat antarabangsa.

Hai....jaguh kampunglah namanya...
By pakbelalangAuthor Profile Page on February 12, 2009 11:54 PM

Puteri Umno To Send Advanced Teams To By-election Areas

KUALA LUMPUR, Feb 12 (Bernama) -- The Puteri Umno movement will be sending advanced teams to Bukit Selambau, Kedah and Bukit Gantang, Perak, to survey the situation in these areas where by-elections will be held soon.

Puteri Umno Chief Datuk Noraini Ahmad said, the teams consisting of Puteri members from the divisions and branches will look at infrastructure and suitable activities to be carried out starting tomorrow.

comment:

Don't get excited, Noraini. I think it is gross stupidy to send advance teams on your own.This strategy will be backfired. To make the campaign effective, the planning must be coordinated properly. Simply doing things on your own initiative does not mean that you are productive. There must be ONE KAPALA to call the shot ie the campaign manager. You just cannot have separate activities from one sayap of UMNO doing different things. Memang hancur. Finally, you will get all kinds of "shitt" feedback from the ground with different signals. Wanita, Pemuda, Putra and the UMNO leaders all having separate planning and objectives.It is foolish, indeed !!

What UMNO should do is to have brainstorming sessions NOW. Identify and select suitable Campaign

Manager to plan, coordinate, monitor and control all the actvities instead of going different ways. Gunakan akal sikit lah. I thought you are a professional. This is very simple management principle that UMNO must apply to achieve its objevtives.

Bersatu teguh, bercerai roboh, my dear "green" girl!!

By rm_mommyAuthor Profile Page on February 13, 2009 12:06 AM

Dear Tun,

I was born in the 60's and abandoned by my parents when their marriage failed. I remember when I was 5, clutching a plastic bag of my meagre clothes, I walked alone amidst barking dogs and followed my mom's instruction to look for my grandparents' house. WHen I was eight, both grandparents passed away. I lived with one relatives after another after that, they were all barely getting by.

My dear grandmother saw to it that I was enrolled in an English school. Nobody spoke English at home, they never went to school themselves. I remember not knowing how to tell the teacher that I needed to go to the toilet and ended up embarassing myself in the classroom. Driven by need and having no other option, by standard two I was writing short half a page essays. A commendable achievement even for kids today.

Situation at home was not good but I found joy in learning. I got a place in a good secondary school, given scholarship, free books, sometimes free uniforms througout the years. Eventually I studied in the US with a scholarship, realised that the mat sallehs are not as bright as we were told, on the average, I can safely say they were pretty stupid, and I was in California, not some red neck states!

I am not intimidated by the mat sallehs and with a good command of English I could engage in a good argument with them anytime. My line of work necessitates a lot of interaction with foreigners. I survive and am enjoying it thanks to my grandmothers' decision to send me to an English school. Given my deplorable social and economic background, nobody would imagine I could rise through it all.

I thought you would like to know how certain policies have helped kids like me. Thank you Tun, you may not be perfect (some of your views are debatable :-) ) but I am proud when I was overseas and told people I am a Malaysian, they replied, "Oh Mahathir Muhamad, Malaysia!!"... even when you were no longer reigning.
By pakbelalangAuthor Profile Page on February 13, 2009 12:07 AM

List Of Local Names To Be Submitted For BN Candidacy

TAIPING, Feb 12 (Bernama) -- Perak Menteri Besar Datuk Dr Zambry Abdul Kadir said a few local names proposed by Bukit Gantang Umno for selection as Barisan Nasional (BN) candidate for the Bukit Gantang parliamentary by-election would be submitted to the party leadership.

He said the list would be submitted to Deputy Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak, who is also Perak BN chairman, for a decision by the leadership.

"We have received a few names which are proposed by the division...the leadership will make the evaluation. The basis is that the candidate must be someone favoured by the people," he told reporters after a closed-door meeting of the Bukit Gantang Umno division here, Thursday.

comment:

Pilih "Abdul Wahub" yang bijaksana dan jangan lah tersalah pilih "Abdul Wahab" atau "Abdul Wahid" pulak. kah, kah, kah. Banyak pengajaran boleh didapati dalam filem Tiga Abdul sebagai rujukan.
By pakbelalangAuthor Profile Page on February 13, 2009 12:25 AM

Dear Tun,

Big battle to win over Chinese votes

KUALA LUMPUR: A battle is in hand for a battle to woo the hearts and minds of Chinese voters at the Bukit Gantang by-election.

Both MCA and the DAP are working doubly hard for the all-important Chinese votes as the community comprises more than 14,000 or 27 per cent of the electorate.

MCA is going to fall back on BN's track record and experience, while DAP is going to town with BN's "unconstitutional" takeover of the state government and highlighting its own track record during its 10 months in power.

comment:

Enough is enough. The chinese must support BN. What is the point of continuing to vote the opposition. You don't gain anything at all except instability. The economy is in bad shape. The chinese must give full backing to BN to fix the economy. We can't afford to have continuous political instability.What do we gain except frustration.
Please accept the fact that UMNO will come back strong after the UMNO election. The lame duck Pak Lah will be gone and few other deadwood leaders. Be rest assured Najib can deliver with flying colours provided Rosmah must behave well. Don't be arrogant !! That's the perception of many people about Rosmah's behaviour. Very damaging indeed if the negative perception continues to persist.
By wanfaiAuthor Profile Page on February 13, 2009 12:27 AM

kekalkan pembelajaran sains dan matematik dalam bahasa inggeris!
By amirAuthor Profile Page on February 13, 2009 12:44 AM

Brilliant...Being scarcastic and to the point at the same time..We all come from the kampong...But we forget...When will the Malay race ever learn..There is no free lunch..Sooner, not later, we all have to pay for it..
By lizafaoAuthor Profile Page on February 13, 2009 12:48 AM

Salam, saya sangat yakin yg TUN maksudkan adalah berkenaan belajar Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris.

Sebenarnya...bukan tk bagus belajar dalam bahasa inggeris untuk kedua2 subjek ini, tp sesiapa yg pernah mengajar subjek ini kepada pelajar bandar mahupun luar bandar atau ulu bak kata Tun,akan faham akan situasi yg berlaku...bkn semua tp kebanyakannya pelajar (bkn memperlekeh) hakikatnya memang tak berminat dengan kedua dua subjek ni...terutama kaum majoriti..(saja jer tk nak direct) bila diajar guma bahasa omputih yg mereka belum sepenuhnya dkuasai..alangkah sedih..sesiapa yg pernah menghadapi akan tahu situasi...rasa kesian sangat...

Susahlah...mungkin pada sesetengah org ia OK,tp kepada yg tk OK tu macam mane Tun? Masa terus berjalan...mmg ramai yg berjaya tp banyak jugak yg telah terkorban...

Saya berdoa semoga ada satu jalan penyelesaian yg adil dan saksama untuk semua demi kebaikan bersama.Selamat Malam.
By Anak KSBAuthor Profile Page on February 13, 2009 1:12 AM

Salam Tun!

Isu kali ini sangat menarik. "Bahasa Inggeris" dan "Ulu". Best ni....

Bahasa......
Pahlawan Lagenda Melayu....Hang Tuah dikabarkan fasih menguasai 8 bahasa dunia. Bahasa yang penting pada masa hayat dia lah. Kenapa? Dis Laksamana Melaka. Dia baru belajar semua bahasa tu apakala dia terlantik jadi Laksamana kah? Tentu dari masa umur kanak-kanak lagi. Laksamana masa tu tugas dia agaknya lebih kurang macam menteri sekarang lah. Pendekarnya Hang Tuah bukan hanya pencak dan gerak tari silatnya saja. Tapi ketangkasan gerak fikirannya juga. Berurusan dengan anak negeri juga orang luar dengan bijaksana. Ada ilmu baru boleh bijaksana. Tiada ilmu kena pijak dimana-mana.

Bodoh lah menteri...ahli politik...aktivis masyarakat...ibubapa ....yang berfikir bahawa malaysia mesti mendidik anak negeri dalam satu bahasa kerana bermodalkan cogan "perpaduan rakyat". Siapa yang jual idea ini?....Ada Ah Seng? Ada Raju?....Ada ? Ada? Hanya Dolah yang bodoh saja!!!!

Woi Melayu Pengecut! Hang Tuah lima sahabat bertutur banyak bahasa tahu tak? Oh! Mereka tidak hidup hari ini untuk beritahu kau orang tentang pandainya dia orang. Cerita dia orang ni tertulis dalam buku sejarah. Melayu pengecut tak baca buku.

Sekolah bahasa inggeris takut anak tak pas. Nak belanja lebih takut tak dapat mewah yang lain. TV Plasma harga RM 5,000.00 boleh beli. Desktop komputer harga RM 1,500.00...."mahal-lah....secondhand ada tak?"

Woi Melayu Pengecut! Biarlah anak kau orang belajar dalam bahasa inggeris. Bertutur bahasa Inggeris tak akan menyebabkan anak kau orang jadi orang inggeris.

Woi Melayu Pengecut! Biarlah anak kau orang belajar dalam bahasa Inggeris. Bahasa ini bahasa perantaraan seluruh dunia. Dunia makin kecil. 8 jam sampai mekah...dulu 1 bulan. Dari Ulu sampai pekan dulu 8 jam ....sekarang tak sampai satu jam. Orang cari makan jauh-jauh. Orang jauh datang sini cari makan berbekal ilmu. Kesian anak-anak kau orang esok. Tak dapat bersaing. Jadi hamba di tempat sendiri. Kau orang nak senang belanja sekarang....kesian lah kat anak-anak tu.....Woi Melayu...jangan terus jadi bodoh!

Ulu....
Ulu sungai....pedalaman....batu.....jeram berarus deras....

Hilir...
Muara sungai.....sungai nan lebar....arus nan tenang dan lesu...

Ulu.....
Udara nan bersih....kehijauan....air nan bersih....jeram mencabar...mencabar yang sihat....membina kecekalan dan jatidiri...

Hilir....
Udara nan cemar....hijau menipis....air berarus lesu berkeladak....menccemar kesihatan tubuh dan akhlak....

Melayu cetek....Melayu tak sedar diri.....Melayu perasan...Melayu pengecut...cuba fikir tentang baris baris ayat dia atas. Lepas tu fikir! Fikir Melayu!!!!Fikir!! Yang mana Ulu yang mana Hilir....Yang mana "town/city lad" yang mana "budak kampung". Ah! Buang masa betul saya ni Tun.....Orang bodoh macam dia orang mana boleh berfikir? Nang tahunya minta subsidi....kerajaan kena tolong melayu forever....ada yang dapat biasiswa kerajaan belajar ke England komplen apa tau...."Universiti tu tak tolong melayu langsung"....apahal Mat Saleh tu nak tolong melayu....tu lah mentaliti tolong....tolong dan minta org tolong. Saya rasa rangkap "minta tolong" harus hapus dari minda melayu. "Beri pertolongan" boleh simpan, tapi dengan hadnya.

Siapa Melayu yang mudah lupa harus ingat. Jangan nak naik sorang diri. Pokok-pokok dihutan kalau ribut susah nak sekah...patah atau tumbang. Dia orang akan serap dan tapis serangan ribut bersama-sama. Sokong menyokong. Taufan datang pun dia orang harus OK.

Tapi...kalau pokok tinggi nan sebatang di tepi padang....angin semubu jalang pun dia tak dapat hadang. Esok esok hancai jadi kayu api buat kopi tetamu bertandang.

Ah! Sembang......Salam Tun.

By jangswkAuthor Profile Page on February 13, 2009 1:32 AM

a'kum tun,

Memang benar apa yang Tun lafazkan.
Saya juga merupakan rakyat jati sarawak dan adalah seorang bangsa yang beketurunan melayu (sungguhpun tak sama rumpun dengan melayu semenanjung)juga terasa apabila Tun mengatakan demikian rupa.

Tun, sesungguhnya kami melayu sarawak (dulunya terdiri dalam keturunan dayak bandar terutamanya memang tak boleh dinafikan bahawanya kebanyakan melayu sarawak adalah berasal dari keturunan Iban dan Bidayu atau dayak bandar) memang beanggapan bahawa orang yang tinggal di luar bandar adalah masyarakat yang mundur..terutamanya orang Iban...Tetapi hakikatnya kita orang melayu dan Dayak di sarawak adalah sama serumpun (jika diteliti sejarahnya) cuma yang memisahkan ialah agama iaitu disebabkan Tempat kediaman mereka.

oleh itu, saya amat bebesar hati agar para rakan yang memabaca Blog Tun ini mengerti bahawa bertapa pentingya perpaduan di sarawak ditingkatkan lagi dengan mengantikan pemimpin yang ada sekarang agar tidak memecah -belahkan perpaduan kaum di sarawak. Bersama-samalah kita orang sarawak berusaha untuk keluar dari malaysia agar masa depan kita tejamin dari terus memberi kesenangan kepada rakyat semenanjung....

Apa nak takut Sabah dan sarawak kan masih banyak Minyak dan Balak...Tak usah nak gaduh2 seperti rakyat semenanjung... suatu hari nanti pasti rakyat dan pemimpin sarawak akan bangkit juag untuk keluar dari Malayisia...Hidup Rakyat Borneo....
By pakbelalangAuthor Profile Page on February 13, 2009 1:35 AM

Dear Tun,

Sungguh melucukan Karpal Singh suruh Anwar "bertaubat" !

Karpal tak sebutkan dengan jelas bagaimana caranya untuk Anwar "bertaubat".

Adakah Anwar kena pergi temple orang menganut agama Sikh untuk bertaubat dan diampunkan dosanya?

Leave a comment
Sign in to comment on this entry.